99-4188



Jaafar Bakar

MUSUH BARU MAHATHIR

KANDUNGAN-KANDUNGAN MENARIK DI DALAM

	Muka surat
BAB 1 Surat Ummi Punca Anwar Pasrah	1
BAB 2 UMNO Tenang Dalam Gelora	15
BAB 3 TPM! Siapakah Calon "Favourate" Mahathir	29
BAB 4 Ada Pemimpin Berpura Depan Mahathir	49
BAB 5 Kenapa Mahathir Marah Anwar	58
BAB 6 Azizah Tak Dapat Tidur	66
BAB 7 Datuk Nalla Terseret Kerana Buku 50 Dalil	74
BAB 8 Mahathir *the* Machiavelli	84
BAB 9 Singa Tua *Vs* Singa Muda	101
BAB 10 Masyarakat Kalut Kerana Internet	112
BAB 11 Perang Mulut Dijagat Komputer	121
BAB 12 Musuh Baru Dr. Mahathir	132
BAB 13 Siapa Agen CIA?	138
BAB 14 Sekam Dari Luar	148
BAB 15 Ucapan Al-Gore: Benarkah Media Tersalah Lapor	156

KOLEKSI NEGARA
2377961
NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
27 OCT 1999



Hampa semua dengaq sini, Pak Lah dah jadi TPM dan hang Najib sabaq-sabaq dulu, hang tu muda lagi.
Ku Li, hang aku harap boleh bantu Daim jaga duit, jangan habiskan duit sudahlah.
Nwar, hang ni pun satu, degil sangat tak mau dengaq cakap aku. Bila jadi lagu ni, semua orang nak hang salahkan. Aku ni dah nak bersara tak lama lagi. Apa-apa hal nanti hang tanyalah Pak Lah kerana dia jugak Menteri Dalam Negeri. Nasib hang aku serah dekat Pak Lah kerana aku dah tak jaga KDN lagi.

PRAKATA

Terlebih dahulu salam hormat saya kepada semua pembaca kerana sudi meluangkan masa membaca buku 'Musuh Baru Dr. Mahathir' yang merupakan buku kedua terbitan Arus Andaman Sdn Bhd.

Buku pertama bertajuk 'Nasib Anwar di Hujung Mahkamah' sudah berada dalam pasaran.

Secara ringkas untuk makluman pembaca, buku 'Musuh Baru Dr. Mahathir' bukan bermaksud untuk menyentuh peribadi sesiapa, hatta Dr. Mahathir sendiri. Sebaliknya, rencana-rencana yang terdapat di dalamnya bukan sengaja direka oleh para penulis tetapi ia adalah satu realiti yang tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak.

Lahirnya buku 'Musuh Baru Dr. Mahathir' ini berikutan sejak pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari kerajaan dan UMNO pada 2 September lalu, secara mendadak musuh-musuh Dr. Mahathir tiba-tiba tumbuh bagai 'cendawan dimusim hujan' dan datangnya dari berbagai sumber maklumat termasuk dari akhbar-akhbar tempatan, media elektronik khasnya dari Internet yang merupakan satu teknologi moden musuh baru dunia tercanggih masa kini.

Dalam konteks ini apa juga yang menjelma dalam Internet tidak seharusnya diambil ringan oleh masyarakat termasuk para pemimpin. Kita harus membezakan antara laporan maklumat yang betul dengan yang salah bagi memastikan negara tidak menjadi kucar-kacir kerana terpengaruh dengan dakyah Internet itu.

Internet semacam mahu mengambil alih kuasa kerajaan yang ada dengan cuba mengadu domba antara pemimpin dengan pemimpin parti yang memerintah.

Sehubungan itu, rakyat harus berhati-hati agar tidak mudah terpengaruh dengan hasutan maklumat-maklumat Internet yang didalangi oleh Barat.

Sekian. Selamat Membaca.

-JAAFAR BAKAR-

PENGERUSI EKSEKUTIF
ARUS ANDAMAN SDN BHD
TAJUL ARUS NOORDIN PJK,PJM

PENGARANG
JAAFAR BAKAR

PENULIS UNDANGAN
AMIR TAN
AZINUR
BAHARIN RAMLY
ISMAIL HASHIM
MUHA NURASHA
ZULFA MUHAMAD
NOOR AINI HASHIM (NONI)

PENERBIT
ARUS ANDAMAN SDN BHD
TINGKAT 3, UNIT 3.04
MENARA PSCI
JALAN SULTAN AHMAD SHAH
10050 PENANG
Tel : 04-2279380/2279381
Fax: 04-2279376
e-mail: andaman@tm.net.my

PENCETAK
FOH SZE PRINTING & TRADING (M) SDN BHD
70 – 72 CARNAVON LANE
10100 PENANG
Tel: 04-2619594/2612740
Fax: 04-2614026

HARGA

Semenanjung Malaysia	RM 8.90
Sabah & Sarawak	RM10.00

@Hakcipta terpelihara.

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula dalam apa jua bentuk sebelum mendapat izin bertulis daripada ARUS ANDAMAN.

BAB 1

SURAT UMMI PUNCA ANWAR PASRAH

Ummi Hafilda Ali bukanlah seorang celebriti yang tersenarai sebagai *top star* di Malaysia tetapi tiba-tiba dia muncul sebagai seorang wanita paling glamor dan *popular* masa kini.

Penampilannya setiap kali hadir di mahkamah menjadi perhatian masyarakat. Bola mata setiap lelaki yang ada di sekitar mahkamah tertumpu kepadanya apabila setiap kali beliau melangkah keluar dari kereta.

Namanya mula menjadi sebutan ramai. Ummi Hafilda nama yang diberi oleh Pak Ali dan ibunya Che Tom Yahya, mula meniti dari bibir ke bibir, senyumannya sudah cukup untuk menambat hati setiap lelaki tambahan berbagai fesyen pakaian yang dikenakan amat menarik sekali begitu mempesonakan dan sedap mata memandang.

Mengancam sungguh orangnya, begitu kata-kata yang sering terdengar dari sesetengah mereka yang hadir di sepanjang hari perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bermula pada 2hb. November lalu.

Sebelum kes Anwar Ibrahim tersebar kepada umum, orang tidak mengenali langsung siapa Ummi Hafilda malah mengenalinya jauh sekali.

Tetapi sebaik sahaja isu bekas menteri kewangan itu menjadi kes mahkamah, wajah anggunnya saban hari terpampang di dada-dada akhbar tempatan seolah-olah beliau sudah tahu dirinya akan menjadi daya tarikan di kalangan jurugambar media massa yang sedia ada di persekitaran Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Bukan setakat juru-jurugambar akhbar tempatan meminati mengambil gambar-gambarnya malah juru-jurugambar akhbar media asing turut juga merakam potretnya yang setiap kali bertukar fesyen. Masih berstatus dara, Ummi Hafilda, 31 tahun, merupakan saksi wanita terpenting dari 52 orang saksi bagi pihak pendakwaraya dalam kes

perbicaraan Anwar Ibrahim yang menghadapi sepuluh tuduhan meliwat di luar tabii, skandal seks dan rasuah semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Rebahnya Anwar dalam kerjaya politiknya berpunca dari surat Ummi Hafilda kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bertarikh 8hb. Ogos 1997 yang antara lain isi kandungan tersebut Ummi mendakwa bekas Timbalan Perdana Menteri itu mempunyai perilaku buruk termasuk mengadakan hubungan sulit dengan kakak iparnya, Shamsidar Taharin sehingga mendapat anak bernama Hafifah.

Selain itu Ummi dalam suratnya kepada Dr. Mahathir juga mendakwa, Anwar turut melakukan hubungan seks sejenis dengan pemandu isterinya, Datin Seri Dr. Azizah, Azizan Abu Bakar dan mendakwa abangnya Mohd Azmin, setiausaha Anwar (suami Shamsidar) mengamalkan rasuah.

Kemuncak daripada surat tersebutlah, Anwar mula pasrah yang akhirnya membawa kepada kehancuran masa depan politiknya. Surat Ummi kepada Perdana Menteri benar-benar memberi kesan hebat dalam sejarah penglibatan Anwar dalam politik.

Lebih malang bagi bekas Timbalan Presiden UMNO itu, surat rahsia Ummi kepada PM pantas dihidu oleh penulis Khalid Jafri lalu dititipnya dalam sebuah buku "**50 DALIL MENGAPA ANWAR TIDAK BOLEH MENJADI PM**".

Buku yang berjaya dihasilkan oleh Khalid Jafri kemudian tersebar luas di seluruh negara dan paling menggemparkan buku berkenaan sempat diseludup ke dalam beg sesetengah perwakilan UMNO yang ketika itu sedang menghadiri perhimpunan agung parti tersebut pada tahun lalu. Ekoran daripada surat itu, Ummi mula menjadi buruan pihak polis kerana dikatakan cuba memfitnah dan memburuk-burukkan nama baik Anwar Ibrahim yang pada waktu itu masih menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO. Untuk mengelak dari terus-terusan dia diburu dan ditangkap, Ummi Hafilda terus menjadi "pelarian" di kota batu kosmopolitan ibu negera Kuala Lumpur tetapi pelariannya tidak lama kerana pada malam 17hb. Ogos 1997, Ummi Hafilda dan Azizan Abu Bakar berjaya diberkas di rumah banglo Dr. Ristina Majid di Bangsar,

Kuala Lumpur dalam satu operasi yang dinamakan "*Solid Grip*" yang dilancarkan oleh sepasukan polis dari cawangan khas.

Ummi, anak bongsu daripada enam adik beradik, tiga lelaki dan tiga perempuan dilihat sebagai seorang wanita "*Superlady*" yang berani dan bertanggungjawab membongkar salah laku seks dan liwat Anwar Ibrahim yang pada masa itu berada dalam kedudukan orang nombor dua dalam kerajaan dan UMNO.

Surat 'sulit' Ummi kepada Dr. Mahathir adalah di antara barang kes penting sepanjang perbicaraan kes Anwar kerana ia turut melibatkan nama-nama seperti Shamsidar, Norziela Jalil (Ziela) isteri kedua kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Megat Junid Megat Ayub dan Datin Normala Mohd Yusof, isteri kepada seorang ahli perniagaan yang tidak asing lagi di Kuala Lumpur, Datuk Zamrin.

Kehadiran pelakon Ziela Jalil dan Normala Yusof turut menjadi perhatian ramai di mahkamah. Kedua-dua mereka adalah sahabat baik Ummi Hafilda. Ziela Jalil dalam kes Anwar disebut sebagai orang yang menerima surat Ummi untuk diserahkan kepada suaminya, Datuk Megat Junid sebelum diserahkan kepada Dr. Mahathir.

Ketrampilan Ziela juga menarik perhatian ramai setiap kali hadir diperkarangan mahkamah. Beliau sentiasa mengenakan kebaya moden dan kurung bersulam serta bertudung menampakkan kesopanan sebagai isteri kepada seorang menteri.

Normala seorang *business women* dalam kes ini disebut sebagai orang yang telah meminjamkan keretanya kepada Ummi untuk mengekori Shamsidar Taharin yang didakwa oleh Ummi dalam suratnya kepada PM kerap bertemu dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Penampilan Normala yang tidak lekang dengan kaca mata hitam turut mengundang perhatian khasnya dari kalangan jurufoto media massa dan elektronik yang setiap kali kehadirannya sudah pasti mendapat rakaman gambar kerana stail fesyennya turut berubah-ubah.

Dalam perbicaraan hari pertama pada 2hb. November lalu, nama Ummi tersenarai tempat teratas sebagai saksi utama daripada 52 orang

saksi lain.

Dari lima wanita yang menjadi saksi penting perbicaraan kes Anwar iaitu Normala, Ziela, Shamsidar dan Dr. Ristina, Ummilah menjadi sasaran perhatian ramai kerana penampilannya berjaya memukau bukan sahaja di kalangan kaum lelaki tetapi kaum wanita juga turut terpesona dengan gaya fesyennya yang selalu berubah-ubah. Begitu juga stail rambutnya yang berkilau kemerah-merahan.

Ummi yang berbadan sederhana berkulit cerah sememangnya pencinta fesyen dan kini ada sesetengah pihak menyamakan beliau sebagai "Monica Lewinsky Malaysia" kerana ketrampilannya seperti Lewinsky yang terlibat dalam skandal seks dengan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton.

Cuma bezanya, Ummi anak Pak Ali yang dilahirkan pada bulan Jun 1967 di Kampung Klang Gate, Kuala Lumpur tidak terlibat skandal seks dengan sesiapa sedangkan Monica Lewinsky terlibat skandal seks dengan Presiden Amerika. Cuma apa yang sama, kedua-dua wanita ini tiba-tiba menjadi *glamour* dan *popular* sekaligus menjadi *public figure* kerana peranan masing-masing yang berbeza.

Ummi yang cuma berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari Sekolah Menengah Perempuan Air Panas, Setapak, Kuala Lumpur sebelum melibatkan diri dalam perniagaan sendiri dalam bidang pengiklanan pernah bekerja di dua buah bank sebagai kerani dan pegawai bank.

Sebagai seorang usahawanita, Ummi dikatakan banyak mengenali orang-orang politik dan bercita-cita menjadi ahli politik pada satu hari nanti. Selain orang-orang politik yang dikenalinya, Ummi juga mempunyai ramai kawan-kawan dari golongan artis dan tidak hairanlah beliau dikatakan sering mendampingi mereka. Perkenalan beliau dengan golongan artis adalah menerusi abangnya, Azwan Ali bekas pengacara TV3 yang terkenal dan kini mempunyai kontrak kerja dengan Astro.

Sementara perkenalan Ummi dengan ahli-ahli politik terkemuka pula ialah menerusi abangnya, Mohd Azmin bekas setiausaha Anwar Ibrahim.

Berbalik kepada fesyen pakaiannya, setiap kali hadir di mahkamah bermula 2hb. November lalu, Ummi dilihat berminat mengenakan sut jaket dan skirt berwarna polos. Tidak dinafikan pakaiannya sentiasa *up-to-date* dan fesyen yang dikenakan sesuai dengan bentuk tubuhnya yang sederhana tinggi.

Hari pertama perbicaraan Anwar, Ummi mengenakan sut berwarna hijau diikuti hari-hari berikutnya dengan sut merah, biru, coklat dan hitam putih. Ada ketikanya dia memberi peluang gambarnya dirakam.

Atur langkahnya terus-terusan menjadi perhatian kerana *style* jalannya turut menjadi daya tarikan kerana Ummi Hafilda bukan sekadar mempunyai wajah menawan malah senyumannya begitu mempesonakan kepada sesiapa yang terpandang.

Dengan menggalas beg tangan dari jenis berjenama sambil di tangan memegang telefon bimbit, kemunculan Ummi Hafilda disepanjang perbicaraan Anwar Ibrahim nanti setida-tidaknya menceriakan suasana di persekitaran Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Boleh dikatakan selain tumpuan diberikan terhadap perbicaraan kes Anwar Ibrahim fesyen pakaian saksi-saksi wanita lain turut mencuri perhatian umum kerana ada di antara mereka merupakan *public figure* dan isteri orang ternama.

Ummi dalam surat sulitnya kepada PM turut mengaitkan nama bekas Pengarah Urusan Magnum Corporation Sdn Bhd, Datuk Nallakaruppan Solaimalai sementara adik angkat Anwar, Sukman Darmawan Samitaat Madja, Ummi mendakwa Sukma punya hubungan homoseks dengan bekas TPM itu termasuk Dr. Munawar Ahmad Annes. Bagaimanapun, Sukma dan Dr. Munawar dalam perbicaraan pada 19hb. September lalu telah mengaku salah melakukan hubungan seks luar tabii dengan Anwar dan masing-masing dihukum penjara enam bulan.

Sementara itu kemunculan Fatimah Bel Hadi, isteri Dr. Munawar turut menarik perhatian jurugambar akhbar. Wanita keturunan Algeria berambut kerinting, berkulit putih ini turut berada di perkarangan Mahkamah Tinggi selang beberapa hari kes Anwar bermula dengan pakaian ala punjabi dan kelihatan mesra.

Mengenai Ummi, beliau dikatakan banyak menimbulkan masalah dan memeningkan kepala keluarga Pak Ali kerana Ummi seperti bapanya, agak tegas dalam beberapa keadaan tetapi suka berterus terang sifatnya.

Ini berikutan Ummi dikatakan mempunyai *life style* tersendiri dan terlalu sosial dan sukar mengikut kata. Sumber-sumber yang rapat dengan keluarga Pak Ali mendakwa tindakan Ummi telah menyakiti hati Azmin dan menimbulkan perasaan tidak senang Pak Ali terhadap tindak tanduk Ummi.

Walau apapun imejnya tetapi Ummi pandai mengaji Al-Quran, kata beberapa orang rakan rapatnya. Ini berdasarkan pak Ali seorang guru mengajar Al-Quran.

Pemecatan Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan penyingkirannya daripada UMNO pada 3 Septermber lalu seperti mimpi kepada keluarga Pak Ali yang sememangnya hubungan Ummi dengan keluarganya tidak begitu harmoni ibarat "retak menanti belah". Bagi Pak Ali dan Che Tom termasuk Azmin, peristiwa pemecatan Anwar adalah angkara surat Ummi Hafilda.

Ummi dilihat sebagai pencetus pergolakan dalam sebuah keluarga. Jika dakwaan sesetengah pihak itu benar, mengapakah Ummi tergamak mempertaruhkan keharmonian keluarga dan maruah abang kandungnya sendiri, Azmin dan kakak iparnya, Shamsidar dengan mendedahkan kepada PM dalam suratnya bahawa Shamsidar mempunyai hubungan sulit dengan Anwar Ibrahim dan Azmin pula seorang perasuah.

Tindakkah dia memikir surat pendedahan buruk semacam ini boleh mencetuskan keberantakan dalam institusi keluarganya? Dalam soal ini, hanya Ummi yang boleh memberi jawapan kenapa dan mengapa beliau terpaksa bertindak sejauh itu. Segala-galanya akan terbongkar sepanjang kes perbicaraan Anwar nanti. Siapa di pihak yang benar, sama-sama kita tunggu hingga akhir perbicaraan tersebut, entah berapa lama.

Apapun yang diperkatakan orang tentang Ummi, ternyata wanita yang bernama Ummi ini mampu mengegarkan Malaysia dan dunia berikutan suratnya kepada seorang Perdana Menteri. Peranannya disebalik kejatuhan bintang politik Anwar yang sedang memuncak dan menyinar akan terus menjadi sejarah dan akan diingati sampai bila-bila.

Benar kata pepatah, "tangan lembut yang selalu menghayun buaian jangan disangka tidak boleh mengoncang dunia". Berapa orang wanita ternama sudah membuktikannya, mereka boleh, termasuk Ummi yang namanya mula menjadi sebutan ramai dan fesyen pakaiannya yang terkini mula menjadi ikut-ikutan dikalangan sesetengah wanita muda.

Kegawatan ekonomi sekarang tidak sedikit pun menghalang Ummi Hafilda untuk berbelanja menempah pakaian terkini dan persolekan khusus untuk menampilkan imej kejelitaannya pada setiap kali hadir di perbicaraan kes Anwar.

Dua Wanita Gegar Dunia

Antara Ummi Hafilda dan Monica Lewinsky, meskipun kes mereka ada persamaan membabitkan isu skandal seks, tetapi berbeza di segi kesnya.

Ummi dalam kes skandal seks ini merupakan seorang wanita yang *daring* menulis surat peribadi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahahtir Mohammad membongkar rahsia perilaku buruk Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ketika itu masih menjadi Timbalan Perdana Menteri UMNO.

Dalam soal begini, bukan semua wanita bersedia bertindak begitu jauh seperti yang dilakukan oleh Ummi Hafilda kerana Anwar bukan sebarangan orang malah seorang pemimpin nombor dua negara dan bakal menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Berikutan surat Ummi Hafilda kepada PM, seluruh kerjaya politik masa depan Anwar Ibrahim merudum seperti jatuhnya saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Kes beliau kini sedang dalam proses perbicaraan. Nasib masa depannya terletak di tangan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Augustine Paul.

Daring kerana Ummi Hafilda tidak sedikit pun menunjukkan rasa gementar atau takut akibat tindakannya menulis surat tersebut. Lebih-lebih lagi dia dilihat begitu ceria bila setiap kali hadir di mahkamah sebagai salah seorang saksi terpenting dalam kes Anwar Ibrahim.

Pelbagai persoalan timbul, tidakkah beliau bimbang nasib masa

depannya - sekiranya Anwar ditakdirkan bebas dari semua tuduhan? Apapun hanya masa akan menentukan semuanya kerana mereka yang tidak bersalah, pastinya akan dilindungi Tuhan.

Ummi dianggap oleh sesetengah masyarakat sebagai "penyelamat" kepada negara kerana berjaya "menyisihkan" seorang bakal Perdana Menteri yang didakwa mempunyai *low moral* (akhlak rendah) sedangkan Monica Lewinsky bukan penyelamat tetapi pemusnah karier seorang pemimpin besar terkemuka Amerika Syarikat, Bill Clinton yang dihormati dan disegani oleh masyarakat dunia.

Monica Lewinsky, 24 tahun, bertugas sebagai pembantu di Rumah Putih (White House) secara terbuka mengakui kepada masyarakat Amerika Syarikat (AS) beliau mempunyai *affair* dengan Bill Clinton dan sekaligus terlibat skandal seks dengan presiden itu.

Selepas pendedahan tersebut, Bill Clinton cuba berkali-kali menafikan dakwaan Monica itu termasuk dari seorang pendakwaraya bebas, Kenneth Starr. Pun demikian keributan mengenai isu skandal seks Clinton-Lewinsky terus heboh dijaja bukan sahaja oleh rakyat AS sendiri malah oleh seluruh masyarakat antarabangsa.

Sebagai seorang pemimpin parti demokrat, sudah tentu partinya menerima tamparan hebat dan kesempatan peluang ini akan digunakan sebaik mungkin oleh musuh-musuh politiknya termasuk parti pembangkang Republik untuk menjatuhkan beliau dari terus "bertakhta" di kerusi Presiden.

Selepas hampir satu tahun siasatan yang mendalam berhubung skandal seks Clinton - Lewinsky - akhirnya Clinton, orang paling berpengaruh di negara kuasa besar itu telah mengaku bahawa beliau memang pernah mempunyai hubungan seks dengan Lewinsky dan meminta maaf kepada rakyat Amerika.

Clinton tentunya telah melakukan sedaya upaya untuk menyelamatkan maruah diri dan seluruh institusi keluarganya. Isterinya, Hillary Godham merupakan seorang isteri yang paling setia terhadap Clinton sebelum dan sesudah mengetahui *affair* suaminya itu.

Jika laporan Starr itu boleh membawa kepada perletakan jawatan

Clinton nanti, ini tidak bermakna berakhirnya kerja-kerja Starr. Mangsa Starr seterusnya mungkin Naib Presidennya, Al Gore.

Dalam konteks ini, Monica Lewinsky sama sekali tidak boleh disamakan dengan Ummi Hafilda kerana Monica ibarat "sekuntum bunga beracun" pemusnah kerjaya Presiden Amerika.

Jika ada seribu wanita seperti Monica Lewinsky, skandal politik sudah pasti akan berleluasa dan akhirnya imej seseorang pemimpin negara akan berkubur tanpa nama.

Kes Clinton - Lewinsky harus dijadikan iktibar oleh mereka yang berstatus pemimpin kerana jika tersilap langkah, mereka dengan mudah boleh terperangkap dengan skandal seks politik ciptaan sendiri. Awas, kalau ada pemimpin-pemimpin negara semacam ini.

Clinton seorang pemimpin dunia berkuasa besar merupakan seorang lelaki biasa yang tidak dapat lari dari godaan nafsu sang wanita. Pada sangkaan beliau, perbuatannya dengan Monica mampu dirahsiakan dari pengetahuan umum tetapi keadaan menjadi sebaliknya.

Monica yang diharapkan oleh Clinton boleh menyimpan rahsia peribadi skandalnya - akhirnya terbongkar jua. Clinton kini sedang melalui saat-saat paling getir dalam kehidupannya sebagai seorang pemimpin yang berakhlak rendah.

Bagi Monica, pembongkaran skandal seksnya semacam memberi satu kepuasan dalam sejarah hidup beliau malah secara tidak langsung menaikkan popularitinya di mata dunia. Dan mungkin merasa dirinya bertuah dan bangga kerana mempunyai *affair* dengan seorang Presiden ternama di dunia.

Ummi Hafilda..... suratnya kepada Dr. Mahathir punca Anwar Ibrahim rebah dalam politik.

Monica Lewinsky...pembantu rumah putih yang menggemparkan dunia kerana mempunyai skandal seks dengan Presiden Bill Clinton.

Senyumannya tidak jemu dipandang, style pakaiannya setiap hari berganti bila hadir di mahkamah sebagai salah seorang dari 52 orang saksi terpenting kes perbicaraan Anwar Ibrahim yang bermula 2 November lalu.

PROFIL UMMI HAFILDA

***UMMI** Hafilda Mohd Ali, saksi glamor perbicaraan kes skandal Anwar Ibrahim.*

Status anak dara. Mengikut kata abangnya, Azwan masih belum berpunya tetapi ada kenalan lelaki.

Mendapat pendidikan awal dari Sekolah Rendah Jalan Gurney Kuala Lumpur kemudian menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Air Panas, Setapak.

Ummi kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat diploma dalam jurusan Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA cawangan Petaling Jaya secara luar kampus.

Gadis yang semasa zaman persekolahannya aktif dalam bidang sukan selain dilantik menjadi pengawas sekolah itu kini bergiat secara aktif dalam bidang perniagaan. Antara bisnes yang diceburinya pengiklanan selain memiliki sebuah butik.

Dia sendiri begitu meminati perkembangan fesyen terkini selain mengambil berat imej dan penampilannya di khalayak ramai.

Menurut Azwan juga, anak bongsu dari enam beradik itu berperwatakan tegas serta kuat pendirian. Ini turut diakui oleh seorang saksi dari kalangan pegawai kanan polis sewaktu perbicaraan kes Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur baru-baru ini.

WAJAH-WAJAH POPULAR YANG MENJADI FOKUS ORANG RAMAI DI MAHKAMAH

Normala Yusuff... senyuman manisnya dan style fesyennya serta berkaca mata sentiasa menjadi daya tarikan juru-juru gambar media massa bila setiap hari beliau hadir di mahkamah sebagai saksi kes Anwar Ibrahim.

Anggun dan menarik ..... Ziela, isteri Megat Junid berpakaian kebaya dan berkaca mata hitam merupakan salah seorang saksi kes perbicaraan Anwar Ibrahim.

Isteri Dr. Munawar Ahmad Anees, Fatimah Bel Hadi turut menjadi perhatian jurugambar.

Azmin Ali, setiausaha Anwar Ibrahim dan isterinya Shamsidar Taharin juga merupakan yang dikatakan mempunyai "affair" dengan Anwar turut hadir sebagai saksi dalam perbicaraan Anwar.

KENAPA MEREKA KE MAHKAMAH?

UMMI HAFILDA MOHD. ALI

Merupakan antara saksi utama dalam kes perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Perbicaraan ini dijangka berlangsung untuk suatu tempoh yang panjang kerana membabitkan 52 orang saksi. Bagaimanapun, setakat ini hanya beberapa nama telah dikenal pasti sebagai saksi terbabit. Empat nama yang paling awal disebut di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sebagai saksi pendakwa raya ialah seperti berikut:

AZMIN MOHD. ALI

Bekas Setiausaha Sulit Datuk Seri Anwar Ibrahim.

SHAMSIDAR TAHARIN

Isteri Azmin, dikaitkan mempunyai hubungan sulit dengan Anwar.

MOHAMED AZMAN MOHD. ALI

Abang Azmin dan merupakan anak ketiga dalam keluarga Pak Ali.

HALIMATOL SAADIAH (ATON)

Pembantu rumah Azmin yang antara lain dikatakan menjawab panggilan telefon Anwar ketika beliau menghubungi Shamsidar di rumah.

NORLIA, INTAN DAWINI, AZWAN

Tiga lagi adik-beradik Ummi dan Azmin.

Intan Dawini dan Nortia

AZIZAN ABU BAKAR

Bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail. Selain dikatakan menjadi mangsa perbuatan liwat Anwar, beliau juga merupakan saksi pencetus kes selain Ummi. Azizan dan Ummi dikatakan telah menulis sepucuk surat pengakuan bersumpah kepada Perdana Menteri menceritakan mengenai perilaku seks Anwar.

DATUK MOHD. SAID AWANG

Bekas Pengarah Cawangan Khas Polis Bukit Aman. Saksi utama pendakwa juga merupakan saksi pertama perbicaraan. Beliau secara langsung dikaitkan dalam keempat-empat afidavit berhubung pertuduhan rasuah terhadap Anwar.

AMIR JUNUS

Timbalan Pengarah Cawangan Khas II. Juga merupakan saksi pendakwa. Beliau dikatakan bersama-sama Mohd. Said telah mendapatkan pengakuan bertulis daripada Ummi Hafilda dan Azizan.

ABDUL AZIZ HUSSIN

Timbalan Penguasa Polis yang ditugaskan khusus menyoal siasat Ummi Hafilda dan Azizan Abu Bakar hingga mengubah pendirian mereka secara bertulis kepada menafikan tuduhan yang dibuat terhadap salah laku seks Anwar.

NORZILAH JALIL (ZIELA JALIL)

Pelakon, penyanyi dan penerbit drama yang juga merupakan isteri kedua kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob. Ziela dikatakan memberikan surat pengakuan bertulis Ummi kepada suaminya yang kemudiannya dipercayai diserahkan kepada pihak lebih atas.

NORMALA YUSOFF

Isteri seorang ahli perniagaan dan bekas model. Juga adalah salah seorang rakan Ummi yang akan menjadi saksi dalam kes perbicaraan Anwar.

DR. RISTINA MAJID

Di rumah Dr. Ristina, Ummi dan Azizan ditahan oleh polis.

ZULL AZNAM HARON

Bekas pengawal peribadi Anwar. Beliau antara orang kepercayaan Anwar yang dikatakan mengetahui segala rekod jadual harian dan perjalanan Anwar.

KHALID JAFRI

Penulis buku *50 dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi Timbalan Perdana Menteri.*

KHAIRUDDIN ABU HASSAN

Saudara pupu Anwar yang turut diperkatakan dalam buku 50 Dalil itu.

Azizan mengaku diliwat

Azizan saksi penting yang ke 12 dalam kes perbicaraan Anwar Ibrahim.

Christopher Fernando salah seorang peguambela Anwar yang kini menjadi tumpuan ramai.

3 Disember 1998

Azizan Abu Bakar yang memulakan keterangannya di Mahkamah Tinggi di sini hari ini, mengaku diliwat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim beberapa kali di hotel-hotel mewah di sekitar Lembah Klang pada 1992 tanpa pengetahuan umum.

Bekas pemandu isteri Anwar, Dr Wan Azizah Ismail, dari Ogos 1989 hingga September 1992 itu, membaca pengakuan bersumpahnya bertarikh 5 Ogos 1997 yang ditandatanganinya serta dialamatkan kepada Perdana Menteri.

Azizan, 38, yang kini menjadi Eksekutif Jualan dan Pentadbiran Syarikat Destine Trading di Alor Gajah, Melaka, berkata Anwar diliwatnya di beberapa hotel seperti PJ Hilton, Hyatt Saujana dan Holiday Villa walaupun beliau cuba menolak permintaan bekas timbalan perdana menteri itu.

Ketika ditanya oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail, adakah apa yang ditulisnya dalam pengakuan bersumpah itu benar, Azizan berkata: Ya, betul belaka.

Azizan kemudian diminta oleh Abdul Gani membaca pengakuan itu dengan nada kuat di kandang saksi.

Beliau membaca pengakuan itu, berbunyi:
'Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih, saya Azizan Abu Bakar, IC5980324 dengan ini membuat pengakuan bersumpah bahawa saya telah menjadi mangsa hubungan sejenis yakni (homoseksual) dengan Anwar Ibrahim yang kini memangku jawatan Timbalan Perdana Menteri.

'Perbuatan terkutuk ini telah dilakukan untuk beberapa kali sekitar tahun 1992 tanpa kerelaan saya. Ianya kerap berlaku di hotel-hotel mewah seperti PJ Hilton, Hyatt Saujana dan Holiday Villa tanpa pengetahuan umum dan isterinya.

'Buat makluman, saya merupakan bekas pemandu peribadi kepada isterinya iaitu Datin Seri Wan Azizah. Sepanjang bekerja di bawah naungan beliau, Anwar, saya sering dipanggil untuk melakukan perkara terkutuk itu walaupun untuk beberapa kali saya cuba menolaknya. Sifat rakusnya membayangkan beliau seorang yang boleh dikategorikan sebagai kronik sehingga membuat jiwa dan mental saya begitu tertekan.

'Perasaan bersalah akhirnya menguasai diri saya apabila setiap kali terpandang wajah Datin Seri Wan Azizah yang begitu tinggi akhlaknya.

'Akhirnya saya telah membuat keputusan untuk berhenti dari terus menjadi hamba homoseksual kepada manusia yang saya kategorikan bersifat binatang iaitu Anwar Ibrahim.'

'Sekali lagi dengan nama Allah Yang Maha Mengetahui akan segala-galanya, saya bersumpah membuat pengakuan ini tanpa mempunyai niat atau motif tertentu sama ada secara peribadi mahupun politik untuk menjatuhkannya.

'Pengakuan ini dibuat berdasarkan kesedaran dan keinginan menegakkan kebenaran demi menyelamatkan insan-insan yang teraniaya seperti saya. Saya tidak keberatan untuk dipanggil bagi menjelaskan kedudukan dengan lebih terperinci.

'Akhir sekali saya berharap pihak yang bertanggungjawab dapat mengambil kira pandangan ini secara serius supaya pemimpin ini diberikan hukuman yang setimpal demi kebaikan dan pengajaran kepada pemimpin lain.

'Dengan nama Allah, sekali lagi saya Azizan Abu Bakar bersumpah bahawa segala laporan di atas dibuat dengan kerelaan hati saya tanpa desakan, tuntutan dan tekanan dari pihak-pihak tertentu. Segala-galanya adalah benar demi menyelamatkan bangsa dan negara. Amin.'

Clinton "gugur" kerana Monica Lewinsky.

Bill Clinton. Imejnya tercemar kerana skandal seks dengan Monica Lewinsky.

Monica Lewinsky merasa bangga kerana mempunyai "affai dengan seorang pemimpin dunia.

Kenneth Starr, pendakwaraya kes skandal seks Clinton.

Monica Lewinsky dan Bill Clinton didakwa mencemarkan nilai moral rakyat Amerik

BAB 2

UMNO TENANG DALAM GELORA

Struktur parti UMNO sememangnya tersusun kemas hasil perancangan rapi para pemimpin dan pengasas parti itu pada dekad empat puluhan lagi dengan satu harapan dan tekad, ia akan menjadi sebuah parti yang kukuh dan padu dengan orang-orang Melayu dapat bernaung di bawahnya.

Sewaktu awal penubuhannya dulu, tidak ramai cerdik pandai dari kalangan profesional menyertai parti itu dan tidak ramai mereka yang "celik huruf" pada masa yang sama tampil ke hadapan menghulurkan tenaga dan semangat untuk merencanakan wawasan parti dalam menuntut kemerdekaan.

Kerana ada sebilangan besar dari masyarakat Melayu kita waktu itu tidak begitu yakin kemampuan pemimpin-pemimpin Melayu yang berjiwa nasionalis berupaya berdepan menentang pemerintah Inggeris.

Golongan itu sekadar mampu menjadi penonton dan pemerhati dan ada pula di antaranya sanggup "menderhaka" kepada UMNO dengan menjadi "tali barut" pihak penjajah semata-mata untuk mengecapi kemewahan hidup.

Allahyarham Datuk Onn Jaafar yang merupakan tunjang belakang terpenting penubuhan UMNO bersama-sama rakan-rakan pengasas Melayu yang lain terpaksa berdepan dengan bermacam cabaran, meredah seluruh pekan dan desa di negara yang bertuah ini untuk mengumpul tenaga seramai yang mungkin bagi mendapat sokongan dari orang-orang Melayu sendiri dalam usaha menentang penubuhan Malayan Union.

Pun demikian Datuk Onn tidak pula mengenepikan kaum-kaum lain yang sedia ada di negara ini seperti orang-orang Cina dan India yang lain untuk bersama-sama orang Melayu dalam mencapai objektif yang sama.

Selain Datuk Onn, tokoh-tokoh seperti Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Dr. Ismail, Tun Ghafar Baba, Allahyarham Datuk Jaafar Albar, Datuk Senu Abdul Rahman, Datuk Bahaman dan lain-lain pemimpin Melayu

turut memainkan peranan penting membantu Datuk Onn untuk menentang Malayan Union dari terus bertapak di bumi bertuah ini.

Bagaimana pun dalam saat-saat perjuangan yang sangat mencabar dan mendesak itu dan pada masa-masa u kepimpinan beliau masih diperlukan tiba-tiba Datuk Onn menarik diri kerana dikatakan merajuk dan berkecil hati atas beberapa sebab tertentu lalu Allahyarham Tunku Abdul Rahman yang mendapat restu dari seluruh orang-orang Melayu meneruskan kesinambungan Datuk Onn hingga negara berjaya mencapai kemerdekaan pada 31hb. Ogos 1957.

Tunku hanya berjaya memimpin UMNO dan kerajaan selama dua belas (12) tahun sahaja dan selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969, Tun Razak mengambil alih pucuk pimpinan UMNO kemudian Tun Hussien Onn dan sekarang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, seorang pemimpin Melayu yang dilihat oleh rakyat Malaysia masa kini sebagai seorang pemimpin berwibawa, berpendirian dan tegas.

Para pemimpin dan pengasas UMNO yang lalu telah meletakkan parti itu pada landasan yang cukup kukuh dan sempurna. Kekukuhan serta kekuatan parti itu dipertingkatkan lagi oleh barisan pemimpin UMNO masa kini yang diterajui oleh Presidennya, Dr. Mahathir Mohamad.

Sejak parti tersebut diambil alih oleh Dr. Mahathir pada 16 Julai 1981 sekaligus menjadi Perdana Menteri (Timbalan Presiden pada tahun 1978) --beliau telah melakukan banyak perubahan kepada parti termasuk dasar-dasar perjuangan parti bagi memantap dan memperkukuhkan lagi organisasi UMNO yang pada pemerhatian beliau masih terdapat ruang-ruang tertentu masih longgar dan boleh diperbaiki di sana sini demi menjamin UMNO dan Melayu terus kuat serta kekal dan dapat meneruskan agenda membangunkan negara dan rakyat.

Era UMNO di bawah kepimpinan Dr. Mahathir diakui banyak mengalami perubahan drastik yang dinamik dari sebuah parti yang mempunyai ahli yang kecil kepada sebuah organisasi yang cukup besar dan kukuh dengan keahliannya kini mencecah lebih 2 juta orang Melayu bernaung di bawahnya.

Pada satu ketika dulu sebelum UMNO berada dalam situasi sekarang, majoriti intelek Melayu dan golongan profesional termasuk

tokoh-tokoh perniagaan melihat UMNO terlalu "kecil" di mata mereka dan ada pula mencemuh Melayu yang menyertainya. Begitulah sifat-sifat yang ada pada golongan berkenaan pada masa itu, mereka memandang rendah pada UMNO yang dianggap parti marhain, tidak mampu melonjak bangsanya ke mercu kejayaan malah ada yang memandang sinis.

Tetapi sesudah pejuang dan pemimpin UMNO termasuk Dr. Mahathir berjaya meletakkan UMNO kepada taraf yang berprestij, golongan yang satu ketika dulu memandang UMNO terlalu rendah martabatnya dan tidak setaraf dengan kelayakan akedamik mereka - mula "menyendal dan menyondol" kerana melihat UMNO sekarang mempunyai "lubuk emas" untuk diteroka. Jika dibandingkan semasa UMNO sedang bertateh dan merangkak belum pasti kesampaian matlamatnya.

UMNO di bawah era Dr. Mahathir dilihat oleh banyak pihak terutama di kalangan Melayu tertentu bernafsu besar umpama peluang sudah terbuka luas kepada mereka untuk "menyeludup" ke dalam parti itu. Golongan "udang di sebalik batu" ini akan berusaha sedaya- upaya menggunakan segala pengaruh yang ada termasuk wang ringgit semata-mata untuk menjadikan UMNO sebagai "platform" mendapat sesuatu peluang dari UMNO yang menerajui kerajaan.

Untuk memenuhi selera nafsu besar mereka itu, ada di antaranya yang mereka lihat berpotensi menjadi pemimpin di peringkat bahagian atau nasional akan cuba "digula-gulakan." Mereka bersedia berhabis duit biar sebanyak mana untuk menaja orang yang mereka suka untuk "diangkat" menjadi pemimpin.

Inilah fenomena bentuk baru dalam UMNO yang sukar dibendung oleh parti kerana golongan tersebut terlalu licik pergerakannya meskipun ada di antaranya tidak "terlepas" dari tindakan disiplin parti tetapi masih ada yang bebas kerana sukar dikesan.

Sejarah politik wang dalam UMNO sebenarnya bermula sejak UMNO diwujudkan pada tahun 1946 lagi tetapi oleh kerana ketiadaan peraturan khas dalam perlembagaan parti semasa itu, menyebabkan simptom tersebut menjadi barah yang akhirnya menyaksikan UMNO pada tahun lapan puluhan mula menjadi kucar kacir dalam beberapa siri pemilihan parti di peringkat nasional.

Meskipun kesedaran telah lama wujud di kalangan pemimpin UMNO mengenai bahayanya politik wang, tetapi kesedaran sebenar hanya wujud dalam pertandingan pucuk pimpinan UMNO pada tahun 1987 yang menyaksikan segelintir pemimpin parti sanggup "menggadai maruah" membeli undi untuk mendapatkan mandat memimpin UMNO yang ketika itu dilanda krisis pemimpin.

Krisis kepimpinan itulah yang membawa kepada perpecahan dalam UMNO dan seterusnya mengakibatkan UMNO diisytiharkan tidak sah pada 4 Februari 1988 oleh mahkamah. Ianya berpandukan seksyen 12(3) Akta Pertubuhan 1966 kerana 30 cawangannya tidak didaftar semasa berlangsungnya Perhimpunan Agung parti itu pada 24 April 1987.

Pada pemilihan tersebut menyaksikan pertandingan antara satu lawan satu antara Tengku Razaleigh Hamzah dengan penyandang jawatan Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dan berkesudahan Tengku Razaleigh yang tewas, keluar dari UMNO.

Semasa perebutan kuasa untuk menguasai UMNO ketika itu, beberapa pemimpin yang tidak menyenangi kepimpinan Dr. Mahathir dikatakan telah mengamalkan budaya "politik wang" di semua peringkat demi mencapai hasrat itu.

Menyedari fenomena tidak sihat ini tidak boleh dibiarkan terus-terusan menjadi "duri dalam daging" di kalangan ahli UMNO dan orang Melayu keseluruhannya. UMNO telah mengadakan satu perhimpunan agung khas pada 1994 untuk meminda perlembagaan parti bagi memberi kuasa kepada Majlis Tertinggi (MT) membanteras penyalahgunaan kuasa, kedudukan dan wang untuk tujuan mendapatkan undi atau sokongan dalam pemilihan jawatan di masa-masa akan datang.

Namun persoalannya, seketat mana pun peraturan yang ada dalam perlembagaan parti, tanpa kejujuran serta keikhlasan dari kesemua ahli UMNO yang dikatakan mencecah 2.3 juta ahli untuk menangani serta menghalang budaya politik wang ini dalam UMNO, tidak mustahil ia akan menjadi seakan budaya yang akan diperturunkan kepada pemimpin generasi baru UMNO pada dekad yang akan datang.

Tiada bezanya antara politik wang dan rasuah kerana kedua-duanya adalah satu tindakan pemberian kepada seseorang dengan tujuan untuk mendapat balasan tertentu yang tidak terbatas.

Di sini timbul berbagai persoalan, mampukah mereka yang sudah berstatus pemimpin dan menteri baik di dalam kerajaan mahupun UMNO hanya mahu berpeluk tubuh tanpa melakukan apa-apa persediaan awal melihat dengan "mata putih" kerusi empuk mereka di ambil alih begitu senang sekali oleh pencabarnya?

Jawapannya sudah tentu tidak. Kalangan pemimpin itu tadi yang sudah berkedudukan pasti akan menggunakan taktik dan strategi tertentu dengan cara apa sekalipun bagi memastikan "jawatan emas" masing-masing tidak terlepas begitu mudah ke tangan orang lain.

Menjelang perhimpunan agung UMNO dan pemilihannya pada bulan Jun tahun depan (1999) berbagai kekosongan jawatan peringkat tertinggi dalam parti sudah pasti akan menjadi rebutan paling "panas" dan ini sudah tentu menjadi perhatian ramai kerana UMNO merupakan tunjang terpenting dalam kerajaan Barisan Nasional masa kini.

Walau pun pada luarannya pemimpin-pemimpin parti itu dilihat bercakap dalam nada yang sama mengenai perpaduan ahli tetapi dilamannya berlaku "kekalutan" yang orang luar tidak nampak.

"Gelora" mula melanda di kalangan sesetengah pemimpin yang bakal berentap jawatan-jawatan terpenting dalam parti tersebut pada pemilihan tahun depan.

Antara jawatan-jawatan terpenting yang didapati kekosongan dan perlu diisi segera ialah jawatan Timbalan Presiden UMNO. Kekosongan jawatan tersebut berlaku berikutan pemecatan bekas timbalan presidennya, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 3 September lalu sementara jawatan TPM pada 2 September.

Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dipecat daripada kerajaan dan parti oleh Dr. Mahathir kerana beliau didakwa mempunyai perilaku buruk yang tidak sepatutnya ada sebagai seorang kedua terpenting dalam kerajaan. Sepuluh dakwaan dan tuduhan meliwat di luar tabii, skandal

seks dan rasuah terhadap Anwar sedang menjalani perbicaraan yang belum dapat ditentukan bila akan berakhir.

Mereka yang telah disahkan untuk bertanding bagi merebut jawatan itu ialah Menteri Luar merangkap Naib Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pendidikan yang juga Naib Presiden, Datuk Mohd. Najib Tun Razak sementara bekas Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah yang diterima kembali ke pangkuan UMNO dikatakan telah membayangkan hasratnya untuk mencuba nasib.

Sementara bagi jawatan Naib Presiden parti akan mengalami dua kekosongan sementara satu lagi masih disandang oleh bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Mohammad Mohd. Taib. Mohammad Taib kini sedang bercuti kerana menghadapi kes mahkamah di luar negara kerana tuduhan melanggar **Akta Laporan Transit Kewangan Australia** pada bulan Disember 1996.

Setakat ini dua orang Menteri telah mengesahkan bertanding. Mereka ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Hj. Abdul Hamid Othman dan Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar. Kedua-duanya Ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Turut disebut-sebut akan bertanding termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa yang juga ahli MT, Datuk Rafidah Aziz yang juga bekas Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Osman, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ramli Ngah Talib dan Menteri Pembangunan Usahawan merangkap Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustaffa Mohammad.

Selain jawatan Timbalan Presiden dan Naib Presiden, turut menjadi "medan pertandingan" ialah kerusi Majlis Tertinggi UMNO. Keahlian MT ialah seramai 25 orang.

Bagaimanapun bagi jawatan terpenting iaitu jawatan Presiden parti yang kini disandang oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad tidak ada pertandingan dan Dr. Mahathir bolehlah tidur lena tanpa merasa bimbang "kerusi emasnya" disambar orang.

Sebagai persediaan melengkapkan diri oleh calon-calon yang bakal bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden parti – sudah tentunya masing-masing mempunyai strategi untuk "memancing" undi mulai dari sekarang. Masing-masing harus lengkap melengkapi diri sebelum "bertempur di medan perang."

Dalam konteks ini, mampukah Datuk Seri Abdullah dan Datuk Najib Tun Razak meraih kemenangan dan simpati dari para perwakilan ke perhimpunan agung parti itu pada tahun depan nanti? Sama-samalah kita tunggu.

Bagi jawatan tiga Naib Presiden, ia merupakan kedudukan paling strategik di dalam UMNO. Dalam hiraki parti, ia merupakan jawatan ketiga terpenting selepas presiden dan timbalan presiden. Perlembagaan UMNO (Fasal 7.8.3) menetapkan bahawa parti itu mempunyai lima orang Naib Presiden – tiga dipilih secara langsung dalam Perhimpunan Agung parti manakala dua lagi ialah Ketua Wanita dan Pemuda.

Bagaimanapun, yang lebih diburu oleh mereka yang bercita-cita besar dalam politik UMNO ialah untuk menjadi tiga Naib Presiden yang dipilih secara langsung. Naib-naib Presiden UMNO, mempunyai fungsi dan tugas yang sama seperti Timbalan Presiden seperti yang ditetapkan oleh Fasal 7.9.3.I untuk membantu tugas-tugas Presiden dalam menjaga kesempurnaan perjalanan parti dan kedua untuk mempengerusikan sidang-sidang Majlis Tertinggi apabila Presiden dan Timbalan Presiden tidak hadir.

Namun harus diingat bahawa bukan semua yang menjadi Naib Presiden berupaya menjadi Timbalan Presiden seperti Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, Musa Hitam dan Ghafar Baba. Bagaimanapun dalam hal ini, Ghafar Baba berjaya dilantik menjadi Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri dengan menumpang tuah perletakan jawatan Musa Hitam pada bulan Februari 1986 atas alasan tidak boleh bekerjasama dengan Dr. Mahathir.

Kalangan pemerhati politik berpendapat, pemilihan pada Perhimpunan Agung parti kali ini akan memperlihatkan "pertarungan" paling hebat antara tokoh-tokoh yang ternama dan sekali gus menentukan masa depan politik masing-masing, sama ada "hanyut atau dihanyutkan."

Hanya di tangan para perwakilanlah terletak nasib masa depan kerjaya politik mereka. Jika untung sabut timbul jika batu tenggelam.

Tumpuan utama masyarakat khasnya di kalangan ahli UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasional ialah terhadap Pak Lah dan Najib di mana kemungkinan keduanya akan berentap hebat bagi menentukan siapakah di antara mereka yang layak "dinobatkan" sebagai Timbalan Presiden UMNO hingga tahun 2002.

Ada pihak berpendapat perpecahan lebih ketara akan berlaku pada pemilihan parti Jun depan ekoran dari perebutan jawatan tertinggi dalam UMNO. Walaupun ada kalangan pemimpin parti itu berpendapat, perebutan jawatan dalam parti jika terdapat kekosongan adalah satu perkara biasa tetapi pada hakikatnya kepada mereka yang bertanding, perasaan sedikit terguris sewaktu menonjolkan diri masing-masing ketika berkempen, tidak boleh dielakkan kerana masing-masing mahu membuktikan kepada penyokong mereka, mereka "Boleh" seperti slogan yang sering dilaungkan oleh Dr. Mahathir "Malaysia Boleh."

Bagi bekas Presiden parti Semangat 46 pula, beliau yang turut disebut-sebut bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO berkata pada 12 November lalu, soal merebut jawatan dalam UMNO tidak harus ditimbulkan buat masa ini walaupun beliau layak bertanding dalam pemilihan parti itu Jun tahun depan.

Menurut Ku Li, ia masih terlalu awal dan hingga sekarang beliau belum ada apa-apa rancangan untuk bertanding sebarang jawatan termasuk jawatan Timbalan Presiden UMNO. Baru-baru ini Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Sabaruddin Chik berkata, bekas Presiden parti Semangat 46 itu dan anggota-anggota lain yang menyertai semula UMNO tahun lepas, layak bertanding dalam pemilihan MT Jun tahun depan.

Datuk Seri Sabaruddin memberitahu, mesyuarat MT 6 November lalu menetapkan tarikh pemilihan untuk jawatan Timbalan Presiden, Naib Presiden dan MT diadakan pada 17 Jun 1999 sementara mesyuarat pra-perhimpunan agung akan diadakan pada 15 Jun, diikuti dengan Perhimpunan Agung Wanita dan Pemuda pada 16 Jun.

Dr. Mahathir semasa mengulas mengenai laporan akhbar bahawa terdapat beberapa ahli UMNO melahirkan hasrat untuk bertanding jawatan

Timbalan Presiden parti berkata: sesiapa juga boleh menyuarakan hasrat untuk bertanding bagi jawatan berkenaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, masih terlalu awal untuk memperkatakan soal tersebut pada masa ini kerana pemilihan parti lambat lagi.

"Ada yang bersuara....tetapi lambat lagi nak bertanding. Macam-macam boleh jadi sebelum itu," katanya.

Bagaimanapun Ku Li pada 20 November lalu dilaporkan pula berkata, beliau menyerahkan kepada ahli-ahli dan pemimpin UMNO untuk menentukan sama ada beliau patut bertanding dalam pemilihan jawatan tinggi parti tahun depan.

Benar seperti kata Dr. Mahathir, macam-macam boleh jadi sebelum itu. Dan kata-katanya itu semacam ada sesuatu yang tersembunyi dan menjadi "rahsia" yang tidak siapa dapat membuat andaian maksud kata-kata Presiden parti itu. Kata-katanya itu jika diteliti dengan sehalus-halusnya mempunyai makna dan maksud terselindung yang Dr. Mahathir sahaja yang lebih tahu.

Dengan lain-lain perkataan, adakah kata-kata Presiden parti itu mempunyai maksud tertentu disebaliknya? Atau adakah dengan kata-katanya itu bererti beliau kemungkinan memanggil mereka yang bakal bertanding Timbalan Presiden UMNO pada Jun tahun depan berkompromi untuk mengelak perpecahan berlaku dalam parti?

Dalam konteks ini, apa juga pertandingan dibolehkan dalam sesebuah parti seperti UMNO yang mengamalkan demokrasi. Sebagai Presiden parti, Dr. Mahathir harus bersikap berkecuali dengan tidak memihak kepada sesiapa - asalkan proses pemilihan parti berjalan lancar.

Sepertimana yang pernah beliau nyatakan dalam ucapannya pada majlis perasmian perhimpunan agung UMNO pada tahun 1996, yang antara lain beliau menyatakan, seseorang pemimpin boleh bertukar ganti tetapi "kehilangan" UMNO sukar diganti. Dan oleh itu nasihat beliau kepada seluruh ahli parti jagalah UMNO baik-baik. Nada yang serupa pernah diucap pada satu ketika oleh Datuk Musa Hitam setelah beliau

gagal mempertahankan jawatan Timbalan Presiden parti setelah kalah di tangan pencabarnya, Tun Ghafar Baba.

Mampukah Dr. Mahathir menangani masalah demi masalah yang melanda UMNO dan kes terbaru isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari parti?

Sementara itu beberapa pihak di kalangan UMNO khasnya di peringkat pemimpin menyifatkan perebutan jawatan Timbalan Presiden parti bukan satu perkembangan yang sihat sebaliknya memberi satu ancaman hebat yang akan memecahbelahkan parti.

Mereka berpendapat, perpecahan di kalangan ahli parti akibat pertandingan jawatan tertinggi dalam UMNO pada tahun 1982 perlu dijadikan iktibar oleh semua pihak dan tidak seharusnya berulang lagi.

Sehubungan itu mereka meminta Dr. Mahathir menimbang semula pendiriannya tidak mahu melantik Timbalan Perdana Menteri baru masa ini sebaliknya mahu soal perlantikan tersebut diputuskan oleh para perwakilan dalam perhimpunan agung parti pada Jun tahun depan.

Jika ini pendirian muktamad beliau, maka setiap ahli harus akur dengan keputusan pucuk pimpinan yang mahu melihat proses pemilihan Timbalan Presiden parti dibuat dengan tertib, bersih dan sopan pada perhimpunan agung parti itu kali ini.

Budaya caci mencaci dan politik wang harus dibendung dari awal walaupun peraturan dalam parti sememangnya ada tetapi setiap ahli yang mempunyai kuasa mengundi harus berhati-hati dan tidak mudah "gelap mata" bila melihat wang bertimbun di depan mata.

Amalan wang jika terus menjadi budaya kepada mereka yang bertanding bagi merebut apa juga jawatan dalam parti, nescaya UMNO dalam tempoh 20 atau 30 tahun akan datang, akan lenyap dan Melayu akan kembali terpinggir. Kita tidak mahu "menang sorak, kampong akhirnya tergadai" kepada orang lain.

Mencari pemimpin/pengganti memang mudah tetapi kita harus bertanya, pemimpin yang bagaimana kita kehendaki, yang berkualitikah atau tidak? Jawapnya, sudah pasti kita mahu memilih pemimpin yang

terbaik. Oleh itu setiap perwakilan yang bakal memilih pemimpin, harus berhati-hati agar tidak terpilih "musang berbulu ayam."

Sebagai sebuah organisasi Melayu, kita tidak mahu melihat UMNO cuma tenang di luaran tetapi "bergelora" di dalaman.

Untuk mencari pengampu-pengampu dalam UMNO memang tidak terkira banyaknya. Mereka yang sudah berstatus pemimpin, pengampu-pengampu ini akan mengelilingi mereka yang ada kuasa tetapi apabila tersungkur, golongan pengampu ini seperti halilintar hilang entah ke mana, tiba-tiba muncul mendampingi pemimpin baru yang memiliki kuasa dan ringgit. Apakah budaya semacam ini mahu kita wujudkan di dalam UMNO yang menjadi pendokong utama kerajaan?

Tepuk dada tanya selera.

Ada satu perkara menarik mengenai cerita pemimpin menepuk tangan dan ikan melompat. Perkara seumpama ini ada berlaku di dalam cerita-cerita politik di negara ini. Setiap kali seseorang pemimpin menepuk tangannya maka 'melompat-lompat ikan-ikan' yang mahu menonjolkan diri mereka bagi mendapatkan habuan masing-masing.

Dan di dalam UMNO, budaya pemimpin 'menepuk tangan' dan 'ikan-ikan melompat' riang adalah satu yang lumrah akibat gejala politik wang dan naungan politik (*political patronage*) bagi mendapat jawatan.

Dalam konteks baru atau lebih tepat alah baru kini, 'ikan-ikan' sudah boleh membezakan tepukan seseorang pemimpin dengan seorang yang lain. Kini persoalan bukan lagi hanya tertumpu kepada 'ikan-ikan yang melompat', tetapi juga kepada 'siapa yang menepuk.'

Anwar nampaknya serius memerhati Dr. Mahathir semasa berlangsungnya Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu.

Dr. Mahathir disambut oleh Anwar Ibrahim sebaik sahaja tiba dari Lawatan ke negara-negara Afrika di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, pada 1 Ogos lalu, kira-kira sebelum Anwar dipecat dari kerajaan dan UMNO. Anwar kelihatan tenang dalam gelora.

NEGARAWAN ULUNG....Saat paling bersejarah bersama Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. (Gambar ini diambil dari buku Potret Mahathir)

Tinggal kenangan.... para wartawan dan jurufoto tempatan tidak mahu melepaskan peluang untuk merakamkan gambar mereka dengan Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim selepas persidangan Agung UMNO di PWTC beberapa tahun lalu. (Gambar ini adalah dari buku Potret Mahathir)

Mohd. Sabu dibebaskan dari tuduhan khalwat. Berjalan keluar dari mahkamah selepas perbicaraan pada bulan Januari tahun 1995. Mohd. Sabu ditangkap kerana berdua-duaan dengan Norma Abdul Halim di bilik 121 Hotel Perdana, Kota Bharu pada 21 Januari 1995. Ketua pemuda PAS itu agak bernasib baik kerana kesnya selesai tanpa sebarang hukuman di saat-saat pilihanraya umum pada tahun yang sama.

Anwar tersenyum riang di samping Ummi Hafilda dan Shamsidar ketika kedua wanita berkenaan hadir dalam perhimpunan agung UMNO tidak lama dulu.

Mereka yang sudah berstatus pemimpin negara harus mengawal diri dan bersopan dalam kegiatan sosial masing-masing agar tidak terjebak dengan perangkap yang sudah dipasang oleh musuh-musuh politik dalaman dan luaran. Aktiviti sosial sebegini jika boleh kendaklah dielakkan. (Gambar di atas ini sekadar hiasan)

BAB 3

TPM! SIAPAKAH CALON "FAVOURITE" MAHATHIR

Meskipun pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada tahun 1999 masih lagi jauh, bahangnya kini sudah mulai terasa. Beberapa tokoh sama ada secara langsung mahupun tidak langsung telah membayangkan keinginan maisng-masing untuk merebut jawatan-jawatan Timbalan Presiden dan Naib Presiden. Sementara jawatan Majlis Kerja Tertinggi, Ketua Pemuda dan Wanita belum ada perisytiharan secara terbuka daripada mana-mana tokoh tertentu untuk merebut jawatan ini. Walau bagaimanapun, hampir seluruh mereka yang duduk di kerusi ini sekarang, dijangka akan bertanding semula bagi mengekalkan kedudukan masing-masing.

Calon-calon yang masih menduduki kerusi-kerusi ini atau yang berhasrat bertanding, mempunyai kira-kira empat atau lima bulan lagi untuk membuat persiapan. Tempoh ini memberi peluang kepada ahli-ahli UMNO di peringkat cawangan dan bahagian menentukan kriteria pemilihan, siapakah calon yang bakal menduduki kerusi-kerusi itu dan sekali gus menjadi pemimpin yang diamanahkan menentukan arah tuju masa depan UMNO sebagai teras parti kepada kerajaan negara ini. Mereka yang bakal dipertanggungjawabkan itu juga mesti memastikan kelangsungan UMNO untuk beberapa dekad akan datang atau selama-lamanya.

Tanggungjawab ini bukanlah mudah kerana "hidup dan mati" UMNO juga akan menentukan masa depan orang-orang Melayu. Nasib orang-orang Melayu besar bergantung kepada siapakah pemimpin yang akan terpilih. Justeru itu, tiada siapa pun boleh menganggap mandat sebagai perwakilan adalah suatu perkara biasa untuk memenuhi kerusi persidangan atau hadir berpesta-pestaan setahun sekali di ibu negara. Setiap perwakilan mesti menghalusi semua sudut kepimpinan sebelum menurunkan pangkah di atas kertas undi yang berada di tangan mereka. Kefahaman ini mestilah tertanam dalam sanubari masing-masing.

Tidak dapat dinafikan, jawatan Timbalan Presiden menjadi tumpuan dan hangat diperkatakan selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat dari jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO. Sehingga kini, kedua-dua jawatan ini belum lagi diisi dan

menjadi perhatian semua pihak, sama ada di dalam mahupun di luar kerajaan. Ini adalah disebabkan UMNO menjadi teraju dalam pemerintahan yang didokongi oleh Barisan Nasional.

Antara tokoh paling awal menyatakan secara terbuka hasrat merebut jawatan itu ialah dua orang Naib Presiden, iaitu Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Mustapa Muhamad, Menteri Pembagunan Usahawan yang juga Menteri Kewangan Kedua dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Tengku Razaleigh Hamzah, bekas Menteri Kewangan juga disebut sebagai tokoh berkeinginan merebut jawatan kedua tertinggi ini.

Di samping itu, berkemungkinan besar terdapat tokoh-tokoh lain akan turut menawarkan diri apabila tiba masanya nanti. Sekiranya telahan ini terjadi, maka misi perwakilan pada kali ini bertambah sulit bagi menentukan kriteria pemilihan mereka. Ia tidak ubah suatu pemburuan atau pencarian sebutir berlian asli di antara berlian-berlian yang dipamerkan.

Betapa pun sulitnya misi ini, perwakilan yang didatangkan daripada 165 bahagian mewakili lebih dua juta orang ahli, pasti tidak mudah untuk digula-gula dengan pelbagai pujukan dan rayuan bagi mengabui mata serta pemikiran ahli supaya memilih mana-mana calon yang tidak menepati cita rasa dan kriteria mereka. Penentuan ini hanya boleh diputuskan oleh perwakilan tanpa campur tangan daripada mana-mana pihak. Sememangnya proses ini telah lama dipraktikkan dalam UMNO dan sekarang telah berkembang menjadi sebuah organisasi terbesar dan lama bertahan dalam dunia demokrasi.

Dalam menentukan kelangsungan kepimpinan masa depan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO, telah menggariskan secara ringkas bahawa seorang Timbalan Presiden tidak semestinya warak tetapi mesti berakhlak tinggi. Sementara itu dalam wawancara beliau dengan CNN, Datuk Seri Dr. Mahahtir telah menegaskan bahawa beliau mempunyai tanggungjawab bagi memastikan penggantinya dapat meneruskan usaha-usaha beliau. Ianya mungkin akan mengambil masa sekurang-kurangnya satu tahun lagi kerana pada tahun hadapan merupakan pemilihan UMNO.

Garis panduan ini menjadi peringatan yang jelas kepada seluruh

perwakilan untuk memilih Timbalan Presiden yang baru dan sekali gus bagi menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir sekiranya beliau berundur dalam waktu terdekat ini atau selepas perhimpunan Agung UMNO pada bulan Jun tahun hadapan ataupun sebaik sahaja pilihanraya umum pada tahun 2000 selesai. Persoalan ini ternyata sukar untuk ditelan kerana ianya banyak bergantung kepada masa dan keadaan. Apa yang jelas kini, beliau ternyata masih gigih dan tidak mudah tunduk kepada sebarang tekanan. Beliau tidak perlu terburu-buru mengundurkan diri, malahan, sanggup mengenepikan kepentingan diri bagi memastikan Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Dengan sebab itu, beliau menyatakan lagi dalam temuramah itu: "saya tidak penting, saya berada di sini sekadar sementara." Sifat tidak mementingkan diri ini semestinya disanjung tinggi.

Umumnya, kriteria kepimpinan yang telah diajukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir boleh ditakrifkan sebagai seorang tokoh yang bersikap jujur, amanah dan gigih terhadap tanggungjawab yang dibebani untuk membangunkan rakyat dan negara ini sehinggalah kini mencapai taraf sebuah negara maju. Seiringan dengan itu, tokoh berkenaan juga mestilah seorang yang dekat dengan hati dan nurani beliau. Jelasnya, beliau adalah seorang yang benar-benar memahami serta gigih merealisasikan kawasan yang telah diasaskan semenjak beliau memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia Malaysia pada 16 Julai 1981.

Dilihat dari aspek ini, tokoh yang dikira sesuai adalah seorang yang menghayati wawasan yang telah dan sedang dilaksanakan Datuk Seri Dr. Mahahtir. Ia adalah meliputi dasar perindustrian, pengswastaan, dasar pandang ke timur, penerapan nilai-nilai Islam, perubahan budaya kerja seperti *punch card* dan meningkatkan produktiviti, integrasi penduduk wilayah Malaysia Timur dengan Semenanjung menerusi penyeragaman waktu, aktif dalam forum-forum antarabangsa khasnya G-15, industri kereta nasional - Proton, dan kini gigih melepaskan negara ini dari belenggu kegawatan ekonomi yang melandai seluruh dunia.

Beliau yang juga memegang jawatan Menteri Kewangan 1 memilih untuk menjadi pemimpin yang "tidak popular" dengan memperkenalkan dasar kewangan supaya pengembara mengisytiharkan jumlah matawang yang dibawa keluar atau masuk ke negara ini dengan tujuan memerangi spekulator. matawang dan sekali gus mencegah nilai Ringgit terus menyusut. Langkah berani ini, menyebabkan beliau tidak disenangi oleh

pelbagai pihak dan membuktikan beliau seorang pemimpin yang 'tahan uji."

Walaupun berhak menamakan sesiapa sahaja yang difikirkan sesuai mengisi jawatan yang telah kosong itu, tetapi Datuk Seri Dr Mahathir mengosongkan jawatan itu, dan sabar menunggu sehingga pemilihan dalam perhimpunan agung UMNO pada bulan Jun tahun hadapan. Beliau mahu menyerahkan kepada kebijaksanaan perwakilan membuat keputusan. Sikap ini, menunjukkan beliau yakin terhadap kematangan perwakilan dan menghormati proses demokrasi yang dipraktikkan di negara ini.

Sementara menungggu tarikh pemilihan semua pihak tentunya tertanya-tanya apakah kayu pengukur yang akan digunakan perwakilan untuk menyerahkan mandat kepada tokoh yang bakal mewarisi kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir. Yang jelasnya, tiada siapa yang pasti apakah yang sebenarnya yang dikatakan kepimpinan. Para ahli sejarah, saintis sosial, ahli sains politik yang bertindak sebagai pendidik ilmu kepimpinan telah menghuraikan pelbagai istilah dan definisi tentang kepimpinan dengan merujuk kepada politik, peperangan, keutuhan moral dan daya intelektual. Tetapi definisi dan istilahnya berbeza-beza di antara seorang pemikir dengan pemikir yang lain.

Dalam bahasa yang mudah, semua orang bergelar pemimpin kerana sifatnya sebagai ketua dalam rumah tangga. Seorang bapa diamanahkan memimpin isteri dan anak-anak supaya berguna kepada agama, masyarakat dan negara. Sesiapa sahaja yang mengetuai satu kumpulan orang, jabatan atau oraganisasi bergelar pemimpin. Hanya perbezaan taraf kepimpinan yang boleh diambil kira ialah bidang tugas serta tanggungjawab yang terletak pada bahu pemimpin berkenaan. Begitu juga tuntutan kecendekiawan atau keilmuan pemimpin berkenaan, termasuk sebagai salah satu siri terpenting dalam tugasnya memimpin.

Sebagai sebuah organisasi siasah yang terbesar dan tertua di negara ini, UMNO sudah tentunya menuntut supaya tokoh yang bakal mewarisi teraju kepimpinan masa depan, mestilah seorang yang mengatasi ciri-ciri berkenaan di atas. Sekiranya tokoh berkenaan gagal memenuhi 100 peratus ciri-ciri kepimpinan itu, mungkin 95 peratus sudah mencukupi. Seorang hamba Allah, pada hakikatnya tentulah tiada sempurna dalam semua spek. Dia bukan maksum seperti Nabi-Nabi.

Sungguhpun demikian, alasan ini sepatutnya tidak mendorong sesiapa mengambil mudah dalam soal memilih pemimpin. Kecenderungan ini, mungkin boleh merosakkan keutuhan atau perpaduan satu kumpulan orang, jabatan atau oraganisasi yang dipimpinnya kelak. Akibatnya segala wawasan yang dibina dan dirancang menjadi musnah.

Buku Huraian kepada Panduan al-Quran dan Hadith bagi pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam, terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri menghuraikan: Jawatan sebagai pemimpin adalah suatu tanggungjawab. Ia bukan hanya suatu status yang direbut bagi mendapatkan sanjungan dan keistimewaan. Tanggungjawablah yang menjadi tugas utama pemimpin. Oleh sebab itu menurut Islam, ia bukanlah sesuatu yang perlu dijadikan rebutan atau bahan persaingan. Ia bukanlah sesuatu yang boleh ditagih-tagih mengikut kehendak naluri. Ingin memilik dan menguasai. Sebaliknya ia hendaklah direalisasikan dalam kehidupan bermasyarakat secara sedar, rasional dan penuh iltizam terhadap ketentuan-ketentuan melalui petunjuk Allah yang terkandung dalam Al-Quran dan Al-Sunnah.

Kepimpinan yang luhur dan berwibawa mestilah mengerti dan memahami hala tuju dan matlamat yang hendak dicapai dalam hidup ini. Justeru, usaha kepimpinan itulah nanti yang akan membawa pengikutnya menuju hala tuju tersebut. Jika kepimpinan tidak memahami matlamat yang hendak dituju, apakah yang akan terjadi kepada pengikutnya dan apakah ertinya kepimpinan jika ia tidak mempunyai matlamat dan meraba-raba dalam kejahilan. Kepimpinan tidak mungkin berkesan bahkan tidak bermakna, sekiranya pemimpin tidak mempunyai wawasan dan tidak memahami matlamat dan hala tujuan yang hendak dicapai dalam perjuangan dan kehidupan.

Rasulullah SAW mengingatkan dalam sabdanya, bermaksud: (iaitu kepimpinan adalah amanah dan di akhirat ia menjadi punca kehinaan dan penyesalan, kecuali mereka yang mengambilnya dengan haknya dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan di dalamnya. (riwayat Muslim).

Syed Othman Al-Habshi, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Antarabangsa Tun Razak (Unitar) menggariskan dalam kertas kerjanya: . pemimpin, seorang yang paling bertanggung jawab dalam sesebuah oraganisasi. Seluruh tanggungjawab yang berat mestilah

dilakukannya dan orang terakhir memastikan tanggungjawab itu disempurnakan. Dia tidak boleh bergantung bulat-bulat kepada orang bawahannya. Dia mesti mendampingkan diri dengan program-program atau projek yang dilaksanakan. Pemimpin yang baik mestilah mampu berkomunikasi dengan ideanya yang jelas. Ertinya, dia mestilah seorang perantara (communicator) yang baik.

Aidit Ghazali, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Perkembangan Minda (Inmind) mengutarakan dalam kertas kerjanya: ciri-ciri pemimpin mestilah mempunyai pegangan kuat sebanyak mungkin terhadap nilai dan prinsip agama, meperlakukan apa yang diperkatakan, berjaya meyakinkan yang terlibat bersama-samanya, sama ada profesionnya, sektor penglibatannya, masyarakat dan sebagainya, merupakan pengantara rujukan atau tempat mencari penyelesaian yang pertama dituju apabila timbul sesuatu keperluan, menjadi contoh yang hidup kepada banyak perkara yang baik, mampu menjadi benteng terhadap sesuatu serangan yang melanda bidangnya dengan mengadun profesionalisme, adab dan prinsip mencari kebenaran, jelas dengan tasawwur (worldview) dan uslub (pendekatan) apabila hendak mencapai sesuatu matlamat di mana ia tidak akan menyalahgunakan emosi, sentimen dan sifat taasub sehingga kepentingan peribadi didahului dari kepentingan ramai, lulus pelbagai ujian asid terhadap kekuatan iman, mental dan moral, kaya dengan ilmu dan pengalaman serta *track record* yang meyakinkan dan terkini dengan perkembangan yang relevan pada penglibatannya bagi melindungi umatnya (rakyatnya) dari tercicir oleh pembangunan tamadun dan banyak lagi ciri-ciri baik yang boleh mendokong kesempurnaan sifat seorang pemimpin.

Beberapa ciri yang diajukan bukanlah suatu piawaian atau *standard* bagi menentukan kriteria pemimpin dan pemilihan. Namun, pada dasarnya pemimpin berkualiti ternyata mestilah seorang tokoh berakhlak tinggi. Begitu juga dengan peranan ahli-ahli, khasnya perwakilan UMNO menjelang perhimpunan pada tahun 1999, tidak mempunyai kayu pengukur yang standard untuk menentukan siapakah tokoh yang akan diletakkan di atas mewarisi kepimpinan. Mereka (perwakilan) juga mestilah bersedia dipimpin kerana keputusan pemilihan hasil dari tindakan dan gerak naluri mereka sendiri.

Kesedaran ini pastinya sudah tertanam dalam sanubari setiap perwakilan. Mereka dipercayai terdiri dari tokoh-tokoh yang bukan baru dalam UMNO, malahan, masak dengan asam garam dalam percaturan

organisasinya. Keadaan ini sering membantu perjalanan perhimpunan agung UMNO, sama ada ketika berlangsung pertandingan mahupun tiada pertandingan, berjalan dengan lancar serta berkesan pada setiap tahun. UMNO sentiasa dihormati sebagai sebuah organisasi siasah yang berdisiplin dan tersusun.

Adalah dipercayai seluruh perwakilan ke perhimpunan agung UMNO pada bulan Jun 1999, sudah bersedia dengan kriteria tersendiri untuk memilih pemimpin yang bakal mencorakkan barisan kepimpinan organisasi ini pada masa depan. Begitulah juga dengan bakal calon-calon, tentunya bersedia melaksanakan amanah yang bakal diserahkan kepada mereka. Amalan yang telah berjalan sekian lama ini, ternyata boleh mencetuskan obor untuk terus menghidupkan UMNO. Inilah yang dikatakan demokrasi hidup dalam semangat UMNO dan orang Melayu. Demokrasi boleh menghidupkan, demokrasi juga boleh membunuh. Intikata ini sepatutnya menjadi peringatan kepada semua, supaya menggunakan demokrasi dengan bijaksana.....

Siapa pewaris kepimpinan UMNO?

Jawatan Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita, dan Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MT) merupakan kedudukan tertinggi dalam struktur hiraki kepimpinan UMNO.

Mereka berperanan sebagai penggubal dasar dan penggerak hala tuju organisasi dari atas hingga ke akar umbi, iaitu bahagian dan cawangan. Di samping itu, mereka boleh menyebarkan kegiatan siasah serta mendekatkan diri dengan ahli-ahli parti di kedua-dua peringkat bagi mengukuhkan perpaduan dalam parti. Jelasnya, mereka mempunyai peluang yang baik dalam konteks perhubungan di antara pemimpin dengan ahli atau pengikut.

Mereka yang menduduki hiraki tertinggi dalam barisan kepimpinan ini boleh menampilkan diri masing-masing secara lebih dekat dan terbuka kepada Presiden. Dari sini, kewibawaan mereka akan dinilai dan menjadi perakuan kukuh untuk memegang jawatan terpenting dalam kabinet kerajaan. Seseorang yang berada pada tahap ini, mungkin dilantik sebagai senator, calon wakil rakyat atau menjadi ahli lembaga pengarah dalam sesebuah agensi kerajaan. Mereka juga boleh mengambil peluang belajar

memahami serta mendekati pengurusan parti secara lebih teratur dan berkesan.

Menyedari kedudukan tertinggi ini boleh mendatangkan banyak faedah, maka ramai tokoh di dalam UMNO mengidam-idamkan jawatan-jawatan itu. UMNO pula tidak menghalang sesiapa atau mana-mana tokoh yang berhasrat bertanding, asalkan mereka dapat memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam perlembagaan. Peluang ini menjadi lebih mudah kerana UMNO secara keseluruhannya mengamalkan sistem demokrasi, yang membolehkan seseorang itu dicalon dan dipilih, kemudiannya diterima mengikut suara majoriti. Amalan ini diterima pakai dalam pengurusan UMNO sejak ia ditubuhkan sehingga sekarang. Malahan, ia tidak menimbulkan sebarang masalah dalam urusan pemilihan pemimpin utnuk memimpin parti dan ahli-ahli dari peringkat atas hingga ke akar umbi.

Semasa pemilihan yang diadakan pada tahun 1996, jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim kekal dengan jawatan masing-masing. Tetapi senario menjelang pemilihan tahun 1999 sudah berubah, setelah Datuk Seri Anwar dipecat dari kerajaan dan parti kerana dikatakan terlibat dalam kegiatan seks di luar tabii. Beliau juga didakwa kerana terlibat dalam kes rasuah. Jawatan yang kosong ini ternyata menjadi idaman tokoh-tokoh yang berada di dalam dan luar barisan MT UMNO. Kekosongan ini tidak dapat tidak akan menghangatkan suasana pemilihan.

Secara tradisinya, perebutan jawatan kedua tertinggi dalam hiraki kepimpinan UMNO ini, hanya ditandingi oleh dua orang tokoh sahaja yang dikira benar-benar berwibawa. Tokoh berkenaan dikira bukan sahaja layak menduduk kerusi tersebut, bahkan sekali gus memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri. Dan secara logiknya, tokoh ini kelak akan menggantikan Presiden dan Perdana Menteri.

Pemilihan untuk menduduki kerusi-kerusi Naib Presidennya pula selalunya ditandingi oleh ramai tokoh yang juga terdiri dari mereka yang berwibawa. Jawatan ini adalah ketiga tertinggi dan dipegang oleh tiga orang sahaja. Pada tahun 1996, terdapat tujuh orang calon yang terkenal dan tidak dikenali bertanding merebut jawatan Naib Presiden. Hasilnya, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak menduduki tempat tertinggi dengan

1,483 undi, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, tempat kedua dengan 1,053 undi dan Tan Sri Muhammad Haji Muhd. Taib, tempat ketiga dengan 1,045 undi.

Setakat ini, Datuk Seri Mohd. Najib dan Datuk Abdullah dikatakan sudah bersedia untuk merebut jawatan Timbalan Presiden yang masih kosong itu. Manakala Tan Sri Muhammad yang masih bercuti menjalankan tugas-tugas kepartian, kerana masalah perundangan setelah didakwa menyeludup sejumlah wang yang besar ke Australia. Beliau dijangka akan mengosongkan kerusinya. Kekosongan yang berlaku ini sudah tentunya menarik lebih ramai tokoh tampil ke hadapan untuk menawarkan diri. Bilangannya mungkin lebih besar berbanding dengan pemilihan pada tahun 1996.

Keghairahan para pemimpin UMNO merebut jawatan, bukan sahaja terbatas kepada Timbalan Presiden dan Naib Presiden sahaja. Pada tahun 1996, khalayak menyaksikan terdapat 55 calon bertanding bagi mengisi 25 kerusi dalam MT. Calon-calon ini terdiri dari tokoh-tokoh lama dan baru, malahan, kurang dikenali dalam arena politik nasional. Walau bagaimanapun, gelanggang ini dikirakan yang terbaik untuk menguji popularitinya masing-masing dalam arus perdana kepimpinan parti.

Sepuluh tokoh yang memperoleh undi teratas pada tahun 1996 ialah Datuk Dr. Abdul Hamid bin Othman 1,517 undi, Datuk Abdul Ghani Othman, 1,486 undi, Dato Haji Mustapa Mohamad, 1,484 undi, Dato Wira Mohd. Ali Rustam, 1,428 undi, Datuk Seri Mohd. Zain Abdul Ghani, 1,382 undi, Datuk Dr. Mohd. Yusof bin Noor, 1,354 undi, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, 1,266 undi, Datuk Dr. Afifuddin Haji Omar, 1,222 undi, Datuk Seri Shahidan Kassim, 1,178 undi dan Dato' Mohd. Tajol Rosli Ghazali, 1,172 undi.

Tokoh-tokoh ini pula pasti berkeinginan merebut jawatan Naib-naib Presiden yang dijangka akan dikosongkan oleh Datuk Seri Mohd. Najib, Datuk Abdullah dan Tan Sri Muhammad. Begitu juga dengan jawatan Ketua Pemuda yang menjadi kosong selepas Datuk Ahmad Zahid Hamidi meletakkan jawatan. Sementara itu, kekosongan yang berlaku pada tahap barisan MT akan ditandingi oleh calon-calon yang baru. Senario ini pasti merancakkan suasana pemilihan dan memberi banyak pilihan kepada ahli-ahli perwakilan memilih pemimpin idaman mereka.

Di antara jawatan tertinggi itu, Timbalan Presiden ternyata menjadi perhatian besar para pemerhati politik di dalam dan luar negara. Kehangatannya kini sudah mulai terasa, kempen senyap-senyap atau terbuka sudah berjalan di mana-mana. Semakin mendekati bulan Jun 1999, semakin rancak dan panas suasananya. Tetapi semua aktiviti itu nampaknya berjalan dengan lancar dan penuh disiplin.

Datuk Seri Mohd. Najib dan Datuk Abdullah sememangnya sudah bersedia dinilai oleh para perwakilan, siapakah yang benar-benar layak menduduki jawatan kedua tertinggi itu. Setakat ini, belum ada calon ketiga atau keempat untuk tampil bertanding, walaupun terdapat laporan bahawa Datuk Mustapa Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah tidak akan melepaskan peluang ini. Kedua-dua tokoh ini berasal dari negeri Kelantan, tetapi mempunyai alasan dan wawasan berbeza untuk bertanding. Sebagai seorang tokoh muda dan dikatakan sedang menyinar bintangnya dan anak didik Tun Daim Zainuddin, Datuk Mustapa mungkin ingin menguji keberkesanan kepimpinannya dalam parti; manakala Tengku Razaleigh Hamzah ingin kembali (*comeback*) dalam arus perdana politik tanah air. Yang jelasnya kini, tiada siapa dapat meneka visi politik mereka kerana masing-masing mengambil sikap "tidak banyak bercakap, tunggu dan lihat."

Datuk Seri Mohd. Najib dilahirkan pada 27 Julai, 1953, di bandar di raja, Pekan Pahang. Anak kelahiran negeri Pahang ini dibesarkan dalam keluarga yang penuh bergelumang dengan politik. Ayahandanya, Allahyarham Tun Abdul Razak semasa hayatnya pernah memegang berbagai-bagai jawatan dalam perkhidmatan awam sehingga ke jawatan tertinggi sebagai Perdana Menteri yang kedua. Ayahandanya juga bergelar "Bapa Pembangunan" kerana sentiasa menjelajah, dan membuka hutan belantara demi kepentingan rakyat luar bandar.

Datuk Seri Mohd. Najib memperoleh ijazah Sarjana Ekonomi di Universiti Nottingham, di United Kingdom, memulakan kerjayanya sebagai Pengurus Perhubungan Awam di Petronas, dan secara tidak langsung menceburi politik apabila beliau bertanding dan menang tanpa bertanding dalam pilihanraya kecil Pekan, pada tahun 1976. Pilihanraya kecil ini diadakan selepas ayahandanya meninggal dunia akibat serangan Leukemia. Dua tahun kemudian, beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Pos dan Telekom. Beliau dipilih semula dalam pilihanraya umum pada tahun 1978 dengan memperoleh 9,533 undi majoriti menewaskan

calon Pas, Mohd. Rusdi Ariff, dan dilantik menjadi Timbalan Menteri Pendidikan pada tahun 1981. Pada tahun yang sama, beliau terpilih menduduki tempat ketujuh tertinggi dalam pemilihan MT dan memegang jawatan Ketua Pemuda pada tahun 1987. Lain-lain jawatannya dalam kerajaan ialah Menteri Besar Pahang, Timbalan Menteri Pertahanan, Menteri Belia dan Sukan, Menteri Pertahanan dan kini Menteri Pendidikan.

Datuk Abdullah dilahirkan apda 26 November, 1939 di Pulau Pinang. Beliau dibesarkan dan dididik dalam suasana keagamaan oleh ayahandanya, Haji Ahmad Badawi, seorang aktivis agama dan politik yang terkenal di Pulau Mutiara itu. Beliau memperoleh ijazah Sarjana Pengajian Islam daripada Universiti Malaya dan memulakan kerjaya sebagai Penolong Setiausaha di Jabatan Perdana Menteri. Kemudian diikuti dengan jawatan Penolong Setiausaha Satu, Majlis Keselamatan Negara, Pengarah Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan kemudian dinaikkan pangkat kepada Ketua Pengarah di kementerian yang sama.

Beliau mengambil keputusan meletakkan jawatan untuk bergiat dalam politik pada tahun 1974 dan bertanding sebagai calon Barisan Nasional di kawasan Parlimen Kepala Batas pada tahun 1978. Beliau menewaskan calon Pas, Haji Musa Mohd. Yatim dengan kelebihan majoriti 5,029 undi. Bintangnya terus menyerlah dalam arena politik. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Parlimen, Kementerian Wilayah Persekutuan, dan kemudiannya dinaikkan pangkat kepada Timbalan Menteri. Beliau terus kekal sebagai Ahli Parlimen Kepala Batas sehingga sekarang.

Jawatan-jawatannya yang lain di dalam kerajaan, ialah Menteri Pendidikan, Menteri Pertahanan dan kini Menteri Luar Negeri. Dalam tempoh memegang jawatan Menteri Luar Negeri, beliau terdedah kepada urusan dalam dan luar negeri yang amat mencabar. Banyak ruang telah dibuka untuk membolehkan negara berinteraksi dalam arena diplomasi dan politik antarabangsa secara berkesan. Penglibatan delegasi negara secara aktif di arena antarabangsa, khasnya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah membuka mata dunia terhadap kewibawaan Malaysia.

Kini tugasnya menerajui Kementerian Luar Negeri semakin mencabar, lantaran terpaksa menangani isu-isu negatif yang dibangkitkan

kumpulan pro reformasi. Tekanan ini menjadi lebih rumit berikutan dengan kegawatan ekonomi yang melanda negara. Serentak dengan itu, tekanan dan ancaman dari luar, khasnya Amerika Syarikat semakin hebat dan jelas untuk memperkotak-katikkan negara kecil setelah Naib Presidennya, Al Gore memberi sokongan terbuka kepada kumpulan reformasi. Jelas kini, selaku Menteri Luar Negeri, beliau tidak mempunyai banyak pilihan, melainkan bertindak balas terhadap desakan dan ancaman itu.

Sebagai Menteri Luar Negeri, beliau sering mengiringi Perdana Menteri menghadiri berbagai-bagai persidangan kemuncak di peringkat antarabangsa. Kesempatan ini memberi ruang kepada beliau mendekati dan menghayati wawasan Perdana Menteri menangani masalah negara di mata dunia, dan sekali gus mengangkat martabat bangsa dan negara sebaik mungkin. Beliau ternyata dapat memainkan peranan sebagai diplomat dan menteri yang dihormati dalam forum-forum antarabangsa.

Pada tahun 1984, beliau memenangi kerusi Naib Presiden yang memperoleh undi yang kedua terbesar dan pada tahun 1987 juga berjaya mengekalkan kedudukannya yang sama. Beliau gagal mempertahankan kerusi naib presidennya pada tahun 1993 dan kembali semula ke pangkuan barisan tertinggi UMNO pada tahun 1996. Ketika berada di luar kerajaan dan barisan tertinggi kepimpinan UMNO selepas perletakan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam; beliau tetap setia dengan UMNO. Tiada sebarang tindakan dilakukan menikam UMNO dari belakang atau mencemar kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir. Kesetiaan ini menjadi faktor utama membolehkan beliau kembali ke dalam arus perdana politik tanah air, malah menduduki semula kerusi dalam kabinet pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir.

Pencapaian ini mungkin dibantu oleh sifat-sifat semulajadinya yang lembut dan mudah didekati. Tetapi dalam kelembutannya, beliau tegas dan berani, sama ada dalam isu membabitkan negara-negara serantau dan Islam di Asia Barat. Justeru itu, beliau memperlihatkan dasar luar negeri sentiasa jelas dan mudah difahami oleh masyarakat antarabangsa.

Rekod perkhidmatan Datuk Seri Mohd. Najib dan Datuk Abdullah boleh dinilai oleh seluruh perwakilan secara terbuka untuk menentukan siapakah bakal menduduki tempat kedua tertinggi dalam hiraki kepimpinan UMNO dan sekaligus menjadi Timbalan Perdana Menteri. Dinilai dari

aspek tradisinya, tokoh yang menduduki tempat ini juga bakal pengganti Presiden parti dan Perdana Menteri. Persoalan ini mesti diputuskan dengan tepat dan bijaksana oleh perwakilan supaya segala dasar, arah tuju yang sedang dan telah ditetap oleh Datuk Seri Dr Mahathir akan terlaksana dengan sepenuhnya menjelang dekad-dekad mendatang.

Pertembungan di antara dua tokoh ini sememangnya nampak mudah diputuskan oleh para-para perwakilan kerana ia boleh dipilih salah satu dari antarabangsa. Tetapi dalam konteks yang lain, ia seperti memilih ketulenan dua biji berlian yang sama-sama menerbitkan sinar bergemerlapan. Dalam soal ini, tiada siapa boleh memberi jawapan yang tepat melainkan para perwakilan yang telah menetapkan kriteria pemilihan mereka sendiri. Para perwakilan berkuasa mewarnai corak kepimpinan UMNO pada masa depan. Keputusan mereka adalah sebulat suara. Muktamad dan penuh semangat demokrasi.

Di samping Timbalan Presiden, tiga orang Naib Presiden juga merupakan orang terpenting dalam barisan kepimpinan UMNO. Justeru itu, kerusi ini turut menjadi rebutan semua yang berminat naik ke tangga yang lebih tinggi lagi. Sekurang-kurangnya terdapat sepuluh orang calon diramalkan akan bertanding. Mereka ialah Tan Sri Dato Seri Ramli Ngah Talib, Dato Syed Hamid Syed Jaafar Albar, Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Datuk Dr Abdul Hamid bin Othman, Datuk Abdul Ghani Othman, Datuk Dr Yusof Noor, Dato Dr Afifuddin Omar, Dato Mohd. Tajol Rosli Ghazali, Datuk Osu Haji Sukam dan Dato' Megat Junid Megat Ayob.

Di antara tokoh ini, Datuk Dr Abdul Hamid, Datuk Abdul Ghani, Dato Dr Afifuddin, Dato Mohd. Tajol dan Datuk Osu dijangka akan menjadi calon *'favourite.'* Penilaian ini adalah berdasarkan rekod perkhidmatan dan latar belakang pendidikan mereka yang baik. Tokoh-tokoh ini menjadi aset terpenting dalam struktur hiraki kepimpinan UMNO dan kerajaan, pada masa kini dan akan datang. Hakikat ini tidak dapat dinafikan kerana perubahan persekitaran politik serta pentadbiran semasa menuntut supaya diadakan persediaan barisan pemimpin dan pentadbir yang mampu mengisi keperluan tersebut. Tuntutan ini dikira sesuai dengan wawasan Datuk Seri Dr Mahathir yang menitikberatkan kemajuan sumber manusia semasa zamannya dan masa akan datang.

Tokoh-tokoh lain tidak dapat dinafikan boleh menjadi pencabar yang hebat kepada mereka yang disifatkan sebagai calon '*favourite*' itu. Mereka juga mempunyai rekod perkhidmatan yang juga tidak kurang cemerlangnya. Sesungguhnya, setiap orang dari mereka mempunyai keistimewaan tersendiri untuk menambat hati para perwakilan.

Selain dari sebaris nama-nama yang dikatakan berpotensi mengisi tiga kerusi Naib Presiden, tidak kurang pula tokoh yang bersiap sedia merebut kerusi Ketua Pemuda. Kerusi ini kosong dan sedang dipangku Datuk Hishamuddin Tun Hussein, selepas Datuk Ahmad Zahid Hamidi meletakkan jawatan. Datuk Hishamuddin diramalkan merebut jawatan ini dan pencabarnya ialah Dato Mohd. Ali Rustam. Jawatan ini tidak kurang juga menariknya kerana Ketua Pemuda boleh menduduki kerusi MT sebagai salah seorang Naib Presiden. Begitu juga dengan kerusi Ketua Wanita yang kini disandang oleh Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman. Beliau dikatakan akan dicabar oleh Datin Paduka Rafidah Aziz sebagai usaha menebus kekalahannya pada pemilihan tahun 1996.

Begitu juga dengan kerusi MT, ramai tokoh telah dan sedang bersiap sedia menguji populariti masing-masing. Gelanggang ini boleh disifatkan sebagai anak tangga pertama untuk menaiki tahap yang lebih tinggi dalam barisan kepimpinan parti. Sekiranya lulus ujian ini, maka lebih mudah lagi mereka mendaki.

Berdasarkan fakta ini, semua barisan MT sekarang dijangka akan bertanding mempertahankan semula kerusi yang dimenangi pada tahun 1996. Kecuali beberapa orang, memilih bertanding kerusi Naib Presiden dan MT sebagai persediaan supaya tidak terus hanyut dari arus perdana politik nasional. Percaturan ini lebih mudah kerana perlembagaan UMNO tidak melarang mana-mana tokoh bertanding merebut dua jawatan pada satu ketika. Tetapi lazimnya, tokoh berkenaan akan menggugurkan salah satu daripada percalonannya apabila mendapati "cahaya kemenangan" bersinar pada satu jawatan yang lain.

Bersama-sama mereka, tokoh-tokoh yang terkeluar dari senarai MT pada pemilihan yang lalu, seperti Datuk Ibrahim Ali, Dato Tengku Adnan Tengku Mansor, Dato Dr. Tengku Mahmud Mansor, Dato Badruldin Amiruldin, Dato Abdul Rahim Abu Bakar, Datuk Abdul Khalid Ibrahim dan Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh akan mempertaruhkan nasib mereka sekali lagi dalam pemilihan yang akan datang ini.

Berdasarkan senarai nama yang bakal merebut jawatan Timbalan Presiden, Naib Presiden, Ketua Pemuda, Ketua Wanita dan MT, jelas perwakilan mempunyai banyak pilihan untuk menentukan siapakah pemimpin mereka. Siapakah yang bakal terpilih tetap menjadi rahsia yang tertutup kemas di hati mereka sehingga ianya terungkai pada bulan Jun 1999. Bulan ini menjadi bulan penentuan arah tuju UMNO sebagai sebuah organisasi politik yang terbesar dan tertua di negara ini.

Memandangkan keputusan pemilihan ini boleh membawa implikasi besar terhadap politik dan pentadbiran negara, para perwakilan perlu insaf, mereka mempunyai tanggungjawab menetukan barisan kepimpinan baru yang boleh merealisasikan setiap rencana pembangunan sekarang terlaksana sepenuhnya. Datuk Seri Dr Mahathir sudah tentunya tidak akan merasa gundah melihatkan warisan kepimpinan yang ditinggalkannya dipupuk dan dibangun mengikut acuannya.

Walau apapun keputusan yang akan diambil, para perwakilan pasti tidak akan membuat perubahan yang drastik dalam penyusunan kepimpinan UMNO. Hanya yang mungkin berlaku, ialah tokoh-tokoh yang turun gelanggang akan diletak mengikut kekananan atau *seniority* masing-masing supaya lebih mudah mereka menjalankan tugas-tugas kepartian. Lantaran itu, dasar UMNO tidak akan mengalami banyak perubahan, melainkan sedikit penyesuaian akan dibuat bagi membolehkan ia berkembang mengikut aliran kemajuan teknologi maklumat, iaitu melengkapkan prasarana dengan menyediakan rangkaian komputer di antara bahagian-bahagian dengan ibu pejabat. Prasarana ini sesuai dengan pindaan perlembagaan membolehkan remaja berusia 18 tahun menyertai UMNO. Ia boleh dianggap sebagai persediaan untuk generasi baru bergiat dalam politik UMNO dan menghadapi pilihanraya umum pada tahun 2000.

Sementara menunggu bulan Jun 1999 terungkai, seluruh ahli UMNO mestilah menguatkan ketahanan diri supaya tidak terjebak dalam kegiatan politik wang kerana ia bertentangan dengan tatasusila parti. Akibatnya UMNO akan musnah, dan orang-orang Melayu akan kehilangan sebuah wadah perjuangan yang paling unggul.

Sesungguhnya bulan Jun 1999, bulan yang amat mendebarkan.

Presiden

Dr. Mahathir Mohammad
(terus kekal di kerusi "emas")

Siapa akan dinobatkan TPU 1999?

?

Bakal-bakal Calon Timbalan Presiden UMNO 1999

Datuk Seri Mohamed Najib Tun Razak
(membayangkan hasrat bertanding)

Menteri Pendidikan/Ahli Parlimen Pekan, Pahang/Naib Presiden UMNO

Lahir di Pekan, Pahang pada 23 Julai 1953. Mendapat pendidikan sekolah menengah di St. John's Institution, Kuala Lumpur dan Malvern Boy's College, Worchestershire, England sebelum melanjutkan pengajian di peringkat ijazah dalam bidang ekonomi di Universiti Nottingham.

Karier politik beliau bermula sebagai Ahli Parlimen Pekan, Pahang (1974-1982) sebelum dilantik sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (1978-1980). Beliau kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Menteri Pendidikan (1980-1981) dan Timbalan Menteri Kewangan (1981-1982).

Karier politiknya kemudian tersekat ke tumah kelahirannya apabila menjadi Menteri Besar Pahang (4 Mei 1982-1986) sebinggalah dilantik menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (1986-1990), Menteri Pertahanan (1990-Apr. 1995) dan kini menjadi Menteri Pendidikan (sejak Mei 1995).

Beliau pernah menjadi ahli Exco Pemuda UMNO (1980-1982) sebinggalah diberi mandat sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO (1981-1984).

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi
(mengetahkan bertanding)

Menteri Luar/Naib Presiden UMNO/Ahli Parlimen Kepala Batas

Dilahirkan di Pulau Pinang pada 26 November 1939. Mendapat pendidikan awal di Bukit Mertajam High School, Seberang Perai dan Methodist Boy's School, Pulau Pinang. Kemudian melanjutkan pengajian di Universiti Malaya dalam bidang Pengajian Islam pada tahun 1964.

Kariernya bermula sebagai Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada tahun 1974 sebelum dilantik menjadi Setiausaha Politik, Kementerian Wilayah Persekutuan (1978-1980) dan menjadi Ahli Parlimen Kepala Batas, Pulau Pinang (sejak 1978 hingga kini) apabila memenangi pilihan raya di kawasan itu.

Beliau kemudiannya menjadi Timbalan Menteri, di kementerian Wilayah Persekutuan (1980-1982), Menteri Pendidikan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1982-1984), Menteri Pertahanan (1984-1986), dan dilantik sebagai Menteri Luar dari 15 Mac 1991 hingga sekarang.

Tengku Razaleigh Tengku Hamzah
(disebut-sebut bertanding)

Ahli Parlimen Gua Musang

Beliau dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan pada 13 April 1937. Mendapat pendidikan menengah di Kolej Sultan Ismail, Kota Bharu hingga tahun 1954 sebelum mendapat pendidikan di Universiti of Belfast, Ireland Utara.

Karier politiknya bermula sebagai Menteri Kewangan pada 14 Julai 1984 dan kemudian memegang jawatan sebagai Menteri Perdagangan dan Industri dari tahun 1976 hingga 1984. Dan pada 29 April 1987 beliau meletakkan jawatan sebagai Menteri Perdagangan dan Industri.

Penyertaan beliau ke dalam parti politik bermula apabila dilantik sebagai Ketua Bahagian UMNO Hulu Kelantan (sekarang dikenali sebagai Gua Musang) pada 1962.

Beliau irwas kepada Dr. Mahathir dalam pertandingan jawatan Presiden UMNO (irwas dengan majoriti 43 undi) pada 24 April 1987 sebinggalah beliau mengambil keputusan untuk keluar daripada UMNO.

Di antara Ahli-Ahli Majlis Tertinggi 1996-1999 UMNO

Ibrahim Saad

Affifudin Hj. Omar

Shahidan Kassim

Tajol Rosli

Osu Hj. Sukam

Zaleha Ismail

Megat Junid Megat Ayob

Ibrahim Ali

Sabaruddin Chik

Sebahagian dari para perwakilan yang hadir pada perhimpunan khas UMNO pada 13 Disember lalu.

Tinggal kenangan .... Saat-saat kemesraan antara Dr. Mahathir dengan Anwar Ibrahim semasa Perhimpunan Agong UMNO tahun 1997. Menteri-menteri lain tersenyum hambar.

Antara calon-calon disebut bertanding Naib Presiden UMNO 1999

Rafidah Aziz

Hamid Othman

Mustafa Mohd

Mohd Taib
(masih Naib Presiden)

Ramli Ngah Talib

Hamid Albar

KEPUTUSAN PEMILIHAN
AHLI-AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO
PENGGAL TAHUN 1996 – 1999

PENGERUSI TETAP

1)	*Tan Sri Dato' Sulaiman Ninam Shah*	*1,498*
2)	*Dato' Abdul Raman bin Suliman*	*359*

TIMBALAN PENGERUSI TETAP

1)	*Tan Sri Dato' Shoib Haji Ahmad*	*1,357*
2)	*Datuk Dr Haji Azman Atar Othman*	*400*
3)	*Datuk Haji Idris Haji Ibrahim*	*100*

PRESIDEN

Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad — *(menang tanpa bertanding)*

TIMBALAN PRESIDEN

Dato' Seri Anwar Ibrahim — *(menang tanpa bertanding)*

NAIB PRESIDEN

1)	*Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak*	*1,483*
2)	*Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi*	*1,053*
3)	*Tan Sri Muhammad Haji Muhd. Taib*	*1,045*
4)	*Tan Sri Dato' Seri Ramli Ngah Talib*	*696*
5)	*Dato' Syed Hamid Syed Jaafar Albar*	*653*
6)	*Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin*	*545*
7)	*Yob Tajuddin bin Kulob Ismail*	*111*

AHLI-AHLI MAJLIS TERTINGGI

1)	*Dato' Dr Abdul Hamid bin Othman*	*1,517*
2)	*Dato' Abdul Ghani Othman*	*1,486*
3)	*Dato' Haji Mustapha Mohamed*	*1,484*
4)	*Datuk Wira Mohd. Ali Mohd. Rustam*	*1,428*
5)	*Dato' Seri Mohd. Zain Abdul Ghani*	*1,382*
6)	*Dato' Dr Mohamad Yusof bin Noor*	*1,354*
7)	*Tan Sri Mohd. Khalil Yaakob*	*1,266*
8)	*Dato' Dr Afifuddin Haji Omar*	*1,222*
9)	*Dato' Seri Shahidan Kassim*	*1,178*
10)	*Dato' Mohd. Tajol Rosli Ghazali*	*1,172*
11)	*Dato' Abdul Kadir Sheikh Fadzir*	*1,153*
12)	*Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad*	*1,152*
13)	*Dato' Dr Ibrahim Saad*	*1,148*
14)	*Dato' Hassan bin Ariffin*	*1,118*
15)	*Datuk Osu bin Haji Sukam*	*1,104*
16)	*Dato' Raja Ariffin Raja Sulaiman*	*1,056*
17)	*Dato' Drs Suleiman Mohamed*	*1,021*
18)	*Dato' Mohamed Nazri Abdul Aziz*	*1,018*
19)	*Dato' Mohd. Shafie bin Apdal*	*1,005*

20)	*Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus*	*984*
21)	*Dato' Megat Junid Megat Ayob*	*976*
22)	*Dato' Paduka Hajah Zaleha Ismail*	*960*
23)	*Dato' Salleh Tun Said Keruak*	*954*
24)	*Dato' Haji Abu Hassan Haji Omar*	*954*
25)	*Shahrizat Abdul Jalil*	*915*
26)	*Datuk Hj Ibrahim Ali*	*889*
27)	*Dato' Tengku Adnan Tengku Mansor*	*886*
28)	*Dato' Sabaruddin Chik*	*864*
29)	*Dato' Dr Tengku Mahmud Mansor*	*836*
30)	*Datuk Railey Haji Jeffrey*	*741*
31)	*Datuk Dr Kamal Mat Salih*	*713*
32)	*Dato' Hajah Napsiah Omar*	*673*
33)	*Dato' Haji Badruldin Amiruldin*	*658*
34)	*Dato' Haji Abdul Rahim Abu Bakar*	*651*
35)	*Dato' Haji Mohd Radzi Manan*	*650*
36)	*Dato' Dr Abdullah Fadzil Che Wan*	*619*
37)	*Dato' Abdul Khalid Ibrahim*	*541*
38)	*Dato' Hanifah Norodin*	*513*
39)	*Dato' Fauzi Abdul Rahman*	*502*
40)	*Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh*	*487*
41)	*Dato' Haji Othman Abdul*	*465*
42)	*Haji Mohd Nakhaie Haji Ahmad*	*463*
43)	*Dato' Ishak Ismail*	*450*
44)	*Datuk Haji Zainal Abidin Ab Kadir*	*350*
45)	*Haji Ahmad Shahibuddin Mohd Noor*	*335*
46)	*Dato Abu Bakar Daud*	*298*
47)	*Dato' Azrat GulÌ Amirzat Gull*	*242*
48)	*Mohd Idris Tulis*	*212*
49)	*Bharom Abdul Ghani*	*211*
50)	*Dato Mohd Zihin Mohd Hassan*	*200*
51)	*Prof. Dr Syed Abdullah Syed Mahusin*	*198*
52)	*Mohamed Kamal Hussain*	*159*
53)	*Dato' Zainol Abidin Johari*	*111*
54)	*Edward Sinsua*	*94*
55)	*Dr Alias Mohamed*	*82*

BAB 4

ADA PEMIMPIN BERPURA DEPAN MAHATHIR

Dr. Mahathir kini cukup selesa dan boleh menarik nafas lega dan "senyum kambing" kerana "kerusi emasnya" tidak disambar orang seperti pernah berlaku dalam pemilihan Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1986 di mana kerusi tersebut hendak disambar oleh anak raja dari Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah.

Dalam pemilihan pada bulan Jun tahun depan (1999) "kerusi emas" itu akan terus kekal di tangan Mahathir berikutan keputusan dalam perhimpunan agung parti tersebut tahun lalu, majoriti perwakilan sebulat suara bersetuju jawatan Presiden parti tidak dicabar termasuk jawatan Timbalan Presiden.

Bagaimanapun ekoran pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari kerajaan pada 2 September lalu dan sehari kemudian dipecat dari UMNO, jawatan berkenaan sekarang kosong. Siapakah bakal penggantinya? Hanya para perwakilan boleh menentukan siapakah tokoh paling layak sebagai pengganti.

Dr. Mahathir pada tahun-tahun lapan puluhan dilihat oleh sesetengah ahli parti dari kelompok yang sama sebagai seorang pemimpin yang tidak lagi disenangi lantas mereka cuba hendak "beralih selera" kepada tokoh baru yang boleh bersekongkol dengan kepentingan politik mereka.

Lantas golongan dalam parti tersebut yang boleh diibaratkan "musuh dalam selimut" mula memainkan peranan seperti "jarum" cuba memperlecehkan kepimpinan Dr. Mahathir dengan secara diam-diam mengkritik beliau dalam usaha mereka untuk "menumbang"nya.

Ketika itu golongan tersebut melihat tokoh baru paling sesuai menggantikan Dr. Mahathir ialah Tengku Razaleigh Hamzah – lalu mereka pun menggerakkan jentera berkempen dengan cuba melobi para perwakilan yang bakal hadir pada perhimpunan agung UMNO pada tahun 1986.

Malangnya, cita-cita mereka untuk "mengangkat" Tengku Razaleigh menjadi Presiden parti tidak kesampaian - lalu anak raja Kelantan itu rebah dan kerana malu keluar dari UMNO lalu menubuhkan parti baru Semangat 46.

Peristiwa yang sama pernah berlaku ke atas bekas Presiden parti terdahulunya, Tun Hussein Onn di mana seorang anak Pulau Pinang, Allahyarham, Sulaiman Palestin mencabar kepimpinan beliau tetapi kesudahan episodnya, Sulaiman Palestin tewas dengan memperolehi undi yang amat sedikit.

Perlu diingat oleh seluruh ahli UMNO, Dr. Mahathir bukan mudah boleh diperlecehkan kerana tersilap langkah dan perhitungan, "keris boleh memakan tuan" kerana Dr. Mahathir merupakan seorang politikus yang licik mudah menghidu mereka yang cuba bersikap "talam dua muka."

Inilah keistimewaan anugerah Tuhan kepada Dr. Mahathir dapat "membaca" lebih awal jika ada golongan tertentu yang cuba berlaku "curang" kepada beliau terutama mereka yang cuba menimbulkan puak-puak di dalam parti pimpinannya. Contohnya, Anwar Ibrahim.

Pun demikian, sampai bilakah Dr. Mahathir boleh bertahan lama? Begitulah pertanyaan yang kerap diperkatakan oleh masyarakat umum termasuk dari ahli UMNO sendiri bermula di peringkat akar umbi sampai kepada ahli-ahli yang berstatus pemimpin.

Meskipun golongan yang berstatus pemimpin ini tadi tidak ramai mempertikaikan kepimpinan Dr. Mahathir tetapi secara diam-diam seperti "tikus takutkan kucing" - mereka kadang kala dilihat bersama "musuh" dalam parti bersengkang mata dari pagi hingga larut malam merencana dan merancang untuk mempertahankan kedudukan masing-masing terutama apabila menjelang pilihanraya.

Mereka ini boleh diumpamakan "gunting dalam lipatan" harapkan "sokong, sokong membawa rebah" dan mereka yang sudah berkedudukan ini amat merbahaya jika terus dibiarkan bernaung di bawah "payung" Dr. Mahathir.

Namun demikian ada pula mereka yang menjadi "anak emas" Dr.

Mahathir menyifatkan diri mereka "kebal" dari sebarang tindakan Dr. Mahathir, lantas menggunakan nama Dr. Mahathir untuk mempengaruhi ahli-ahli parti agar terus-terusan menyokong mereka agar dapat terus berada "di atas' dengan selesa walaupun sesetengah ahli parti tahu sifat sebenar mereka ini.

Di sinilah berlakunya budaya politik wang, saling memberi dan menerima dan ianya dilakukan secara paling kemas untuk mengelak perbuatan "keji" itu dari dikesan. Wang sememangnya tidak boleh dipisahkan dari manusia kerana wang semuanya boleh jadi dari perkara yang tidak mustahil boleh jadi mustahil. Begitulah jika seseorang pemimpin itu mempunyai ringgit, seseorang itu boleh dibuatnya melutut di kaki. Begitu besar dan berertinya pengaruh wang kepada manusia zaman serba moden ini.

Dalam perkembangan berkaitan sekiranya wang dijadikan laluan mudah untuk naik ke atas - maka dikhuatiri mereka yang benar-benar tidak layak menjadi pemimpin tetapi kerana wang diangkat menjadi pemimpin dalam sesebuah oraganisasi seperti UMNO - nescaya UMNO dalam masa yang terdekat akan runtuh dan hancur. Apakah kita mahu melihat UMNO menjadi sedemikian - membiarkan mereka yang mempunyai wang merudumkan institusi UMNO yang terlalu banyak berjasa kepada negara dan orang-orang Melayu?

Setiap manusia memerlukan wang tetapi jangan sampai ianya boleh menjadi "racun" dalam UMNO itu sendiri.

Sebagai penulis, saya ingin mengembalikan semula ingatan ahli UMNO kepada intipati ucapan Presiden Dr. Mahathir yang saya anggap penting semasa beliau merasmikan Perhimpunan Agung parti itu yang ke - 38 pada bulan April 1987.

Antara lain Dr. Mahathir berkata: "INGATLAH, tidak ada seorang pun daripada kita, termasuk saya sendiri, yang penting. Tidak ada seorang ahli UMNO atau pemimpin-pemimpin UMNO yang penting walaupun jawatan mereka. Yang penting ialah pertubuhan ini. UMNO, sebagai sebuah badan untuk mengubah nasib orang-orang Melayu. Tanpa UMNO tidak ada satu pun yang boleh dibuat oleh sesiapa daripada kita, walaupun bijak dan pintar orang itu."

Soalnya, apakah cabaran yang dihadapi oleh Dr. Mahathir ketika itu boleh disamakan dengan cabaran yang dialami pada hari ini?

Pada ketika itu berlaku krisis kepimpinan dan kepercayaan berpunca dari mereka yang pada masa itu bercita-cita mahu menjadi pemimpin dan ingin berkuasa hingga membawa kepada pengharaman parti UMNO. Tetapi pada hari ini berlaku kegawatan ekonomi yang dilihat sesetengah pihak boleh mengheret kepada krisis yang sama - walaupun Anwar sudah menerima "hukuman" awal dari Dr. Mahathir.

Soalnya, masih adakah "saki-baki". orang-orang Anwar di dalam UMNO? Jika ada pun mereka ini umpama "melukut di tepi gantang" yang pastinya sudah "tersisih" secara tidak langsung di dalam UMNO. Mereka ini sudah diketahui oleh Dr. Mahathir sebagai golongan yang cuba berpura-pura menyokong kepimpinan beliau. Hanya masa menunggu mereka untuk "digugur."

Mengingatkan lagi ucapan Dr. Mahathir yang antara lain Presiden parti itu menyatakan, beliau tidak mahu melihat lagi parti itu berpecah. " Saya mahu menyerahkan UMNO dalam keadaan yang sempurna tidak ronyeh (rosak)."

Saranan Dr. Mahathir itu harus diambil ingatan oleh seluruh ahli UMNO khasnya mereka yang terlalu ghairah dan bernafsu besar untuk menjadi pemimpin. Kesimpulan dari ucapan Presiden parti itu ialah beliau tidak mahu melihat ada di antara pemimpin UMNO itu tadi mengamalkan budaya iri hati, pendendam dan lebih dibencinya memiliki ciri-ciri berakhlak rendah dalam aktiviti sosial peribadi.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir tidak mahu sama sekali barisan pemimpin UMNO yang selama ini dipercayai hanya bersikap warak di depan tetapi berperangai tidak senonoh di belakang walaupun hal-hal semacam ini sudah sampai ke pengetahuannya.

Umpamanya dalam kes Anwar Ibrahim berbagai isu menarik terbongkar dengan sendirinya termasuk kes Shamsidar isteri kepada setiausaha Anwar, Azmin, didakwa oleh Ummi (adik kepada Azmin) mempunyai *affair* dengan bekas Timbalan Perdana Menteri. Malah turut terseret sama sebagai saksi dalam kes itu ialah Ziela Jalil, seorang artis,

isteri kedua kepada Menteri Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Dalam Negeri, Datuk Megat Junid.

Penglibatan mana-mana isteri kepada seseorang ternama khasnya dari UMNO umpama kes ini sedikit sebanyak boleh membawa kesan kurang sihat kepada masyarakat umum terutama di kalangan orang-orang Melayu yang akan membuat berbagai andaian yang bukan-bukan terhadap kepimpinan Dr. Mahathir - andainya berakhlak mulia, tinggilah martabat kepimpinan Mahathir.

Setiap gerak-geri mereka sama ada buruk atau baik - akan mencerminkan imej kepimpinan Dr. Mahathir. Jika buruk tingkah lakunya, pincanglah kepimpinan Dr. Mahathir - andainya berakhlak mulia, tinggilah martabat kepimpinan Mahathir.

Masyarakat bebas membuat andaian jika ada di antara barisan pemimpin UMNO bertindak pincang dalam parti. Para pemimpin parti itu perlu menjaga tata susila parti dengan tidak bertindak mengikut nafsu dan godaan syaitan.

UMNO sebuah parti terbesar di negara ini yang tidak mampu melihat ada di antara ahlinya bersikap berpura-pura atau hipokrit seperti memijak "semut tidak mati" di hadapan Dr. Mahathir tetapi di belakang beliau, perangai macam "kucing."

Selain ahli UMNO dan para pemimpinnya, Dr. Mahathir juga tidak terkecuali dalam hal sedemikian kerana antara sedar atau tidak, beliau juga boleh dengan mudah terperangkap dengan hasutan iblis yang melampau yang sememangnya menunggu masa yang terbaik untuk memerangkap "mangsa" paling dikehendakinya.

Kita tidak mahu ada di antara pemimpin cakap tak serupa bikin umpama "guru mengajar murid kencing cara berduduk, sedangkan guru itu sendiri "kencing berdiri dan berlari."

Imej dan martabat mereka yang bergelar pemimpin dan berkuasa atas tiket UMNO, tidak seharusnya bersikap lupa daratan. Kita tidak mahu melihat ada di antara pemimpin itu tadi seperti "kacang lupakan kulit" sesudah berada "di atas" tidak mahu lagi melihat ke bawah kerana menganggap dirinya sudah menjadi "orang besar."

Golongan seperti ini harus diingatkan bahawa beradanya mereka "di atas" adalah kerana mereka telah diangkat naik oleh ahli-ahli parti dari peringkat akar umbi. Jika tidak, haram janganlah bermimpi untuk "naik ke atas".

Pemimpin-pemimpin semacam ini perlulah diperingatkan agar mereka ini tidak mudah lupa diri bila telah berada di atas.

Sebagai Presiden UMNO, Dr. Mahathir harus mengawasi setiap gerak-geri "anak-anak buahnya" jangan sampai terlanjur perbuatan dan tindakan yang boleh mencemarkan maruah parti, negara dan bangsa.

Beringatlah sebelum terkena kerana jika sudah terkena dan terlanjur tindakan dan perbuatan, baliklah ke pangkal jalan kerana imej pemimpin seperti Dr. Mahathir bukan boleh dijual beli begitu mudah.

Mencari pemimpin pengganti memang mudah tetapi untuk menyamai kepimpinan Dr. Mahathir dengan wawasannya belum lagi ternampak di antara barisan pemimpin UMNO yang ada sekarang.

Seperti lagu nyanyian Allahyarham P. Ramlee, antara seni kata lagunya "**HILANGNYA DIKAU SUKAR DI CARI GANTI.**" Hayatilah seni kata lagu itu dengan cermat semoga ia menjadi ingatan sepanjang hidup kita.

Menemui pemimpin agama dan pendidik Islam di Qom, Iran (4 April 1993). (Gambar ini diambil dari buku Potret Mahathir)

Dr. Mahathir Mohamad dan ahli-ahli Majlis Tertinggi mengangkat tangan sebagai tanda menyokong usul yang diluluskan pada Perhimpunan Agung Khas UMNO pada 13 Disember 1998.

Megat Junid nafi kahwin Noreen Noor

Ziela.... Isteri kedua Megat Junid

Nafi beliau ada 'affair' dengan Noreen Noor.
"Murtad jika dakwaan yang mengatakan saya kahwin dengan Noreen Noor adalah benar.

Noreen Noor...digosip ada 'affair' dengan Megat Junid.

Sebagai pemimpin ternama dalam sebuah parti UMNO yang mentadbir kerajaan, mereka seharusnya mengelakkan diri dari sebarang gosip yang boleh menjejaskan kerjaya mereka terutama gosip yang melibatkan antara mereka dengan seorang artis.

Mana-mana pemimpin baik dalam parti mahupun kerajaan yang sudah menjadi 'public figure' tidak boleh membiarkan diri masing-masing hanyut dengan 'glamor' diri yang tidak menentu kerana tersilap gosip, pemimpin itu tadi boleh tersungkur rebah. Dan untuk bangun semula amatlah payah kerana musuh-musuh sudah tunggu untuk membelasah.

Kita tidak menafikan pemimpin ataupun artis juga manusia biasa tidak sunyi dari membuat kesilapan tetapi biarlah kesilapan itu ada asas dan bukan untuk mencari 'publicity' murahan.

Contohnya berita Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Dato' Seri Megat Junid digosipkan oleh sebuah akhbar hiburan tempatan konon beliau mempunyai 'affair' dengan penyanyi Noreen Noor, sedikit sebanyak boleh menjejaskan kurier menteri berkenaan walaupun penafian telah dibuat secara umum dalam akhbar utusan malaysia pada 14 Disember 1998.

Meskipun penafian telah dibuat tetapi kita tidak mampu menghalang masyarakat umum dari membuat berbagai andaian lebih-lebih lagi gosip itu melibatkan dua manusia ternama, seorang menteri dan seorang artis. Kedua-duanya adalah 'public figure' di Malaysia.

Berikut adalah berita penafian Megat Junid dan akhbar utusan malaysia:

KUALA LUMPUR 14 Disember 1998 – Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob hari ini menafikan sekeras-kerasnya dakwaaan bahawa beliau telah berkahwin dengan penyanyi dan pelakon popular Noreen Noor.

Katanya, dakwaan yang mengatakan beliau telah berkahwin dengan aktres itu adalah tidak benar sama sekali.

"Laporan mengenainya adalah khabar angin semata-mata. Murtad saya jika dakwaan yang mengatakan saya berkahwin dengan dia adalah benar. Saya hanya ada dua isteri pada masa ini, "katanya.

Isteri-isteri beliau sekarang ialah Datin Seri Faizah Shuaib dan penyanyi Ziela Jalil.

Megat Junid sendiri yang membangkitkan perkara itu sebelum memulakan sidang akhbar di bangunan Dayabumi di sini hari ini. Ini adalah reaksi beliau kepada satu laporan dalam kolum gosip hiburan sebuah akhbar mingguan semalam.

Tersebar luas

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melahirkan kehairanan bagaimana pendakwaan itu boleh tersebar luas termasuk di media massa.

Menurutnya, beliau hanya mengenali Noreen Noor berdasarkan hubungan penyanyi itu yang rapat dengan isteri keduanya, Ziela.

Kebelakangan ini, khabar angin yang mengatakan kononnya Noreen Noor telah menjadi isteri ketiga Megat Junid bertiup kencang di kalangan peminat seni tanah air.

Seorang pemberita mengusik Megat Junid, memberitahunya mungkin penyanyi berkenaan terpikat dengan beliau. Sambil gelak, menteri itu berseloroh. "Kita pun suka ramai orang."

Noreen bersyukur

***Bersyukur** adalah perkataan pertama yang terbit dari mulut pelakon dan penyanyi popular, Noreen Noor, apabila mengulas pengakuan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub, berhubung gosip liar yang menimpa mereka, baru-baru ini.*

Laporan sebuah akhbar (bukan Harian Metro) semalam menyebut, Megat Junid menafikan sekeras-kerasnya dakwaan yang mengatakan beliau sudah berkahwin dengan Noreen dan menganggap gosip itu tidak benar sama sekali.

"Laporan mengenainya adalah khabar angin semata-mata. Murtad saya jika dakwaan yang mengatakan saya berkahwin dengan dia adalah benar. Saya hanya ada dua isteri pada masa ini," kata Megat Junid yang kini memperisterikan Datin Seri Faizah Shuaib dan Ziela Jalil.

Bagi Noreen, kenyataan terbuka yang dibuat oleh Megat Junid itu betul-betul melegakan dirinya kerana ia dapat memperjelaskan kedudukan sebenar yang dia masih bergelar ibu tunggal kerana seorang anak lelaki, Daniel Basaruddin, 7 tahun.

"Bersyukur saya kepada Tuhan bila mendengar pengakuan Megat Junid itu. Saya terharu kerana beliau sanggup bersumpah dirinya murtad kalau gosip itu benar berlaku. Dia memang jujur dan berani demi kebenaran.

"Sebenarnya saya tidak sangka sama sekali Megat Junid akan membuat pengakuan itu kerana saya fikir gosip itu akan hilang begitu sahaja.

"Namun jelas, demi kebaikan semua dan tidak mahu mengeruhkan keadaan, Megat Junid sanggup membuat kenyataan kepada pihak media, "katanya ketika dihubungi oleh Harian Metro, petang semalam.

Noreen mengakui gosip itu kemungkinan timbul daripada salah faham sesetengah pihak yang tidak tahu menahu hubungan pangkal cerita.

"Sememangnya saya mengenali Ziela dan Megat Junid kerana kami pernah sama-sama tinggal berjiran di Bukit Antarabangsa, Kuala Lumpur tidak lama dulu. Daripada situlah agaknya ada pihak yang cuba mereka-reka gosip liar seperti ini.

"Apa yang saya harapkan, lain kali selidiklah betul-betul cerita sebenar sebelum kita memperkatakannya. Sebagai artis, saya memang faham mereka selalu menjadi mangsa gosip tapi kalau sampai menjejaskan maruah serta kedudukan keluarga orang lain, itu memang keterlaluan.

"Dulu saya juga pernah bersumpah yang saya tidak berkahwin dengan mana-mana VIP tapi orang masih tidak percaya. Jadi sekarang semuanya sudah jelas," katanya bersungguh-sungguh.

Ditanya adakah gara-gara gosip itu menjejaskan hubungannya dengan Ziela, Noreen berkata: "Itu no comment."

Menurutnya apa yang penting, dia cukup lega kerana desas-desus itu kini berakhir dan dapat meneruskan kehidupannya seperti biasa.

"Walau apa pun terjadi, saya tetap akan menyanyi dan berlakon. Untuk berkahwin lagi, saya hanya berserah kepada Tuhan," katanya.

BAB 5

KENAPA MAHATHIR MARAH ANWAR

Sebulan selepas disingkirkan daripada kerajaan dan parti yang memerintah, ramai orang tertanya-tanya mengenai punca sebenar mengapa Anwar disingkir. Adakah punca sebenar penyingkiran itu kerana Anwar mempunyai moral yang rendah dan terbabit dalam aktiviti homoseks seperti yang didakwa oleh Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad? Atau adakah bekas Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO itu telah menjadi mangsa 'konspirasi peringkat tinggi', seperti yang didakwa oleh Anwar dan para penyokongnya?

Hubungan Mahathir - Anwar

Untuk memahami punca penyingkiran Anwar, seseorang haruslah memahami mengenai hubungan di antara Mahathir dengan Anwar. Mahathirlah yang membawa Anwar menyertai kerajaan pada 1982. Mahathir jugalah yang melatih dan mengembangkan pengaruh Anwar dalam UMNO serta mendedahkannya kepada pelbagai jawatan dalam kerajaan, sehinggalah beliau menyandang jawatan Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri. Tidak dapat diragukan lagi bahawa Anwarlah yang merupakan pewaris Mahathir. Walaupun Mahathir memainkan peranan menaikkan Anwar dengan begitu cepat, tetapi adalah jelas bahawa Anwar sendiri merupakan seorang ahli politik yang pintar, mahir menggerakkan massa dan merancang komplot dalam parti. Selain itu, beliau juga merupakan seorang pemidato yang handal dan mampu menarik perhatian serta sokongan padu daripada sebahagian pengikut-pengikutnya.

Rasa marah

Anwar membalas naungan Mahathir dengan memberikan sokongan yang tidak berbelah-bagi setiap kali Mahathir menghadapi krisis politik. Sejak krisis Perlembagaan pada 1983, perpecahan UMNO pada 1987, krisis Kehakiman pada 1988 dan pengekangan kuasa Sultan-Sultan pada 1991, Anwar tetap merupakan pendamping setia Mahathir yang mengumpulkan sokongan untuk bosnya itu. Hubungan di antara dua tokoh

ini telah menimbulkan rasa marah di kalangan ahli-ahli UMNO, terutamanya mereka yang telah menjadi ahli parti lama sebelum Anwar menyertai kerajaan. Justeru itu, sejak 1982 timbul kumpulan-kumpulan yang ingin merenggangkan hubungan Mahathir dan Anwar melalui kempen-kempen surat-surat layang dan khabar-khabar angin. Bagaimanapun Mahathir telah tidak mempedulikan niat serta usaha jahat ini dan tetap mempertahankan timbalannya.

Kemudian, pada bulan Mei 1997, Mahathir telah memberikan isyarat yang jelas sama ada kepada UMNO, kerajaan dan rakyat bahawa Anwar akan menjadi penggantinya dengan melantik Anwar sebagai pemangku Presiden UMNO dan pemangku Perdana Menteri, ketika Mahathir bercuti di luar negara selama dua bulan. Para penentang Anwar didalam parti, segelintir tokoh korporat yang merasakan bahawa kedudukan dan pengaruh Anwar akan mengancam kepentingan mereka dan beberapa individu dalam institusi awam tertentu melihat perlantikan tersebut sebagai pertanda bahaya. Mereka memutuskan secara yang lebih nekad untuk menyekat kemaraan Anwar ke puncak kuasa dengan apa cara sekalipun.

Pada bulan Jun 1997, mereka telah mengedarkan dokumen yang bertandatangan yang mendakwa Anwar mempunyai hubungan sulit dengan isteri Setiausaha Sulitnya, juga hubungan luar tabii dengan bekas pemandu kereta isterinya. Orang yang rapat dengan Perdana Menteri telah menyampaikan dokumen tersebut dan membawa individu terbabit dalam tuduhan homoseks itu menemui Perdana Menteri sebaik-baik sahaja beliau pulang dari luar negara. Menurut media tempatan, Perdana Menteri telah mengarahkan pihak polis menyiasat tuduhan itu dan pada awal bulan Ogos 1977, beliau telah mengumumkan bahawa penyiasatan itu mendapati tuduhan itu tidak berasas. Selepas itu, ketika memberikan reaksi kepada satu soalan di Parlimen, seorang penyokong kerajaan mengulangi bahawa tuduhan tersebut adalah tidak berasas dan dua individu yang telah melemparkan tuduhan kepada Anwar melalui surat bersumpah telah menarik balik tuduhan awal mereka dan menyatakan kekesalan yang amat sangat.

Perkembangan seterusnya

Tuduhan salahlaku seks sepatutnya terhenti di situ sahaja – kecuali beberapa siri perkembangan sejak bulan Ogos 1997 yang menyebabkan

tuduhan tersebut timbul semula dan yang memberikan kesan buruk terhadap hubungan Mahathir - Anwar. Perkembangan inilah yang dapat memberikan kunci untuk memahami krisis yang berlaku seterusnya.

Ketika nilai ringgit dan pasaran saham jatuh, perniagaan lumpuh dan ramai yang hilang pekerjaan, akibat krisis kewangan yang melanda Asia Timur, rakyat umum menjadi semakin kritis terhadap kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Walaupun krisis itu lebih berpunca daripada faktor luar - kecairan ekuiti modal tiba-tiba sahaja berlaku di pasaran Asia Timur - persepsi popular ialah Dr. Mahathir telah tidak menguruskan ekonomi dengan baik. Serangan yang kerap dilakukannya dan kadang-kadangnya wajar terhadap spekulator mata wang sebagai penyangak di sebalik kecairan modal telah diputarbelit oleh media asing sebagai tuduhan mengarut daripada seorang pemimpin yang tidak mahu mengakui tentang kelemahan ekonomi negaranya.

Sebaliknya, media asing telah menggambarkan Anwar yang juga Menteri Kewangan sebagai seorang yang waras dan arif mengenai pasaran kewangan global. Pujian mereka terhadap Anwar memberikan gambaran bahawa Anwarlah 'orang mereka'. Setengah-setengah media asing malah mencadangkan bahawa Anwarlah yang sepatutnya memerintah negara ini, bukannya Mahathir. Selepas itu, pada bulan Jun 1998, beberapa akhbar serantau dan antarabangsa, termasuk majalah asing telah meminta secara terbuka supaya Mahathir meletak jawatan. Pendirian media asing tersebut menyebabkan hubungan Mahathir-Anwar menjadi retak.

Pendekatan

Media asing telah menonjolkan perbezaan pendekatan antara Mahathir dan Anwar dalam usaha mereka menangani krisis ekonomi. Mahathir memilih dasar mengembangkan kredit bertujuan untuk merangsang ekonomi dan menghalangnya daripada menghadapi kemelesetan. Sebaliknya Anwar mengambil pendekatan yang lebih konvensional dan bercadang untuk memotong belanjawan dan mengenakan tekanan ke atas kredit. Cadangan Mahathir untuk merendahkan kadar faedah adalah penting yang membolehkan ahli-ahli perniagaan mendapatkan modal untuk meneruskan usaha mereka; manakala pendekatan Anwar yang cuba mengekalkan kadar faedah yang tinggi merupakan satu cara untuk mengesan pengaliran keluar modal.

Perbezaan pendekatan ini yang menimbulkan beberapa masalah di pasaran bagaimanapun bukanlah punca yang memisahkan Perdana Menteri dengan Timbalannya yang juga Menteri Kewangan itu. Apa yang memburukkan hubungan mereka ialah keengganan Anwar untuk meluluskan pinjaman untuk menyelamatkan operasi beberapa korporat besar tempatan yang kerugian akibat krisis kewangan. Salah satu daripada korporat yang menanggung beban hutang yang banyak ialah Konsortium Perkapalan - sebuah firma perkapalan yang ada hubungan dengan Mirzan Mahathir, anak Perdana Menteri. Ada beberapa pembayaran lain yang dibuat, yang dikaitkan dengan tokoh-tokoh korporat yang mempunyai hubungan rapat dengan Perdana Menteri di mana Anwar tidak menyukainya.

Demonstrasi

Ketika hubungan Mahathir dan Anwar menjadi bertambah renggang, muncul satu lagi faktor yang tambah mengeruhkan hubungan itu. Ia adalah suasana ledakan yang berlaku di Indonesia yang memuncak pada bulan Mei 1998. Suharto menjadi sasaran utama para penunjuk perasaan di jalan-jalan yang membantah penguasaannya yang lama - 32 tahun memegang tampuk kuasa - di mana dalam tempoh itu kekayaan yang melimpah telah dikumpul oleh kaum keluarganya. Akhirnya kemarahan yang ditujukan kepadanya kerana amalan 'nepotisme, kronisme dan kolusi (bersubahat melakukan kejahatan)' memaksa Suharto meletakkan jawatan. Parti-parti pembangkang, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kumpulan-kumpulan belia dan pelajar di Malaysia, yang melihat secara kritis penglibatan yang semakin ketara anak-anak Mahathir dalam perniagaan besar dan yang mungkin tidak berpuas hati dengan penguasaan Mahathir yang begitu lama (selama 17 tahun setakat bulan Julai 1998) mula merasakan kesamaan di antara Suharto dengan Mahathir. Setengah-setengahnya merasakan sudah tiba masanya Mahathir berundur. Ini menjelaskan mengapa Mahathir menjadi begitu gelabah melihat perkembangan yang berlaku di Indonesia.

Perlu ditekankan terdapat perbezaan kepimpinan yang ketara di antara Suharto dengan Mahathir dan di antara Indonesia dengan Malaysia, di mana sebahagian kritikan terhadap Mahathir tidak boleh diterima. Tidak seperti Suharto, Mahathir merupakan pempimpin popular yang mendapat mandat daripada proses demokrasi berpelembagaan melalui pilihanraya. Tidak seperti keluarga Suharto, anak-anak Mahathir tidak memonopoli

kesemua sektor ekonomi. Sama ada wujud amalan rasuah, kemiskinan atau autoritarianisme (mengutamakan kesetiaan kepada pihak yang berkuasa) di Malaysia hari ini, semuanya adalah tidak serupa dengan situasi di Indonesia di bawah pemerintahan Suharto.

Bagaimanapun perbezaannya, persoalan rasuah, kronisme dan nepotisme telah dibangkitkan oleh setengah-setengah pemimpin Pemuda UMNO yang mempunyai hubungan rapat dengan Anwar dalam perhimpunan parti itu pada bulan Jun 1998. Dr. Mahathir melihat ia sebagai satu serangan nekad terhadap kepimpinannya. Walaupun beliau dapat mematahkan serangan itu dengan mendedahkan bahawa ramai pihak, termasuk kaum keluarga dan rakan-rakan Anwar juga mendapat bahagian daripada pembahagian saham dan program penswastaan kerajaan, tetapi isu 'rasuah, kronisme dan nepotisme' yang dibangkitkan di dalam perhimpunan agung UMNO itu telah memburukkan lagi hubungan yang sudah renggang di antara Mahathir dengan bakal penggantinya itu.

Dalang

Mahathir kini yakin bahawa kritikan daripada Pemuda UMNO, yang cuba menyamakannya dengan Suharto; sikap dingin Anwar terhadap pembayaran hutang individu tertentu; perbezaan pendekatan dalam usaha mengatasi krisis ekonomi di antara dirinya dengan Anwar; pendirian media asing yang tidak memihak kepadanya, berbanding dengan Anwar dan penghakisan sokongan umum terhadap kepimpinannya, merupakan petunjuk yang jelas terdapatnya komplot yang dirancang secara tersusun untuk memaksa beliau meletakkan jawatan. Dalang di sebalik pakatan ini, menurut anggapan Mahathir ialah Anwar Ibrahim. Justeru itu beliau memutuskan untuk menyingkirkan orang yang dilindunginya itu.

Adalah jelas sekitar tempoh ini, iaitu pada bulan Jun 1998, tuduhan salahlaku seks yang dinafikan oleh Mahathir pada bulan Ogos 1997, muncul semula melalui sebuah buku bertajuk "50 dalil mengapa Anwar tidak boleh menjadi Perdana Menteri" yang memuatkan semua tuduhan dan fitnah terhadap Timbalan Perdana Menteri. Buku itu antara lain, menuduh Anwar bukan sahaja kaki perempuan dan sodomi tetapi juga seorang pembunuh, seorang yang rasuah dan menyalahgunakan kuasa, dan dalam waktu yang sama menjadi ejen CIA dan pengkhianat kepada negara. Di persidangan agung UMNO, buku tersebut telah diedarkan secara percuma kepada perwakilan parti. Walaupun mahkamah mengeluarkan

injunksi melarang buku itu daripada diedarkan, tetapi buku "50 dalil" masih boleh didapati dengan mudah dan dalam berbagai bentuk. Ini berlaku sekalipun hakim Mahkamah Tinggi memberikan injunksi dan mensifatkan buku itu sebagai 'sebuah surat layang yang panjang'.

Tidak syak lagi, buku ini dirancang untuk memfitnah dan mencemarkan peribadi Anwar dan diterbitkan bertepatan dengan masa ketika Mahathir hilang keyakinan terhadap Timbalannya itu. Adalah jelas buku ini ditulis atas arahan musuh-musuh Anwar (di mana ada di antara mereka bertanggungjawab mengedarkan dokumen awal) dalam usaha untuk memusnahkannya. Mahathir yang marah dan gusar terhadap apa yang disifatkannya sebagai pengkhianatan dan ketidaksetiaan penggantinya, jelas tidak mempedulikan penerbitan dan pengedaran buku fitnah itu. Beliau tahu buku itu dapat membantunya untuk mencari keburukan dan memalukan seseorang yang berani menentangnya. Justeru itu, musuh-musuh Anwar akhirnya berjaya mencapai sasaran mereka sesuai dengan kehendak Mahathir.

Kesetiaan

Kesetiaan yang dikehendaki oleh Mahathir bukanlah sesuatu yang luar biasa dalam politik. Dalam kebanyakan sistem politik, sama ada yang purba atau moden, seorang timbalan atau orang nombor dua adalah diharapkan supaya setia kepada ketuanya. Di dalam UMNO - berdasarkan sejarah feudal dan budayanya - kesetiaan yang tidak berbelah-bahagi kepada pemimpin tertinggi merupakan ciri keanggotan yang paling diutamakan. Mahathir bertindak kerana beliau begitu pasti bahawa Anwar akan benar-benar menderhaka terhadapnya dan mempergunakan segala usaha untuk menjatuhkannya. Tindakan memusnahkan Anwar dengan cara yang penuh kebencian dan kekejian itu mungkin boleh dijelaskan, kerana Anwar ialah orang yang dilindungi oleh Mahathir.

Penjelasan mungkin boleh diberikan mengenai layanan buruk dan kejam yang diberikan kepada Anwar. Mahathir secara peribadinya mungkin percaya Anwar ialah seorang sodomi atau homoseks. Ini dapat dikesan melalui reaksi spontan Mahathir dalam memberikan tafsiran mengenai 'seks di luar tabii' mengikut undang-undang dan moral.

Tetapi Anwar dan para penyokongnya mungkin boleh berhujah bahawa amalan sadomi hanyalah satu alasan murah. Punca sebenar mengapa Mahathir telah mengambil segenap usaha untuk memusnahkan dan memburuk-burukkan Anwar ialah kerana beliau bimbang tiada siapa yang akan melindungi kepentingan perniagaan keluarganya apabila beliau sudah tidak lagi berkuasa. Dengan mempersoalkan, pembayaran hutang yang melibatkan anak Mahathir, Anwar memberitahu bosnya bahawa beliau tidak bersedia untuk menyelamatkan keluarga Mahathir kelak. Bagi pemimpin yang sudah berumur, Mahathir sudah melihat apa yang telah berlaku di Korea Selatan dan terkini di Indonesia dan sikap Anwar merupakan antitesis baginya dalam usaha mendapatkan perlindungan yang diperlukannya dalam era selepas ketiadaannya nanti.

Kesimpulan

Analisis kita menunjukkan bahawa penyingkiran Anwar daripada kerajaan dan parti ialah berpunca daripada perebutan kuasa. Mahathir telah dapat menghidu cubaan untuk menjatuhkannya. Oleh itu beliau pun menyahut cabaran itu dengan segenap tenaga dan tanpa teragak-agak lagi.

Terjemahan bebas dari Internet oleh Baharin Ramly.

(Petikan rencana dalam internet tulisan Presiden, Just World Trust (JRUST), Dr. Chandra Muzaffar).

KELUARGA BAHAGIA....Barisan depan dari kiri Ineza (cucu), Dr. Mahathir, Engku Anisha Edlene (cucu), Maizura (anak) Mazhar (anak), Engku Zehan Edreena (cucu) dan Dr. Siti Hasmah.

Barisan belakang dari kiri Mirzan (anak), Jane (menantu), Marina (anak), Mokhzani (anak), Mukhriz (anak), Melinda (anak) dan Eddie Adlil (menantu). (Gambar diambil dari buku Potret Mahathir)

Zahid Hamidi "anak didikan" Anwar baru-baru ini ditahan di bawah ISA kerana turut didakwa mendalangi gerakan reformasi. Beliau kemudiannya dibebaskan. Gambar kemesraan Zahid dan Anwar ini dirakam semasa perhimpunan pemuda dan wanita UMNO tahun lalu. Di kiri sekali Hishamuddin yang kini memangku jawatan Pemuda dan di sebelah Anwar, Ketua Wanita, Siti Zaharah dan Napsiah Omar.

BAB 6

AZIZAH TIDAK DAPAT TIDUR

Sejak Anwar Ibrahim ditahan September lepas, isterinya Dr.Wan Azizah Wan Ismail, 46, telah mengambil alih perjuangan gerakan REFORMASI yang boleh diibaratkan sebagai seekor burung yang baru belajar mengibarkan sayapnya. Wan Azizah seorang pakar mata bersara pada tahun 1993, setelah Anwar menjawat jawatan timbalan perdana menteri. Walaupun beliau amat aktif dalam kerja-kerja sukarela, beliau tidak suka irinya menjadi perhatian ramai. Tetapi sekarang ini beliau mendapati dirinya berucap di khalayak ramai (sehingga beliau diarah supaya tidak berbuat demikian oleh polis), memberi sidang akhbar kepada wartawan dan juga diwawancara oleh para wartawan. Pada mulanya, Wan Azizah terpaksa membaca dari nota-nota yang ditulisnya dan di kiri-kanannya sentiasa ada peguam-peguam dan para penasihat untuk menemaninya.

Tetapi setelah dua bulan berlalu, semuanya telah berubah. Semasa beliau diwawancara oleh koresponden Newsweek selama lebih sejam, beliau tidak ditemani sesiapa lagi dan bercakap penuh keyakinan, tanpa harus menatap apa-apa nota. Seorang yang kaya dengan budi-bahasa , Wan Azizah telah membincangkan peranannya dalam gerakan REFORMASI, natijah perbicaraan Anwar yang sedang berlangsung dan juga bagaimana keluarganya menghadapi semua ini. Berikut adalah petikan daripada temuramah tersebut:

Tentang keupayaannya menerajui gerakan REFORMASI.

"Setiap rakyat harus merasakan ini adalah merupakan gerakan untuk semua, tanggungjawab untuk semua. Semua mahukan saya menjadi ketua, tetapi merekalah yang sebenarnya mejadi ketua kerana langkah saya dikawal. Mereka memberitahu saya supaya tidak membahayakan diri saya. Mereka begitu mengambil berat. Ia sebenarnya amat menyentuh hati saya, terasa begitu dikasihi."

Tentang sistem keadilan negara.

"Seluruh dunia akan dapat melihat. Kenapa mereka masih lagi mencari bukti? Kenapa laporan Anwar dicederakan oleh pihak polis,

laporan doktor, tidak diumumkan lagi? Kenapa polis menuduh para penyokong? Pihak media berada di situ. Siapa yang sebenarnya menyerang siapa? Penangkapan yang dibuat secara rambang. Kenapa pihak media membisu? Kita mahu cerita dari kedua-dua pihak."

Tentang kesihatan Anwar.

"Dia dalam keadaan baik walaupun susut 8 kilo lebih (18 pounds)-tetapi semangatnya masih kental. Lebam di matanya sudah hilang, tetapi kita masih lagi menunggu laporan doktor. Dia mendapat semua laporan walaupun di dalam penjara. Dia dapat semua berita. Bila mana anda mendapat semua berita itu, akan kelihatan dengan jelas mengapa anda mendapat berita-berita itu, kerana media-media itu adalah agen kerajaan. Dia tidak dapat laluan ke internet tapi dia dapat membaca majalah-majalah. Banduan-banduan yang lain terus memberi sokongan. Mereka melaung-laungkan "REFORMASI". Dia memberitahu mereka supaya jangan berbuat demikian kerana dia mungkin tidak dibenarkan lagi bersenam di dalam kawasan. Layanan yang diberikan kepadanya adalah sama dengan layanan yang diberikan kepada mana-mana tahanan reman."

Tentang doktor yang membuat laporan mengenai kecederaan semasa ditahan polis.

"Saya mendapat tahu doktor ini diletak di bawah awasan pihak polis begitu juga dengan keluarganya yang sentiasa diekori pihak polis. Saya tidak tahu apa yang telah berlaku. Saya tidak akan menghubunginya kerana ini dikatakan satu kesalahan dan saya juga tidak mahu pihak berkuasa menghubunginya kerana ia juga adalah salah di sisi undang-undang."

Tentang pandangan Anwar mengenai gerakan REFORMASInya.

"Dia berkata supaya diteruskan dan dia amat bersemangat kerana sokongan yang diterimanya walaupun dia berada di penjara. Anda tidak boleh menuduhnya memulakan apa-apa huru-hara. Dia berkata kita semua berjuang demi satu keadilan, sesuatu yang sudah lama diperjuangkannya. Sekarang mereka dapat melihat 'Keadilan' akan tercapai, di hadapan mata mereka sendiri."

Tentang peranan Nurul Izzah dalam gerakan REFORMASI.

"Seperti yang anda dapat lihat, Izzah adalah seorang yang kuat semangatnya. Dia telah membuktikan kecekalannya. Dia sama-sama menggalas semangat dan kekuatan gerakan ini--untuk saya, untuk dia dan juga nama baik keluarga ini. Sebab sekarang ini, nama baik keluarga saya sedang dipertaruhkan. Izzah adalah kekuatan saya. Dia telah banyak membantu saya. Dialah teman saya, tempat saya meluahkan perasaan saya. Dia akan terus memainkan peranannya, tetapi saya mahu dia memikirkan masa depannya kerana apapun yang akan berlaku, seseorang , memerlukan pelajaran lengkap dengan nilai dan prinsip. Seseorang itu perlu berpelajaran."

Tentang sokongan negara luar.

"John Mallot, duta Amerika Syarikat, semasa lawatan persendiriannya beliau telah memberi sokongan moral. Dia ke sini bukan sebagai seorang duta. Abad Hussain, Pegawai PBB, telah memberikan kata-kata sokongan yang memberangsangkan. Saya sungguh terharu. Dia berkata bila dia ke sini, dia mengagak yang saya akan menyimpan perasaan marah dan benci tetapi apa yang dia lihat adalah perasaan sayang dan satu pengharapan. Dia berkata tidak guna berdendam. Puan Patten, isteri bekas gabenor Hong Kong, datang juga melawat, tetapi itu adalah lawatan persendirian. Dia telah memberikan sokongan moral dan bertanya apa yang dia dan Chris Patten boleh buat untuk menolong."

Tentang bagaimana simpati terhadap Anwar boleh menjejaskan sidang kemuncak APEC. "Perdana Menteri telahpun bercakap tentang imej sebelum ini. Tetapi apa yang terjadi bukan bermula dari kami. Apa yang terjadi adalah reaksi terhadap apa yang terjadi sebelum ini."

Tentang ahli keluarganya.

"Anak lelaki saya Mohamed Ihsan yang berusia 13 tahun, dahulunya diketawakan oleh rakan-rakannya di sekolah. Sekarang ini mereka datang kepadanya dan berkata kepadanya "REFORMASI". (Wan Azizah berbisik). Ini adalah kerana salah di sisi undang-undang sekolah untuk memperkatakan 'perkataan' itu secara terbuka. Tetapi mereka bukannya berbisik. Mereka menjerit di telinganya. Kami semua adalah

pejuang. Kami mesti berjuang. Saya mengambil beberapa jenis vitamin supaya saya dapat bertahan. Saya kadang-kadang tidak dapat melelapkan mata saya, kerana saya harus berfikir apa yang bakal terjadi esoknya."

Azizah Terima Surat Tony Blair

KUALA LUMPUR, Nov 28 (AFP) - Isteri bekas TPM Anwar Ibrahim hari ini menyatakan bahawa beliau menerima sepucuk surat dari Perdana Menteri British Tony Blair yang menyuarakan keperihatinannya ke atas nasib keluarga beliau.

"Anda sedang dalam fikiran kami," Wan Azizah Wan Ismail, bercakap di dalam satu sidang akhbar di rumahnya, memetik kata-kata di dalam surat berkenaan.. Dia menolak untuk meneruskan pembacaan atau mendedahkan secara lanjut tentang mesej surat itu, yang menurutnya dterima pada hari Khamis lalu.

Pendedahan surat berkenaan muncul kurang dua minggu selepas Naib Presiden Amerika Al Gore menimbulkan kemarahan Perdana Menteri Malaysia Mahathir Mohamad semasa persidangan APEC di sini dengan memuji rakyat Malaysia yang berjuang untuk reformasi sebagai "pemberani". Anwar yang dipecat pada awal September dan ditahan selepas satu perhimpunan raksaksa menentang Mahathir yang telah memerintah selama 17 tahun. Sebelum mereka bertelagah di dalam polisi ekonomi, Anwar dilihat sebagai pengganti beliau.

Isteri Anwar sekali lagi mengecam tindakan ganas polis ke atas perhimpunan aman penyokong-penyokong Anwar. "Anda tidak boleh menuduh penyokong gerakan reformasi. Mereka tidak menimbulkan rusuhan di negara ini," Azizah memberitahu wartawan.

"Kami tidak berhasrat untuk menimbulkan kekacauan. Kami mahu kebebasan bersuara. Kami tidak mahu negara polis," katanya. "Situasi akan bertambah kacau apabila tindakan berlebihan dikenakan ke atas mereka yang berhimpun." Malaysia dilanda tunjuk perasaan yang kerap ekoran penangkapan Anwar, meskipun perhimpunan sudah agak kendur semenjak persidangan APEC pada pertengahan November lalu.

Azizah berkata para penunjuk perasaan tidak bersenjata, hanya

membawa baju hujan untuk melindungi diri mereka dari pancutan air kimia. "Jika para penyokong yang memulakan keganasan, tentulah polis yang menerima kecederaan akibatnya tetapi kesemua penunjuk perasaan tidak bersenjata, tak seperti polis yang lengkap dengan perisai dan belantan," bentaknya.

Ibu kepada enam orang anak ini memberitahu bahawa masih terdapat lima orang yang masih ditahan di bawah ISA, akta yang membolehkan penahanan tanpa perbicaraan. Anwar menghadapi 10 tuduhan rasuah dan seks, yang kesemuanya telah dinafikan. Perbicaraan ke atas empat tuduhan rasuahnya bermula pada 2 November dan beliau kini menghadapi 14 tahun penjara jika sabit kesalahan.

Ruslan bebas dari tahanan

Bekas Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan, Encik Ruslan Kassim, yang dibebaskan tanpa syarat daripada tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kelmarin, berkata semalam dia sihat dan bersyukur kerana dibebaskan, lebih-lebih lagi dapat bertemu anaknya yang baru dilahirkan.

"Saya bersyukur kerana dibebaskan...tarikh saya dibebaskan semalam pula merupakan hari Israk Mikraj.

"Saya juga amat bersyukur kerana dapat bertemu dan bermesra dengan cahaya mata ketujuh saya yang dilahirkan pada 29 Oktober lepas," katanya di Kuala Lumpur ketika dihubungi dari sini. Katanya, anaknya yang dilahirkan di Hospital Ampang Puteri, Ampang, itu diberi nama Ahmad Mujahid oleh isterinya, Faiizah Abdul Rahman, 38 tahun. Kedua-dua anak dan isterinya juga sihat. Secara berseloroh Encik Ruslan berkata, pada mulanya dia hendak menamakan anaknya itu "Isa" kerana penahanannya di bawah ISA, tetapi isterinya sudah terlebih dahulu memilih nama Ahmad Mujahid.

Encik Ruslan, 39 tahun, ditahan di bawah ISA sejak 20 September lepas kerana dipercayai terbabit dalam kegiatan yang boleh menjejas ketenteraman awam berkaitan beberapa perhimpunan haram di sekitar

Kuala Lumpur. Setelah dibebaskan, dia dihantar ke rumahnya di Selayang pada 4 petang semalam.

Polis yang turut mengesahkan perkara itu berkata Encik Ruslan dibebaskan dari Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul. Ketika ditanya mengenai rancangan masa depannya, Encik Ruslan berkata dia akan mengadakan sidang akhbar dalam masa tiga empat hari lagi, mungkin di Kuala Lumpur.

"Saya memerlukan sedikit masa lagi setelah berehat hampir dua bulan," katanya, merujuk kepada penahanan hampir dua bulan di bawah ISA.

Dr. Azizah dan dua orang anak perempuannya sentiasa hadir ke mahkamah untuk mendengar perbicaraan Anwar Ibrahim sejak kes itu bermula 2 November lalu.

Sebahagian dari penyokong setia Anwar Ibrahim terus melancarkan gerakan reformasi di ibu kota sambil memegang sepanduk yang bergambar wajah Anwar Ibrahim.

Wan Azizah berserta anak perempuannya Izzah, dikerumuni oleh wartawan dan jurugambar semasa mereka hadir di mahkamah untuk mendengar perbicaraan kes Anwar Ibrahim.

Sanak saudara Anwar Ibrahim turut tidak melepaskan peluang hadir untuk mendengar perbicaraan kes bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Zah, pandai-pandailah jaga diri, jangan takut menghadapi ujian Allah. Satu lagi pesan Abang, pelajaran anak-anak kita jangan diabaikan. Teruskanlah gerakan reformasi.

BAB 7

DATUK NALLA TERSERET KERANA BUKU 50 DALIL

Sebelum buku **"50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi Perdana Menteri"** diterbitkan dan diedarkan, nama Datuk Nallakaruppan a/l Solaimalai, 52, memang tidak pernah menjadi sebutan umum.

Memang tidak diketahui secara meluas mengenai peranan Datuk Nalla dalam kegiatan politik dan korporat sekalipun sebelum ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah beliau ialah pengarah hal-ehwal awam Magnum Corporation dan merupakan seorang ahli jawatankuasa MIC pusat. Pendeknya, jika nama beliau tidak dibabitkan dalam kes Anwar, beliau mungkin akan kekal sebagai seseorang biasa berkedudukan yang tidak begitu dikenali umum melainkan orang-orang tertentu.

Malangnya cara beliau dikenali bukanlah berdasarkan popularitinya sebagai seorang ahli korporat atau ahli politik yang berjaya, tetapi berasaskan tuduhan yang mengaibkan, yang bukan sahaja telah memusnahkan kerjayanya (jawatannya dalam Magnum Corporation telah dihentikan), malah boleh membawanya ke tali gantung jika sabit kesalahannya.

Dalam buku "50 Dalil", Datuk Nalla disebut sebagai orang pengantara Anwar (atau lebih kasar disebut barua) untuk mendapatkan perempuan lacur, mengatur pertemuan untuk kegiatan maksiat di Trivolli Villa dan disyaki menyimpan banyak maklumat sulit negara yang diketahuinya melalui Anwar, terutama semasa mengiringi rombongan Anwar ke luar negara. Beliau mungkin boleh diperalatkan oleh anasir luar, CIA misalnya, untuk menimbulkan suasana ketidakstabilan negara.

Kerana tuduhan yang terdapat di dalam buku yang pada mulanya dianggap sebagai mengandungi tohmahan dan fitnah itulah rumahnya Selekoh Tunku, Bukit Tunku, Kuala Lumpur telah digeledah oleh polis. Datuk Nalla kemudiannya ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atas beberapa tuduhan, termasuk dakwaan menyimpan peluru secara haram.

Menurut Datuk Nalla dalam afidavitnya yang kemudiannya

disebarkan melalui *Internet* pada 11 Mac 1998, pada 31 Julai 1998 kira-kira pukul 4.30 petang, sepasukan polis telah datang ke rumahnya membawa beberapa buah kamera, kamera-kamera video dan beg-beg dokumen.

Datuk Nalla, ahli keluarga (isteri dan anak-anaknya) serta pembantu rumahnya telah diarahkan supaya duduk di ruang rehat dan tidak dibenarkan meninggalkan tempat itu. Mereka juga diarahkan supaya tidak membuat atau menjawab panggilan telefon.

Pihak polis telah mengambil beberapa pita video, kaset-kaset, cakera-cakera laser, buku-buku catatan nombor telefon, buku-buku cek dan dokumen-dokumen lain. Penggeledahan itu berlangsung sehingga pukul 11.30 malam.

Barang yang turut diambil oleh polis ialah 125 butir peluru Fiocchi 6.35mm. Datuk Nalla dalam afidavitnya menjelaskan peluru-peluru itu ialah untuk digunakan dengan pistol Walther nombor siri 282843 di mana beliau mempunyai permit "bawa dan guna" yang dikeluarkan pada 10 Oktober 1985.

Bagaimanapun peluru-peluru inilah yang didakwa disimpan secara haram oleh Datuk Nalla dan kes mengenainya masih dibicarakan di mahkamah. Jika sabit kesalahan, Datuk Nalla boleh dijatuhkan hukuman mati mandatori.

Apa yang menarik dalam afidavit ini, Datuk Nalla turut menceritakan peristiwa yang dialaminya selepas ditahan dan disoal-siasat oleh polis.

Menurut Datuk Nalla, selepas selesai menggeledah rumahnya, polis telah mengarahkan beliau mengikut mereka ke pejabatnya. Pejabat Datuk Nalla digeledah. Kemudian Datuk Nalla dibawa pula ke sebuah apartmen di Ampang, yang menurut Datuk Nalla tidak pernah dikunjunginya.

Selepas diberi makanan pada pukul 1.30 pagi (Subuh 1 Ogos 1998), Datuk Nalla telah dibawa ke Bukit Aman untuk disoal-siasat. Beliau tidak dibenarkan membuat sebarang panggilan telefon.

Beliau disoal-siasat terus-menerus sehinggalah dibawa ke mahkamah pada pagi 1 Ogos 1998. Mahkamah mengeluarkan perintah reman selama

14 hari. Oleh kerana beliau tidak dibenarkan menghubungi peguamnya, beliau telah tidak diwakili apabila perintah reman itu dikeluarkan oleh mahkamah.

Kira-kira pukul 2.15 petang, beliau telah dibenarkan menemui isterinya. Tetapi tidak dibenarkan menemui peguam.

Sejak ditahan selama 12 hari, boleh dikatakan beliau disoal-siasat tanpa henti-henti oleh sepasukan pegawai polis. Soal-siasat bermula sejak awal pagi dan berterusan hingga lewat petang. Apabila beliau terlalu penat, beliau dihantar ke lokap. Beliau telah tidak dibenarkan berehat ataupun bersenam.

Setiap hari, soalan yang sama juga ditanya berulang-ulang. Para pegawai polis itu bertugas dalam kelompok empat atau lima orang. Mereka menjalankan soal-siasat secara berganti-ganti. Apabila satu pasukan berehat di bilik sebelah, pasukan lain pula mengambil tempat mereka.

Menurut Datuk Nalla, bentuk soal-siasat itu adalah luar biasa dan menghairankan. Ia cuma tertumpu kepada soal-soal keluarga dan sahabat-sahabatnya. Tiada soalan langsung berkenaan isu-isu keselamatan negara. Sedikit pun tidak digambarkan bahawa beliau boleh membawa ancaman kepada negara, ataupun terbabit dalam aktiviti yang boleh membahayakan kebajikan negara. Sepanjang 12 hari dalam tahanan itu, tiada satu soalan mahupun jawapan yang direkodkan.

Sehingga pukul 12.15 tengah hari 12 Ogos 1998, soalan berkaitan dengan 125 butir peluru yang didakwa ditemui di rumahnya langsung tidak disebut. Sebaliknya beliau diingatkan, disebabkan peluru itu beliau akan menjalani hukuman gantung di bawah ISA, isteri dan anak-anaknya akan terbiar tanpa tempat tinggal.

Bagaimanapun jika beliau bersetuju dengan kenyataan-kenyataan yang akan dikemukakan oleh polis, beliau akan dibebaskan.

Menurut Datuk Nalla lagi, oleh kerana tidak sanggup berbohong, beliau terus-menerus ditekan, diancam dan dilayan dengan buruk oleh pasukan polis yang menyoal-siasatnya.

Hanya kira-kira pukul 12.15 tengah hari, 12 Ogos 1998, barulah buat pertama kalinya satu kenyataan direkodkan dari beliau mengenai 125 butir peluru berkenaan. Sejurus selepas itu, Datuk Nalla telah dibawa ke mahkamah dan dituduh di bawah Seksyen 57(i) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960.

Selepas tuduhan dibuat, mahkamah telah memerintahkan supaya Datuk Nalla ditahan reman di Penjara Sungai Buluh. Beliau merasa lega sedikit, kerana keadaan di penjara itu jauh berbeza dengan keadaan di Bukit Aman. Di penjara ini, beliau telah bertemu dengan peguam-peguamnya buat pertama kali pada 13 Ogos 1998. Tetapi keadaan ini tidak kekal. Menurut Datuk Nalla, pada 17 Ogos 1998, kira-kira pukul 1.00 tengah hari beliau telah dibawa keluar dari Penjara Sungai Buluh untuk dibawa semula ke Bukit Aman.

Pemindahan itu dibuat untuk tujuan penyiasatan yang didakwa berkaitan dengan keselamatan negara. Bagaimanapun, tambah Datuk Nalla, pemindahannya ke Bukit Aman berikutan perintah yang dibuat di bawah Seksyen 31 Akta Penjara itu adalah tidak selaras, malah bertujuan jahat. Sepanjang beliau ditahan di Bukit Aman, tiada satu pun isu berkaitan dengan keselamatan negara dibangkitkan oleh pegawai-pegawai polis yang menyoal-siasatnya.

Satu pasukan pegawai polis lain, dalam kumpulan 3 atau 4 orang yang menyoal-siasatnya secara terus-menerus, nampaknya lebih bertujuan untuk memaksa beliau bersetuju dengan kenyataan-kenyataan yang telah mereka sediakan, tetapi tidak pernah ditunjukkan kepada beliau.

Sambil itu beliau diperingatkan berulangkali bahawa beliau tidak berpeluang langsung untuk terlepas dalam pembicaraan, beliau akan digantung dan mati di tali gantung sangat menyakitkan, manakala isteri beliau pula akan mencari lelaki lain dan anak-anak beliau tidak akan ada tempat tinggal, tidak berayah dan terbiar. Pegawai-pegawai polis yang menyoal-siasat itu kemudiannya menawarkan kebebasan kepada beliau, asalkan beliau sanggup memenuhi apa yang mereka mahu.

Soal-siasat itu berjalan tidak putus-putus pada 18, 20, 22, 23 dan 24 Ogos 1998, kecuali pada 19 Ogos di mana beliau dibawa ke mahkamah sehingga tengah hari, manakala pada 21 Ogos pula peguam-peguamnya telah menemui beliau di Bukit Aman.

Menurut Datuk Nalla lagi, semasa dalam proses soal-siasat itu yang bermula pada awal pagi hingga senja, beliau telah dilayan dengan kasar dan kejam. Beliau tidak dibenarkan berehat, ataupun berehat sewaktu makan atau makan dalam keadaan aman. Pada waktu malam pula lampu di bilik lokap beliau tidak dipadamkan, menyebabkan beliau hanya dapat tidur sekejap-sekejap sahaja.

Keadaan menjadi bertambah buruk apabila seorang pegawai polis yang memperkenalkan dirinya sebagai ACP Rama menyoal-siasat beliau. ACP Rama mempersoalkan mengapakah beliau sanggup menolong orang Melayu dan memakinya sebagai *bastard* atau anak haram. Soalan-soalan yang ditujukan dengan cara yang kasar adalah berkaitan dengan perkahwinan pertamanya yang hancur, mengenai mengapa Datuk Nalla jarang menghubungi adik-beradiknya dan mengenai kematian ibunya - yang merupakan soalan yang sangat menyinggung perasaannya.

Sepanjang menyoal-siasat itu, ACP Rama tidak putus-putus merokok, malah menghembuskan asap rokok itu ke muka Datuk Nalla, menyebabkan beliau menjadi tidak selesa. Melihat keadaan itu ACP Rama semakin kerap pula menghembuskan asap rokoknya ke muka Datuk Nalla.

Pernah suatu ketika Datuk Nalla digertak dengan kata-kata: "Anak haram! Isteri kamu ada di luar. Kamu tahu apa kami boleh buat pada isteri kamu, bukan?"

Pada 22 Ogos 1998, pagi-pagi lagi beliau diserahkan kepada Rama dan sekali lagi Rama meneruskan soal-siasatnya dengan kasar seperti yang dilakukan sebelumnya. Soalan-soalan yang diajukan masih tetap berligar dalam masalah kekeluargaan, sehingga timbul persoalan dalam benak Datuk Nalla tentang apa relevannya kes penceraian, ataupun fakta-fakta keluarga, atau tarikh kematian ibunya dengan soal keselamatan dan kebajikan negara.

Pada 23 Ogos dan pada pagi 24 Ogos 1998, pasukan pegawai-pegawai polis Melayu yang dahulunya menyoal-siasat Datuk Nalla, kembali mengambil tempat. Sekali lagi soalan-soalan yang mereka tujukan ialah mengenai hal-hal keluarga dan sahabat-sahabat Datuk Nalla. Tiada satu soalan pun yang berhubung dengan keselamatan negara dibangkitkan oleh mereka.

Berdasarkan cara beliau disoal-siasat, Datuk Nalla percaya ia mengandungi unsur-unsur yang jahat dan untuk memaksa beliau membuat pengakuan yang tidak benar. "Kalau ada pun kesalahan saya dalam kes yang melibatkan Datuk Seri Anwar ialah saya pernah bermain tenis bersama dengannya," kata Datuk Nalla dalam afidavit awal yang disampaikan kepada peguamnya dan turut disiarkan dalam *Internet*.

Masih belum diketahui bagaimanakah nasib Datuk Nalla dalam perbicaraan yang masih berterusan di mahkamah. Apa pun dalam afidavitnya, jelas beliau seorang yang mempunyai pendirian yang tegas, sanggup menghadapi penyeksaan, kerana seperti yang dikatakannya, beliau berpegang kepada kebenaran dan percaya kepada Tuhan walaupun apa pun yang terjadi ke atas dirinya.

Isteri Nallakarupan, M. Vijaya Kumari turut sama hadir di mahkamah Tinggi baru-baru ini untuk mendengar kes perbicaraan suaminya.

Kes Nalla disambung Januari tahun depan

KUALA LUMPUR, Khamis – Perbicaraan kes Datuk Nallakaruppan a/l Solaimalai hari ini ditangguhkan kerana pembela ingin mengemukakan satu permohonan rasmi kepada Peguam Negara.

Peguam bela Jagjit Singh yang baru dilantik oleh Nallakaruppan bagi membantu Manjeet Singh Dhillon dan Balwant Singh Sidhu, bagaimanapun tidak memberi penjelasan berhubung permohonan rasmi itu.

Sehubungan itu, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka menetapkan 25 Januari tahun depan sebagai tarikh baru untuk mendengar keterangan saksi pembela.

Mahkamah Tinggi hari ini sepatutnya membuat keputusan berhubung permohonan Manjeet untuk menjadi saksi pembela keenam dalam kes pembelaan.

Selain itu, Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail yang mengetuai pendakwa dalam kes rasuah Datuk Seri Anwar Ibrahim yang disapina semalam, dijangka dipanggil untuk menjadi saksi pembela.

Balwant memberitahu mahkamah bahawa pihaknya masih belum memerlukan Abdul Gani sebagai saksi buat masa ini.

"Saya tidak memerlukan Datuk Gani pada pagi ini... jika perlu beliau hadir di mahkamah pada masa akan datang, saya akan memohon sapina yang baru," katanya.

Sebelum itu, Jagjit memberitahu mahkamah bahawa beliau memerlukan masa untuk meneliti segala dokumen berhubung keterangan dan bukti kes berkenaan.

"Saya minta maaf kerana mengganggu perbicaraan, tetapi saya tidak tahu apa yang berlaku dalam kes ini. Saya memerlukan masa untuk membaca keterangan saksi dan dokumen serta mendapatkan arahan lanjut daripada tertuduh," katanya.

Sementara itu, Balwant memohon supaya keputusan terhadap permohonannya untuk memanggil Manjeet sebagai saksi turut ditangguhkan berikutan perkembangan terbaru itu.

Katanya, pihaknya memerlukan masa untuk membincangkan perkembangan terbaru berkenaan.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Zulkifli Bakar memberitahu mahkamah pendakwa tidak membantah terhadap permohonan untuk penangguhan itu.

Bagaimanapun, katanya, beliau dimaklumkan pada petang semalam bahawa satu sapina dikeluarkan kepada Abdul Gani supaya hadir hari ini sebagai saksi pembela.

Menurutnya, pendakwa perlu mengetahui kedudukan Abdul Gani yang kini mempunyai tugas rasmi dalam kes Anwar.

Balwant memberitahu mahkamah setakat hari ini pembela tidak memerlukan Abdul Gani sebagai saksi dan akan memohon sapina baru jika diperlukan.

Nallakaruppan, 52, dituduh mempunyai dalam miliknya 125 butir peluru Fiocchi 6.35mm tanpa kebenaran sah mengikut Seksyen 57 (1)(b) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (semakan 1972) yang membawa hukuman mati mandatori.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 8 malam 31 Julai lalu di rumahnya di nombor 1-1, Selekoh Tunku, Bukit Tunku di sini, dan ditahan pada hari yang sama.

Pendakwaan diketuai Zulkifli yang dibantu Timbalan Pendakwa Raya K Muniandy dan Julia Ibrahim.

Keratan akhbar dari Berita Harian

Manjeet Singh Dillon (kanan) peguambela Nallakarupan yang turut dipanggil menjadi saksi kes Anwar.

Kondominium mewah Tivoli Villas di Bangsar, Kuala Lumpur yang dikatakan milik Datuk Nalla Karupan yang didakwa digunakan oleh Anwar Ibrahim untuk kegiatan peribadinya semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri. Sejauh mana dakwaan itu benar, hanya mahkamah akan menentukannya.

Khalid Jafri, penulis buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM

Peguam bela Anwar Ibrahim, Zainur Zakaria meninggalkan mahkamah dengan diiringi oleh isterinya selepas Mahkamah Rayuan membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman penjara tiga bulan ke atasnya kerana menghina mahkamah.

30 November 1998- Zainur dipenjara tiga bulan

Peguam Anwar Ibrahim, Zainur Zakaria, salah seorang daripada sembilan peguam belanya dihukum penjara tiga bulan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur kerana didapati bersalah menghina mahkamah.

Hakim Datuk S. Augustine Paul bertindak demikian terhadap Zainur apabila peguam tersebut enggan memohon maaf kepada peguam negara Tan Sri Mohtar Abdullah, Timbalan-timbalan kanan pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail dan Azahar Mohammad atas usul yang dikemukakan bagi pihak Anwar untuk menggugurkan Gani dan Azahar daripada terus memikul tugas pendakwaan bagi kes itu.

Sehubungan itu, Hakim Augustine juga mengeluarkan waran tangkap terhadap peguam Manjeet Singh Dhillon yang mewakili Datuk S. Nallakaruppan supaya hadir di hadapan beliau secepat mungkin.

Pada Sabtu lalu, Anwar melalui Zainur yang bertindak sebagai peguam caranya memfailkan notis usul m minta Gani dan Azahar digugurkan atas alasan 'berniat jahat' dalam pendakwaan mereka.

Anwar mendakwa mereka menyalahguna kuasa dengan membayangkan akan menimbangkan untuk mendakwa Nallakaruppan atau 'Nalla' atas tuduhan yang lebih ringan hukumannya jika dia 'mengada-adakan' cerita penglibatan Anwar dalam jenayah seks dengan pelbagai wanita.

Nalla, rakan tenis Anwar kini menghadapi tuduhan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 kerana memiliki 125 peluru secara tidak sah.

Affidavit Anwar yang menyokong permohonan itu melampirkan kenyataan bersumpah dan surat Manjeet selaku peguam bela Nalla, yang mendakwa Gani dan Azahar cuba merundingkan satu tawar-menawar pengakuan.

1 Disember 1998 – RM 4 juta lesap dari rumah Anwar

Mahkamah Tinggi diberitahu oleh Bekas Timbalan Pengarah Cawangan Khas II, Datuk Amir Junus memberitahu mahkamah Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta polis mengawasi talian telefonnya kerana beliau pernah kehilangan RM4 juta di rumahnya pada 1996.

Amir, saksi yang ke-11 pendakwa yang menyambung keterangannya hari ini di Mahkamah Tinggi berkata, Anwar sendiri memberitahu Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norain Mai, berhubung kehilangan wang berkenaan.
Beliau yang menjawab soalan balas Christopher Fernando, seorang daripada sembilan peguam bela Anwar, kenapa talian telefon Anwar diintip, berkata Norain kemudian mengarah beliau bersama beberapa pegawai daripada Cawangan Khas pergi ke rumah Anwar.

"Saya ingin memberi penjelasan sedikit kenapa talian telefon diintip sejak 1996. Di antara Jun atau Julai 1996, tertuduh sudah menghubungi pengarah cawangan khas ketika itu, Datuk Norain Mai, mengatakan beliau (Anwar) kehilangan wang di rumahnya. "

"Datuk Norain sudahpun mengarahkan saya bersama dengan beberapa pegawai pergi ke rumah tertuduh dan berbincang dengan tertuduh mengenai kehilangan wang, kalau tak silap RM4 juta, "katanya.

Orang ramai kedengaran ketawa mendengar jawapan itu, begitu juga Anwar menoleh ke belakang dan tersenyum ke arah keluarganya yang duduk di tempat awam mahkamah itu.

Ummi jawab soalan peguam dalam suasana tegang

'Saya tidak cintai Anwar'

Kuala Lumpur 22 Dis. – Ummi Hafilda Ali memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa beliau tidak pernah mencintai atau tergila-gilakan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ummi memberi jawapan itu dalam suasana yang agak tegang apabila disoal balas bertubi-tubi oleh peguam bela Anwar, Christopher Fernando yang menimbulkan isu itu dalam pemeriksaan balasnya pada perbicaraan Anwar yang masuk hari ke-31 hari ini.

Fernando menyatakan kepada Hakim Datuk S. Augustine Paul bahawa soalan itu dikemukakan atas arahan anak guamannya, Anwar yang sedang menghadapi empat tuduhan rasuah menafikan perbuatan salah laku seks dan meliwat.

Para hadirin di galeri awam yang penuh sesak tergelak melihat gelagat peguam bela itu dan juga gaya Ummi menjawab setiap soalan dengan nada tegas dan hampir berlaku pertikaman lidah di antara saksi itu dengan peguam bela itu dan juga gaya Ummi menjawab setiap soalan dengan nada tegas dan hampir berlaku pertikaman lidah di antara saksi itu dengan peguam bela.

Ummi, 31, saksi pendakwa yang ke-17 sebagai saksi paling penting yang menulis surat dakwaan perihal salah laku Anwar dan dokumen setebal 19 muka itu kini dijadikan bahan bukti kes pihak pendakwa.

Fernando yang mengendalikan tugas menyoal balas saksi itu pada sesi pagi perbicaraan yang bersidang pukul 9 pagi ini antara lain memulakan soalannya: "Saya ingin mengalihkan tajuk lain, adakah kamu bercinta dengan Anwar?"

Para hadirin kedengaran ketawa berdekah-dekah.

Ummi : *"Tidak pernah, saya tidak pernah jatuh cinta atau pun bercinta dengan tertuduh."*

Fernando : *"Adakah kamu menulis surat cinta?"*

Ummi : *"Saya rasa saya boleh menyaman peguam."*

Hakim Augustine: *"Tak usah tinggikan suara, ini bulan Ramadan." Beliau mengingatkan saksi itu apabila Ummi memberi jawapannya dengan nada marah.*

Ummi : *"Saya tidak bersetuju bahawa saya pernah menulis surat-surat cinta kepada tertuduh."*
"Ya, Datuk Megat Junid ada menyatakan bahawa tertuduh telah membuat satu tuduhan bahawa saya telah menghantar surat-surat cinta kepadanya."-- Petikan dari Utusan Malaysia.

BAB 8

MAHATHIR *The* MACHIAVELLI

Harap maaf jika Che Det tersentak apabila saya menulis namanya, Mahathir the Machiavelli. Janganlah marah Che Det. Nanti lekas tua. Lagipun Che Det memang dah tua pun. Tapi bagi kebanyakan ahli MT, lagi tua lagi bagus. Kelapa tua lebih banyak santan dari kelapa muda. Tak begitu Che Det?

Kalau Che Det nak marah juga, marahlah. Kalau nak tahan saya bawah akta ISA, Ikut Suka Awaklah (ISA). Ikut suka awaklah nak tangkap orang yang awak tak suka. Nak penjarakan saya, silakan. Saya tak ada perniagaan besar nak diselamatkan. Tak ada harta berjuta nak diurus. Kalau masukkan saya dalam penjara pun, saya tidak kehilangan apa-apa. Orang yang tidak mempunyai apa-apa tidak kehilangan apa-apa.

Maaf sekali lagi. Penulisan ini bukan untuk menilai jumlah kuman di seberang lautan dan melupakan gajah di hadapan mata. Bukan. Penulisan ini adalah cetusan rasa dan pemberontakan jiwa golongan marhain yang hina, terpinggir dan melarat (seperti kata M.Nasir dalam lagu ciptaannya, Nur Nilam Sari). Setiap orang ada sesuatu yang hendak diluahkan, cuma caranya mungkin berbeza. Seorang artis meluahkan perasaan melalui nyanyian (walaupun lagu yang dinyanyikan bukan ciptaannya), seorang pelukis meluahkan perasaan diatas kertas atau kanvas (atau mungkin juga pada dinding tandas), seorang penyair meluah perasaan dengan menjerit diatas gunung atau ditepi pantai (dan sudah tentu orang menganggapnya gila).

Sejak Sdr. Anwar ditangkap (saya lebih suka guna Sdr. Anwar selepas beliau dipecat sebagai TPM), nampaknya makin ramai orang yang menyebut nama Che Det. Cuma mereka tak tahu nama baru Che Det, Mahathir bin Machavelli, bukan Mahathir bin Mohamad atau Ahmad nama Nabi. Rasa ngilu juga nak tulis nama Mahathir bin Mohamad. Kalau dulu tak apalah. Dulu memang Mahathir bin Mohamad. Tapi sekarang entahlah. Orang dah lupa nama sebenar Che Det. Lebih-lebih lagi orang kampung. Orang kampung, otak kimia (OK).

Ah, biarlah apa orang kata. Yang penting Mahathir mesti Che det. Dan Che Det mesti Mahathir. Tapi Che Det sekarang tak semestinya Mahathir bin Mohamad. Mengapa ya? Nampaknya rakyat dah lupa jasa Che Det pada Malaysia, pada bangsa (?), pada agama dan pada perjuangannya yang belum selesai.

Siapa yang bawa perubahan pada Malaysia kalau tidak Che Det? Siapa tukar ekonomi Malaysia dari agraria kepada industri? Siapa bawa orang Melayu di kampung tersorok ke pusat bandar yang cerewet? Siapa bawa anak petani dan nelayan keluar dari kampung dan bekerja di kilang bagi meringankan beban kewangan keluarga mereka. Dan kemudian dapat beli motosikal untuk ditunggang bersama cewek cun? Siapa?

Siapa yang bangunkan Malaysia sebagai sebuah syarikat besar. Seluruh dunia membuka mata melihat nama Malaysia terpapar dalam peta antarabangsa. Bila orang luar sebut Mahathir, mereka akan sebut Malaysia. Bila kita kata berasal dari Malaysia, mereka akan ingat Mahathir. Wah bukan main gah lagi Che Det. Dari budak kampung yang main selut sawah kemudian menjadi PM yang meletak nama Malaysia di persada antarabangsa. Banggalah orang Kampung Kodiang, orang Kubang Pasu, orang Kota Sarang Semut, orang Alor Setar. Orang Kubang Pasu tentulah tersengih dan kembang hidung kerana orang kampung mereka jadi PM. Tujuh belas tahun pulak tu. Che Det adalah PM paling lama berkhidmat di Asia Tenggara selepas Suharto yang dijatuhkan oleh reformasi rakyatnya.

Mana ada PM Malaysia sebelum ini yang jadi ketua kerajaan dalam tempoh yang begitu lama. Tunku Abdul Rahman jadi PM masa dah nak pencen. Tun Razak dan Hussien Onn berapa tahun saja. Lebih-lebih lagi Hussien Onn terpaksa serah jawatan PM kepada Che Det kerana tidak mampu menangani tekanan ekonomi dan masalah kaum ketika itu. Masalah tidak boleh selesai dalam masa singkat. Jalan terbaik, beri laluan pada seorang doktor jadi PM.

Che Detlah yang bawa Malaysia ke era pemodenan. Che Det seorang *moderate* dan liberal. Percaya akepada kapitalisme walaupun Che Det tidak mengaku kapitalisme terang-terang diamalkan dalam ekonomi. Tapi sikap moderate Che Detlah yang menyebabkan ekonomi Malaysia mendadak begitu cepat sekali. Yang tertinggi 8 peratus 10 tahun berturut-turut. Mana ada negara Asia Tenggara lain yang mampu mencatat

pertumbuhan yang beitu tinggi. Siapa lagi kalau bukan Che Det. Dan Malaysia pernah dikenali antara The Seven Tigers, kerana Che Det juga.

Cakap Che Det adalah cakap ekonomi. Cakap politik boleh jadi ekonomi. Cakap sosial boleh jadi ekonomi, cakap budaya boleh jadi ekonomi. Che Det seorang yang *economic oriented* walaupun tugas sebelum menjadi PM adalah doktor. Kalau begitu, doktor ekonomilah. Kalau doktor ekonomi, bolehlah rawat penyakit gawat. Masa inilah untuk tunjuk siapa terror.

Zaman Che Detlah Malaysia ada kereta sendiri (walaupun designnya hampir sama dengan kereta di Australia dan Jepun). Ada juga kereta sendiri. Trak sendiri. Kilang yang mengeluarkan barangan elektronik sendiri. Rakyat boleh beli barangan tempatan. Belilah barangan buatan Malaysia. Elakkan pengaliran wang ke luar negara. Entah siapa yang simpan wang di luar negara. Petani? Nelayan? Banyak mana sangat duit dia orang. Yang banyak duit biasanya korporat besar dan jerung besar, bukannya korporat kecil dan bilis kecil. Tapi yang disuruh beli barangan tempatan, simpan wang dalam negara, tanam sayur untuk elak kadar import makanan yang lebih tinggi ialah korporat kecil dan bilis kecil. Korporat besar dan jerung besar masih lagi boleh makan besar-besar dan jerung besar masih lagi boleh makan besar. Tak perlu tanam sayur ala hidroponik. Biar orang kampung saja dikerah tanam sayur.

Era Che Detlah Malaysia ada menara tertinggi, Menara Kuala Lumpur (420 m), Menara KLCC (450 m), ada jambatan terpanjang di Asia Tenggara dan entah apa-apa lagi yang tertinggi dan terpanjang. Che Det memang suka yang tinggi-tinggi, yang besar-besar, yang panjang-panjang. Konvoi kereta proton sebanyak kira-kira 2000 buah tercatat dalam Buku Rekod Malaysia sebagai konvoi terpanjang. Yang lain-lain boleh tengok dalam Buku Rekod Guiness.

Zaman Che Det banyak kilang dibuka. Ramai belia kampung berhijrah ke bandar untuk bekerja dalam sektor industri selain melepak di Chow Kit Road dan shoping complex. Secara tidak langsung kadar pengangguran berkurang kerana ramai yang menyahut cabaran bekerja di kilang yang taukenya mungkin orang Amerika, Jepun atau Taiwan.

Tak cukup dengan itu, Che Det reka ungkapan yang boleh

meyatukan hati dan sanubari rakyat berbilang kaum. Malaysia Boleh! Dan budak-budak sekolah, budak Tadika dan orang besar-besar pun menjerit Malaysia Boleh! Entah apa-apa. Macam budak-budak. Itu falsafah kebudak-budakan.

Walaupun falsafah Malaysia Boleh kelihatan seperti falsafah kebudak-budakan tetapi lihat kesannya. Melalui ungkapan itulah seluruh rakyat tanpa mengira bangsa bangun menunjukkan pada dunia bahawa Malaysia Boleh. Rakyat Malaysia juga menawan Gunung Everest, gunung tertinggi di dunia dan ungkapan apa yang pendaki gunakan, Malaysia Boleh! Malaysia Boleh! Adakah ia satu pencetus semangat atau satu propaganda.

Lihat kejayaan Malaysia dalam Sukom XVI. Siapa sangka Malaysia yang masih dalam kategori negara membangun mampu mengutip 10 pingat emas. Bukan itu saja malahan perserta Malaysia melakukan kejutan dengan memecah rekod Sukan Komanwel dalam acara menembak dan angkat berat. Itu semua kerana jeritan Malaysia Boleh bertalu-talu. Yang ganjil sikit, di mana ada Che Det, disitulah atlet Malaysia memperolehi pingat emas.

Keseluruhannya, Malaysia mengutip 36 pingat dalam satu sukan bukan 36 pingat dalam 15 sukan seperti masa lalu. Apa lagi, rakyat pun menyanjung Che det kerana telah mengharumkan nama negera walaupun beliau tidak memasuki mana-mana acara. Dengar khabarnya Malaysia menawarkan menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 2008. Keputusan untuk menjadi tuan rumah Sukan Olipmpik kerana kejayaan cemerlang dalam Sukom XVI 1998. Lihat betapa optimisnya Che Det. Bukan macam parti pembangkang. Asyik hentam saja tapi tak bagi alternatif pun.

Sikap optimistik sesuai bagi seorang pemimpin. Dan sikap itu ada pada Che Det. Sikap optimis Che Det bertujuan membawa rakyat Malaysia ke satu tahap yang lebih dihormati dan dikagumi oleh dunia luar, walaupun sesetengah caranya menimbulkan rasa tidak puas hati beberapa pihak. Tanpa sikap optimis dan *positive thinking*, sukar untuk membuat perubahan pada bangsa. Perubahan itu islah atau reformasi. Reformasi? Waduh, masih ada yang berani berbicara tentang reformasi. Nanti ditempeleng seperti Sdr. Anwar. Baru tahu langit tinggi rendah.

Berlawanan dengan optimistik ialah pesimistik. Golongan

pesimistik berpandangan segala-galanya negatif dan tidak baik. Pesimistik yang keterlaluan sukar untuk sesuatu golongan membuat perubahan. Sikap optimistik tidak boleh keterlaluan. Sikap pesimis juga tidak boleh keterlaluan. Optimis yang keterlaluan mendorong sifat ego atau sombong. Orang ego mudah lupa diri. Orang ego memandang orang lain seperti berada dibawah tapak kakinya. Optimis yang sederhana mendorong sifat berhati-hati.

Pesimis yang sederhana mendorong sifat rendah diri. Rendah diri itu tawaduk. Tawaduk itu merendah diri pada selainNya.

Berbalik pada cerita Che Det. Kenapa tiba-tiba penyokong Reformasi (akhbar *main-stream* melabel penyokong reformasi sebagai penyokong Sdr. Anwar) mendesak Che det meletakkan jawatan sebagai PM. Apa mereka sudah lupa jasa PM yang sudah hendak bersara tu. Kenapa orang yang telah memajukan dan membuka syarikat besar tiba-tiba didesak agar meletak jawatan. Tak patut. Itu semua tentu kerja parti pembangkang. Tapi kalau penyokong Sdr. Anwar ajak saya buat demonstrasi-reformasi dengan berbaris di jalanraya, saya akan fikir dua kali. Bukan kerana takut. Tapi mahu melihat sejauh mana kesan demonstrasi di jalan raya kepada Che det. Sah, Che det masih mampu tersenyum.

Tapi apa kaitan Machiavelli yang membawa kepada peperangan hebat menjelang alaf baru antara Mahathir dengan Sdr. Anwar yang akhirnya membawa kepada pemecatan jawatan TPM. Hanya selangkah saja untuk duduk kerusi PM. Harap-harap kerusi PM di Malaysia tidak jadi seperti kerusi PM di India. Panas...Yang penyokong reformasi sibuk berdemonstrasi di jalanraya bukannya apa. Cuma tak puas hati cara Sdr. Anwar dipecat. Sudahlah begitu banyak maklumat yang agak keliru. Baca *paper* macam baca surat layang. Yang kecil dibesarkan. Yang besar dikecilkan. Ada yang ambil kesempatan memboikot akhbar *main-stream*. *Last-last* beberapa akhbar terpaksa dinaikkan harga bagi menampung kos pengeluaran. Ikut suka kau oranglah. Semahal mana pun, tauke kedai tetap guna akhbar itu untuk membungkus belacan atau tin sardin. Kalau tak buat bungkus belacanpun, tunggulah dua tiga hari apabila lori lalu di hadapan rumah dan menjerit surat khabar lama, surat khabar lama, *old newspaper, old newspaper!* Tunggu apa lagi, juallah.

Kenapa saya menulis Mahathir bin Machiavelli? Machiavelli melihat politik sebagai matlamat menghalalkan cara. Pemimpin politik menurut pandangan Machiavelli boleh menggunakan apa cara sekalipun untuk mengekalkan kuasanya, mengekalkan kepentingannya dan mengekalkan pengikutnya walau dengan cara apa sekalipun. Ya, dengan cara apa sekalipun. Termasuk cara yang dianggap sadism pada sesetengah pihak. Pemecatan Sdr. Anwar ada kaitan dengan amalan politik Machiavelli. Terdapat unsur-unsur sadism dalam cara pemecatan beliau. Yang herannya, pemecatan Sdr. Anwar kononnya keputusan sebulat suara Ahli MT. PM kata Anwar dipecat kerana isu moral. Pemimpin yang tidak bermoral akan menjejaskan parti kesayangannya. UMNO, bahkan akan menjejaskan kerajaan yang didakwa mengamalkan prinsip moral.

Sdr. Anwar tidak mempunyai moral. Justeru, layakkah beliau dipecat. Atas bukti apa dia dipecat? Atas alasan terlibat dengan rasuah dan skandal seks? Membabitkan isteri orang pula tu? Kalau *affair* dengan mana-mana wanita yang masih single, lain la juga. Tapi Sdr. Anwar ni dikatakan berdarah pejuang. Beliau berani lawan tauke dan berkata *'if this is not a political consiracy, tell me what it is?'* Nasib kaulah Sdr. Anwar. Berapa ramai isteri orang yang kau kebas sampai dipecat TPM?

Oleh kerana Che det kata Anwar bersalah kerana bukti yang terlalu kukuh, maka Anwarpun diseret ke mahkamah. Ada juga penulis buku politik membuat kesimpulan bahawa nasib Anwar akan ditentukan oleh mahkamah. Tapi yang peliknya, banyak perkara aneh berlaku dalam mahkamah. Saksi pertama awal-awal lagi sudah mengaku bahawa tuduhan terhadap Sdr. Anwar adalah palsu dan rekaan semata-mata. Yang peliknya nama Che Det pun disenaraikan sebagai saksi. Eh, Che det pun masuk mahkamah. Sebagai pendakwaraya atau peguambela?

Kalau Sdr. Anwar didapati tidak bersalah oleh mahkamah, maka semua Ahli MT perlu letak jawatan atau meminta maaf secara terbuka kepada beliau sebagai bukti mereka adalah pemimpin yang bermoral. Kalau Che Det kata Anwar tetap bersalah, itu terserahlah. Che Det kan PM. Dan PM berkuasa memecat TPM atau mana-mana menteri yang dia tak suka. Tapi yang ramai-ramai sibuk hentam Sdr. Anwar sebagai benar-benar bersalah tanpa bukti kukuh apasal. Nak cari nahas?

Saya kagum dengan Che Det. Walaupun telah memecat Sdr. Anwar tapi masih menekankan soal keamanan dan kestabilan negara.

Keamanan dan kestabilan negara perlu dikekalkan. Ia adalah perkara yang tidak boleh dibayar dengan wang. Tidak boleh dijual atau dibeli. Tanpa keamanan dan keamanan, bagaimana pelancong asing dan pelabur mahu datang ke negara ini. Tapi kadang-kadang nak tergelak juga bila Che Det beri alasan bahawa penyokong reformasi membuat demonstrasi bagi mengangguh perbicaraan ke atas Sdr. Anwar. Kebetulan Azizah, isteri Anwar melalui barisan 'pejuang reformasi' dan Azizah pun nyaris-nyaris ditangkap. Che Det harap polis tidak menangkap Azizah. Ya ke?...Oh...Azizah.

Isu pemecatan Sdr. Anwar sebenarnya berpunca daripada perbezaan dasar beliau dengan Mahathir, bukan kerana Anwar tidak pandai menjaga hati Mahathir yang dianggap sebagai bapanya. Hormat, hormat juga. Derhaka, derhaka juga. Sdr. Anwar bukannya si Jebat yang derhaka kerana menuntut pembelaan terhadap kawannya, Hang Tuah walaupun beliau memainkan perana si Jebat untuk menderhaka buat kali kedua. Sdr. Anwar bukannya hero ala *Robinhood* dari hutan Sherwood yang merompak harta orang kaya dan diberi kepada orang miskin. Tapi Sdr. Anwar lebih dikenali sebagai 'pejuang rakyat'-memperjuangkan hak rakyat miskin yang tertindas. Buktinya? Pernah merasai layanan istimewa sebagai tahanan ISA pada tahun 1974 kerana terlibat dalam pembelaan petani di Baling, Kedah.

Ketika krisis air di sekitar ibu kota tidak lama dulu, Sdr. Anwar yang turun padang. Tanyalah penduduk sekitar ibu kota berkenaan dengan krisis air sebelum dan selepas Sdr. Anwar turun padang.

Bagi sesetengah orang Sdr. Anwar adalah pejuang golongan bawahan. Beliau banyak meluluskan projek perumahan kos rendah untuk rakyat. Kenapa beliau begitu mengambil berat masalah orang miskin dan orang kampung. Adakah kerana dia berasal dari Kampung Cheruk To' Kun. Kalau begitu Che Det pun asal orang kampung juga, Kubang Pasu. Entah dari mana datangnya nama Kubang Pasu. Mungkin dulunya kawasan sawah padi di Kedah dipenuhi kerbau keweh berkubang dan meninggalkan lubang besar berbentuk pasu. Mungkin ya, mungkin tidak.

Antara Che Det dan Sdr. Anwar, siapa pilihan anda. Kuala tidak boleh mengatakan belanga hitam kerana dirinya juga hitam. Tetapi penglibatan Sdr. Anwar dalam politik nampak terlalu idealisme. Beliau menggunakan satu cara yang konsisten (mungkin bakat semulajadi), sama

seperti Sukarno yang bijak berpidato dan beberapa pemimpin Iran yang kontroversi. Sdr. Anwar terlalu idealisme dalam politik *Style*nya ketika bersama ABIM sama *style* semasa menjadi TPM dan bersama UMNO. Sebab itu, arah perjalanannya senang diketahui dan mudah disekat. Beliau tidak pandai main politik seperti Che Det. Che Det pernah menggunakan *platform* PAS ketika dipecat oleh UMNO zaman Tunku Abdul Rahman. Sedangkan PAS adalah parti pembangkang. DAP pun parti pembangkang. Tidak mustahil Che Det sertai DAP jika benar-benar terdesak ketika itu bagi mengukuhkan kedudukannya.

Kemudian Che Det '*make a comeback* ' dan masuk semula UMNO. Dan Che Det memang pandai main politik. Apa itu politik? Politik ialah putar belit. Sebab itu ramai ahli UMNO lari masuk PAS bila mendapati parti itu tidak lagi menjadi wadah memperjuangkan nasib bangsa. Tapi ada juga ahli PAS masuk UMNO. Bahkan ada pemimpin PAS peringkat atasan menyertai UMNO. Entah apa yang mereka cari dalam UMNO. Tetapi gejala tukar parti itu dilihat sebagai lompat parti, sebagai agenda untuk bermain politik. Ada yang melihat penyertaan seseorang dalam parti seperti melekatkan lambang parti pada dahinya. Sebenarnya bukan begitu. Pertukaran parti hanya satu agenda bermain politik. Tidak kiralah apa lambang yang digunakan. Yang penting, tujuan penglibatan seseorang dalam parti. Manifesto parti boleh ditulis. Boleh dirombak Tetapi manifesto tidak semestinya menggambarkan dasar perjuangan sebenar. Dalam parti atau politik, sesuatu itu boleh berubah, tidak statik. Sebab itu orang UMNO masih boleh terima Che Det semua walaupun dia sudah menyertai parti pembangkang. Salah satu sebab orang UMNO boleh terima Che Det ialah mungkin kerana Che Det sudah menjadi *public figure*. Parti hanyalah satu cara berpolitik.

Tetapi sekarang pandangan masyarakat terhadap politik mula berubah. Orang kuat UMNO (atau barisan Nasional) tidak membantah malah mengalu-alukan kemasukan ahli dari parti pembangkang PAS dan DAP ke dalam parti kesayangan mereka itu. Tetapi ahli-ahli UMNO menyertai mana-mana parti pembangkang maka mereka biasanya dianggap sudah diperalatkan oleh parti pembangkang. Menjadi agen dari parti pembangkang. Adakah nama parti pembangkang begitu buruk. Bagaimana keadaan politik jika tanpa parti pembangkang. Orang mudah membuat tuduhan liar. Soalnya, siapa peralat siapa. Orang yang membuat tuduhan sebegitu biasanya tidak memahami politik. Jika orang kerajaan (ataupun lebih mudah lagi parti BN) tiba-tiba menukar parti dan

menyertai pembangkang dan dia dianggap menjadi agen parti pembangkang, maka orang itu adalah Che Det sebab dia telah menjadi *public figure*. Bagaimana orang yang asasnya dari parti kerajaan kemudian menukar parti menyertai pembangkang dan kemudian masuk semula parti kerajaan masih boleh diterima sebagai pemimpin. Sebagai Perdana Menteri pulak tu. Sebab itu, ditegaskan pertukaran parti hanyalah permainan politik. Manifesto parti juga mainan politik. Manifesto parti boleh diubah oleh pengikutnya berdasarkan kecenderungan parti. Jika keadilan, adillah. Jika rasuah, rasuahlah. Jika nepotisme, nepotismelah. Jika kronisme, kronismelah. Jika patriotisme, patriotismelah. Jika perutisme, perutismelah.

Tokoh Sasterawan, Dinsman selama 17 tahun mengkagumi Che Det. Dinsman sanggup bersengkang mata menulis Puisi Panjang Untuk Mahathir. Che det sendiri baca puisi karangan Dinsman. Tetapi setelah 17 tahun, Dinsman tiba-tiba saja berubah. Dia tidak lagi menulis puisi memuji sikap optimistik dan berani Che Det. Sebaliknya Dinsman bertukar dari pemuji kepada pengkritik Mahathir yang pedas. Bukunya, 'Gawat Gagalnya Formula Mahathir' mendedahkan kenapa beliau tiba-tiba menjadi pengkritik pemimpin yang dikaguminya selama 17 tahun. Kenapa setelah begitu lama Dinsman tiba-tiba berubah?

Dinsman bertukar daripada pemuji kepada pengkritik bukan kerana bencikan Che Det. Bukan kerana Che Det tidak bagi muka dekat dua. Bukan kerana Dinsman sakit hati, cemburu atau iri hati. Bukan. Dinsman bukan macam tu. Perubahan dasar Che Det sendiri yang menyebabkan Dinsman berubah dari pemuji kepada pengkritik. Benci, benci jugak. Kasih, kasih juga. Dulu Che Det menjadi orang yang paling dikasihi. Tidak mustahil sekarang orang mula membenci Che Det. Tetapi kita tidak boleh membenci seseorang itu sebenci-benci kerana mungkin esok orang yang paling dibenci akan menjadi orang yang paling dikasihi. Tambahan pula dalam politik. Musuh boleh jadi kawan, kawan boleh jadi musuh. Ada yang tikam dari belakang. Bagi satu melalui pintu depan, kebas 10 melalui pintu belakang. Tak percaya tanyalah Syed Hussien (Pak Habib), penulis bukan professor tetapi penulisannya bertaraf profesor.

Pak Habib dulu pun mengkagumi Che Det. Apatah lagi Che Det seringkali bercakap tentang moral dan etika pemimpin. Pak Habib pernah menulis rencana mengenai gabungan mantap Che det dan Musa Hitam. Rencananya, 'Malaysia Tumpang Tuah 2M'(Mahathir, Musa)

menceritakan bagaimana dua orang pemimpin itu bekerjasama memajukan Malaysia hingga negara menjadi kian mantap dan mula dikenali oleh negara luar. Tetapi Musa akhirnya dianggap pengkhianat. Maka lahirlah buku, 'Musa A Traitor' yang membawa peperangan antara Pak Habib dengan Musa Hitam yang berakhir di mahkamah.

Kini, Pak Habib tidak lagi menulis memuji Che Det walaupun beliau pernah berbuat begitu ketika kemuncak ketokohan Che det. Penulisan Pak Habib jika dilihat kini sudah terbalik. Beliau menjadi penulis buku politik paling mengancam, malahan setiap bukunya menjadi *nightmare* kepada pemimpin politik. Kenapa Pak Habib begitu berani. Kerana rasuah? Penulis upahan? Pak Habib menulis kerana kebenaran. Senjata penanya bukan untuk membunuh musuh politiknya seperti mana yang berlaku dalam pergelutan politik (dan politik adalah *struggle*). Buku Pak Habib 'Memo kepada Mahathir' sama tujuannya dengan Hassan Al-Basri yang menulis surat kepada Khalifah Umar Abdul Aziz. Ianya satu peringatan dari rakyat kepada pemimpin mengenai dasar pentadbiran negara. Bukan kerana Pak Habib cemburu dengan kedudukan Che Det, lantas mahu merampas kerusi nombor satu negara itu. Bukan kerana Pak Habib suka membuat cerita palsu dan kemudian meminta pembaca mempercayainya. Bukan. Pak Habib sendiri kata *"politic is the game of possible'*. Tapi sayang, beberapa buah buku karangannya diharamkan bukan kerana membuat tuduhan palsu, tetapi kerana kebenaran yang tidak dapat dipadam. Banyak buku hiburan bersepah di kaki lima kedai yang penuh dengan cerita gosip dan isu sensasi tidak pula diharamkan. Kenapa ya?

Kenapa buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM yang ditulis oleh Khalid Jafri tidak diharamkan sebaliknya disebarkan secara meluas. Setelah Sdr. Anwar ambil perintah injuksi, barulah buku itu sukar diperolehi bahkan ada yang menaikkan harganya daripada RM20 kepada RM200. Ia jadi buku politik termahal dan Khalid Jafri jadi penulis buku politik paling popular. Nampaknya, Pak Habib pun kena letak jawatan la. Yang sedihnya, penulis buku yang selama ini memuji *style* Sdr. Anwar tidak pula membuat buku mempertahankan bekas TPM itu apabila beliau didakwa terlibat dalam skandal paling buruk dalam sejarah Malaysia. Yang jelasnya, apabila Che Det kata hitam, hitamlah. Kalau putih, putihlah. Kalau ada yang berani kata putih apabila Che Det kata hitam, memang nak cari nahaslah orang tu.

Saya juga meminati puisi tetapi tidak pernah terlintas untuk menulis puisi memuji Che Det seperti Dinsman yang menulis 'Puisi Panjang Untuk Mahathir'. Tapi saya ada menulis sebuah puisi bertajuk 'Politikus'. Rasanya tak perlulah dimuatkan di dalam buku ini. Nanti diharamkan pula. Kalau buku politik dah diharamkan, macam mana penulisnya nak cari makan. Lagipun mereka bukan menulis cerita dongeng atau metos atau sesuatu yang boleh meruntuhkan moral manusia seperti kebanyakan majalah hiburan yang bergantungan di kedai mamak. Menulis buku politik memerlukan fakta, walaupun dalam politik itu sendiri seringkali tidak berpijak kepada fakta. Ini kerana politik sesuatu yang sukar diramalkan. Ianya tidak konsisten tetapi seringkali berubah. Orang politik boleh mempunyai kawan dan musuh pada masa yang sama dan dengan orang yang sama. Politik adalah pergelutan dan dalam pergelutan sudah tentu ada yang terbunuh dan yang dibunuh. Cuma cara yang digunakan untuk membunuh musuh politik tidak sama dengan cara yang digunakan oleh penjenayah sebenar.

Tetapi tak sedap rasanya jika pentas sastera tidak diselitkan dengan 'acara' sastera. Selain pantun dan gurindam, syair dan seloka, apa salahnya sekali kita bermain kata menghibur hati yang duka. Kata pujangga, bahasa jiwa bangsa. Satu cara untuk mengenal bangsa, kenali bahasanya. Nah, untuk peminat puisi tanah air, kusajikan sebahagian dari puisi *Politikus*,

Engkau kata aku ambil hak rakyat
engkau yang ambil hak rakyat,
Engkau kata aku asyik kumpul harta
engkau yang asyik kumpul harta,
Engkau kata aku kaki ampu
engkau pun kaki ampu,
Engkau kata aku kaki rembat
engkau yang kaki rembat,
Engkau kata aku amal politik Machiavelli
engkau yang amal politik Machiavelli,
Engkau kata aku...
Engkau pun sama.

Dan untuk Che Det, jangan asyik ikut kepala hang saja. Hati orang kampung pun kena jaga. Jerit perih orang Langkawi yang kehilangan tanah kena jaga juga. Derita dan kecewa orang Kubang Pasu

kena tengok juga. Keresahan orang Alor Setar kena ambil tahu juga. Jangan asyik nak buat projek mega semata-mata untuk meletakkan nama Malaysia di persada antarabangsa. Kami orang miskin. Orang susah. Orang kampung yang terpaksa mengikut apa saja dasar pemerintah. Kalau tak ikut nanti dikata *anti-establishment* atau dicap sebagai alat parti pembangkang. Susahlah macam ni. Cakap sikit dikatanya kita lawan tauke. Tak cakap, kita jadi macam lembu. Siapa berani lawan tauke. Tegur sikit kena pecat macam Ishak Baharom. Buka mulut sikit kena gam. Lebih baik lari dan tinggal dalam hutan belantara, tiada siapa nak bising. Duduk di bandar pun sama saja duduk di belantara sebab undang-undangnya sama, *Law of The Jungle*.

Jangan ingat yang duduk di kampung bodoh macam lembu. Mereka pun ada mata juga. Ada harapan juga. Bukan tidak mahu Malaysia maju. Tetapi biarlah berbaloi. Biarlah projek mega yang Che Det buat memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak, pemaju dan orang kampung. Orang kampung sekarang mana dah ada tanah. Semuanya dah dijual. Kalau adapun, cuma sekangkang kera saja. Kalau jual pun belum tetntu dapat beli kondominium atas bukit.

Che Det jangan sampai orang kampung sedih dan menangis dalam hati.

Sekali lagi ditegaskan, tulisan ini bukan bertujuan memperleceh seorang Perdana Menteri yang dihormati dan disayangi oleh sebahagian besar rakyat negara ini, apatah lagi bagi mereka yang telah mendapat banyak manfaat berupa peluang perniagaan dan keistimewaan yang tidak diperolehi oleh orang lain. Tidak sama sekali. Tulisan ini terhasil berpunca dari keluh kesah rakyat marhain yang kecewa, duka dan nestapa. Biarlah orang yang memuji Che Det tetap dengan pujian mereka. Biarlah orang yang lari menyertai parti pembangkang tetap dengan pendirian mereka. Kitakan negara demokrasi. Demo-kuasa, kratas-rakyat, kuasa rakyat. Kalau demo tak nak kasi, ikut suka kau oranglah. Aku peduli apa. Tapi, untuk menyalurkan kekecewaan dan kedukaan orang miskin yang hina terpinggir melarat (lihat semula lirik lagu ciptaan M.Nasir, *Nur Nilam Sari*),

Maka saya lakarkan juga keresahan mereka di dalam buku ini. Kalau buku ini pun diharamkan, maka marilah kita ramai-ramai lari dan

tinggal dalam belantara, amal hukum rimba. Yang kuat jadi raja, bicara pun macam raja. Raja apa?

Kalau nak menjerit meluahkan perasaan bersama penyokong reformasi di sepanjang jalanraya, nanti dicekup oleh SB ataupun tentera merah (FRU). Kalau nasib tak baik, disumbat ke dalam trak dan tidur la dalam lokap dua tiga hari. Tunggu orang pergi jamin. Kalau tak ada jamin, alamat meranalah kat dalam tu. Tapi sekarang susah sikit. Berkumpul di kedai kopi tengok orang buat demonstrasi pun kena cekup. Kalau si suami yang kena cekup, menangis tak berlagu la si isteri dan anak di rumah. Siapa nak peduli. Orang sekarang bukan fikir sangat susah senang orang lain. Janji, perut dapat diisi sudah la. Buat apa sibuk-sibuk tunjuk perasaan macam orang gila (kalau ada yang menganggap ianya gila). Kalau nak buat reformasi juga, tunggu pilihanraya. Pangkah la parti mana yang kau orang suka. Kita negara demokrasi. Demokrasi ada pilihanraya. Demokrasi....pilihanraya.....demokrasi.....pilihanraya. demo tak nak kasi, tak adalah pilihanraya agaknya ye. Adakah pilihanraya sahaja menggambarkan sistem demokrasi? Nak tahu jawapannya, tanyalah Che det.

Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Kalau Che Det marah-marah,
Nanti lagi ramai orang tak suka.

SIAPA SEBENAR MACHIAVELLI?

Dr. Mahathir Mohamad ialah seorang pemimpin yang mempunyai personaliti Machiavelli. Istilah 'Machiavelli' datang daripada nama seorang tokoh falsafah politik berbangsa Itali yang bernama Nicollo Machiavelli. Pada tahun 1513 Machiavelli mengarang sebuah buku falsafah di dalam bahasa Itali yang sehingga hari ini masih sangat terkenal. Terdapat rekod yang mendakwa buku karangan beliau itu adalah buku karangan manusia yang paling banyak diterjemahkan ke dalam pelbagai

bahasa di dunia. (Buku yang paling banyak diterjemahkan di dunia ialah Bible atau Injil, manakala buku yang paling banyak dibaca di dunia ialah al-Quran).

Buku karangan Machiavelli itu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan tajuk The Prince. Terjemahannya di dalam bahasa Indonesia diberi tajuk Sang Putra. Ada khabar mengatakan DBP akan menerbitkan terjemahan Melayunya atas desakan Pengerusi DBP, Dato' Rahim Bakar yang sangat mengagumi karya tersebut.

Di dalam bukunya itu, Niccolo Machiavelli memberi garis panduan bagaimana seseorang itu dapat mengumpulkan kuasa politik danmengekalkan Kekuasaannya dengan menggunakan strategi-strategi yang tidak bermoral. Inti falsafah beliau ialah: Dengan menggunakan cara-cara yang mudah, manusia dapat ditundukkan, dikuasai, diperalatkan dan dimanipulasi oleh mana-mana manusia lain yang mahukan perkara itu.

Machiavelli memberi beberapa panduan bagi mereka yang mahu menguasai manusia-manusia lain. Berikut ialah cara-cara itu, yang dikatakan oleh Machiavelli, sangat mudah untuk diamalkan:-

Pertama: Jangan sekali-kali merendahkan diri. Gunakan keangkuhan kerana ia lebih berkesan apabila berdepan dengan orang-orang lain yang hendak ditundukkan dan dikuasai. Menurut Niccolo Machiavelli, keangkuhan dapat membuat orang dipercayai dia mempunyai kuasa yang banyak dan berupaya mengkotakan kata-katanya, manakala orang yang merendahkan diri tidak dilihat sebagai orang yang memiliki kuasa. Dengan keangkuhan, seseorang itu dapat menimbulkan rasa takut dan gerun, manakala dengan merendahkan dirinya, seseorang itu akan kelihatan lemah, menyebabkan orang lain berani melawan dan menentangnya.

Kedua, Machiavelli mengatakan bahawa moral dan etika adalah untuk pemimpin-pemimpin dan orang-orang yang lemah sahaja. Mereka yang tidak mempunyai kuasa terpaksa menggunakan kekuatan moral dan etika untuk mendapatkan kepercayaan orang-orang lain bagi tujuan mempengaruhi mereka. Oleh kerana mereka lemah, mereka sedar bahawa para pengikutnya akan menyokong dan patuh kepadanya selagi mereka yakin dia seorang yang bersih, jujur, berkata benar serta tidak mempunyai kepentingan peribadi. Sebaliknya, pesan Niccolo Machiavelli, orang yang berkuasa boleh bebas memilih untuk berdusta, menipu, dan bersandiwara

selagi dengan berbuat demikian dia berjaya meningkatkan dan mengekalkan kekuasaannya.

Pesan Nicollo Machiavelli yang ketiga ialah, menjadi pemimpin yang berkuasa, ditakuti dan digeruni adalah lebih bijaksana daripada menjadi pemimpin yang baik dan disukai tetapi dianggap lemah. Demi mengekalkan kuasa, pilihlah tindakan-tindakan yang meningkatkan rasa takut dan rasa gerun, bukan tindakan-tindakan yang hanya akan mengurangkan kedua-dua perasaan itu.

Pada dasarnya, nasihat Niccolo Machiavelli kepada mereka yang mahu menjadi orang yang berkuasa ialah supaya senantiasa bersikap pragmatik seratus-peratus. Lakukan sesuatu itu kerana dengan berbuat demikian ia dapat mendatangkan, meningkatkan dan mengekalkan kuasa. Biarkan orang lain terpedaya oleh nilai-nilai murni seperti kejujuran, keikhlasan, persahabatan, kesetiaan dan keadilan. Sesiapa yang hendak menjadi pemimpin yang benar-benar berkuasa hendaklah menjauhkan diri daripada itu semua. Dia mesti sanggup melakukan apa sahaja asalkan dengan cara itu dia mendapat apa yang dihajatinya, iaitu kuasa.

Kebanyakan pemimpin tidak sanggup mengamalkan ajaran-ajaran Nicollo Machiaveli, tetapi seorang dua, ada yang begitu. Individu-individu yang mempunyai personaliti Machiaveli yang tinggi amat percaya kepada pendapat-pendapat seperti di bawah:

* Cara yang baik untuk berdepan dengan orang-orang lain ialah dengan memberitahu orang itu apa yang dia mahu dengar sahaja.

* Barang siapa yang terlalu percaya bahawa ada manusia yang jujur, orang seperti itu adalah bodoh dan sengaja mencari masalah.

* Sesiapa yang terlalu lurus dan patuh pada moral, etika dan peraturan, dia takkan berjaya menjadi pemimpin yang berkuasa.

* Pada dasarnya semua manusia adalah jahat, dan sifat jahatnya yang sebenar boleh muncul pada bila-bila masa apabila dia mendapat peluang untuk mengaut faedah dan keuntungan dengan menggunakan sifat jahatnya itu.

- Kebanyakan manusia bekerja kuat hanya apabila dipaksa sahaja.

Dr. Mahathir Mohamad dengan diiringi oleh Muhyiddin Yassin memasukkan obor ke dalam replika yang direka khas sebagai tanda merasmikan pembukaan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil, Kuala Lumpur berharga RM 800 juta pada 11 Julai lalu.

PERHIMPUNAN HARAM....sebahagian daripada penyokong Anwar menabur poster ketika mengadakan demonstrasi di Masjid Negara pada 26 September lalu.

Bangunan KLCC yang tertinggi di dunia berdiri tegak di ibu kota sebagai lambang kemegahan negara.

Dr. Mahathir tersenyum bangga kerana cita-citanya untuk menghasilkan kereta Nasional sendiri terlaksana akhirnya. Sebelum ini ramai yang merasa ragu-ragu tentang kebolehan kita untuk mengeluarkan kereta buatan sendiri.

BAB 9

SINGA TUA Vs SINGA MUDA

Tanggal 31 Ogos, tertera dalam diari bahawa Malaysia telah 41 tahun merdeka. Sebagai negara merdeka, kita bebas menentukan hala tuju negara kita sendiri, corak ekonomi sendiri, corak budaya dan kehidupan kita sendiri. Sdr. Anwar (saya masih mengekalkan Sdr. Anwar dalam bab ini) pernah berkata, sebagai sebuah negara yang 41 tahun merdeka, kita sudah dewasa. Kita sendiri yang mencanai acuan untuk melahirkan generasi Malaysia berdasarkan norma dan kepercayaan kita.

Che Det (saya rasa nama Che Det lebih *glamour* dari Mahathir) pernah berkata, kita berhasrat melahirkan satu masyarakat dan negara yang maju mengikut acuan kita sendiri. Namun, apa yang dikatakan oleh Che Det masih kabur. Apakah yang dimaksudkan dengan 'acuan kita sendiri'. Kita masih lemah walaupun telah 41 tahun merdeka. Kita masih bergantung pada negara lain dalam menentukan corak ekonomi dan sosio-budaya negara kita, walaupun kita bersuara dengan lantang mempertahankan bahawa corak sosio-budaya negara ini adalah hasil kerja tangan kita sendiri. Dan kita sebenarnya berpura-pura apabila mengatakan kita telah membangunkan negara ini dengan corak sosio-budaya dan sosio-ekonomi yang kita cipta sendiri.

Kita pernah dijajah. Kita pernah menjadi mangsa kuasa imperialisme. Negara kita pernah dijajah secara fizikal, secara terang-terang dan bersenjata. Tapi kita dikira bertuah kerana masih dapat merdeka dan melantik pemimpin yang kita pilih sendiri. Tapi adakah penjajah begitu mudah meninggalkan negara yang fijajahnya, Apakah tidak mungkin penjajahan bentuk baru berlaku (neo kolonialisme) sama ada dilakukan oleh penjajah yang sama ataupun penjajah yang baru yang berasal dari tanah air kita sendiri.

Dasar penjajah, lebih-lebih lagi menjalankan dasar imperialisme tidak akan begitu mudah meninggalkan sebuah negara yang dijajahnya tanpa meninggalkan kesan serta pemimpin yang mewarisi ciri-ciri penjajah, termasuklah corak sosio-budaya dan sosio-ekonomi. Ataupun sekurang-kurangnya yang berpandangan atau sealiran dengan dasar

penjajah. Kalau sekularisme, sekulerismelah yang ditinggalkan, kalau kapitalisme, kapitalismelah, kalau liberalisme, liberalismelah. Nilai-nilai penjajah akan diasuh dan diserap ke dalam segala corak kehidupan rakyat peribumi negara yang dijajah. Justeru, walaupun penjajah telah meninggalkan negara yang dijajah, hakikatnya penjajahan masih berlaku sama ada oleh penjajah telah meninggalkan negara yang dijajah, hakikatnya penjajahan masih berlaku sama ada oleh penjajah yang sama dengan cara yang berbeza ataupun dengan penjajah baru yang berasal dari negara itu sendiri.

Penjajahan bentuk baru boleh berlaku dalam pelbagai cara terutama dalam aspek sosio-budaya iaitu cara hidup masyarakat. Imperialisme budaya boleh berlaku melalui media massa terutama televisyenm makananm pakaian serta keperluan harian. Drama t.v, Simson cuba menyebarluaskan budaya hidup orang Amerika. Makanan ringan *burger* menjadi kegemaran remaja sedangkan jika dikaji ia bukannya berasal dari 'budaya kita' sebagaimana yang diagungkan oleh kita sendiri. Pakaian jeans juga bukan budaya kita walaupun ia hanyalah semata-mata satu fesyen zaman zaman moden. Syed Hussein (Pak Habib) menulis buku Melayu - *The Overseas American* mengenai pengaruh Amerika ke atas sosio-budaya masyarakat negara ini. Ia juga menyentuh mengenai pemimpin Melayu yang memakai jeans. Oleh kerana ia hanyalah satu fesyen, jadi orang tidak menganggap ianya sebagai satu bentuk penjajahan. Penjajahan bentuk baru iaitu sebahagian dari neokolonialisme.

Che Det pernah menyebut tentang neo kolonialisme tetapi dari sudut yang agak sempit iaitu ekonomi. Sistem kapitalisme membolehkan pemilik modal paling banyak menguasai ekonomi. Ia umpama orang kaya yang banyak wang yang boleh 'membeli' mata wang lain dan meyebabkan nilai mata wang itu merosot sebagaimana yang dilakukan oleh spekulator, George Soros. Che Det kata spekulator seperti Soros yang menyebabkan ekonomi Malaysia mengalami 'gelompang' setelah beberapa tahun berada di kemuncak.

Samuel Huntington pula pernah berkata, Barat dan Timur tidak boleh bertemu. Beliau merujuk kepada orang Timur yang dikatakan berpegang kepada nilai-nilai ketimuran seperti adab sopan dan hormat menghormati manakala orang Barat seringkali dicap sebagai mewarisi nilai-nilai kebaratan yang negatif, buruk dan penuh prejudis. Tapi Che

Det lebih bijak, apabila berkata Barat dan Timur boleh bertemu kerana budaya masa hadapan adalah universal. Masyarakat dunia masa hadapan berkongsi norma dan nilai yang sama. Apa maksud tersirat di sebalik tersurat pada ungkapan ini? Hanya Che Det saja tahu jawapannya.

Segala yang mustahil jadi mungkin. Apabila ekonomi meleset, rakyat disuruh tanam sayur. Ketika itulah timbul semula istilah pertanian yang jarang disebut dan didengar. Tanam sayur secara hidroponik. Nak tergeliat lidah juga bila menyebutnya. Program Laman Hijau dan entah apa-apa lagi yang jarang didengar ketika ekonomi tengah gah. Apabila ekonomi tengah melonjak, kita sibuk buat mikrocip dan semikonduktor. Kilang menjadi 'ladang ' untuk menanam 'pokok' yang tidak berbunga dan berbuah. Apabila ekonomi merudum, kita kena pegang cangkul semula dan tanam apa saja yang mampu. Kempen menanam sayur secara hidroponik pun dijalankan secara besar-besaran kononnya bagi meunjukkan kita prihatin akan masalah kekurangan bahan makanan.

Mungkin kita tidak boleh makan mikrocip, sebab itulah rakyat digesa tanam sayur di belakang rumah untuk keperluan sendiri. Satu set hidroponik dijual antara RM17 hingga RM32. Orang kampung kalau nak beli, kena fikir dua kali. Bukan kerana tidak berminat, tetapi terpaksa mengagihkan pendapatan yang tidak seberapa untuk membeli keperluan lain. Lagipun mana ada tanah sekarang ini untuk dibuat ladang. Kalau ada pun tanah wakaf. Takkan tanah wakaf pun nak kebas. Tapi nampaknya rakyat tidak kisah. Rakyat masih mempunyai rakyat yang setia di belakangnya. Sudi mengikut kata asalkan tidak dinamakan rakyat derhaka.

Masa kaya tabur duit merata-rata. Ini aku punya, itu aku punya. Masa papa, rakyat juga yang sengsara, tubuh Asnita untuk disumbang kepada Dana Khas Negara, gadai emas, gadai permata sebagai lambang pengorbanan untuk negara, akhirnya terpaksa berputih mata kerana banyak mana pun yang digadai, ekonomi negara macam tu juga, cuma bekyn sengsara seperti jiran kita. Kenapa tidak minta dari sesetengah pemimpin parti kesayangan yang banyak harta, seorang sampai berjuta-juta, itu belum dikira yang di luar negara, kalau seorang sumbang RM1 juta, alangkah harganya, rakyat dapat juga menarik nafas lega kerana masih ada pemimpin yang bertimbang rasa, sudi duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan rakyat murba yang pendapatannya cukup sekadar untuk menyara keluarga, tidak cukup untuk membelanja saudara mara makan di

ibu kota, ibu kota cinta, tempat lahir tipu daya, encik, cik, tuan, puan, Datuk Seri, Tan Sri sama saja, buatlah apa yang patut asalkan bahagia, orang lain peduli apa, hulur sekupang dua, butalah mata.

Tanyalah Johan Jaafar dan Nazri Abdullah. Bekas orang kuat media. Apa kesudahan mereka? Masa jadi ketua pengarang, ingin berjasa pada agama, bangsa dan negara, menulis berita ehwal semasa, isu rakyat jelata, perkembangan bahasa dan aspirasi negara, ingin menjadi media yang menyiarkan berita yang pro dan kontra, tidak kira dari sumber orang miskin atau kaya, mengenengahkan masalah remaja agar menjadi rakyat yang cintakan negara, bukan hanya melaporkan apa menteri itu kata, apa menteri ini kata, itu suara mereka, orang kampung juga yang hampa, suara rakyat kena diambil kira juga, jika tidak bagaimana menjadi *watchdog* kepada pemerintah negara, tanggungjawab sosial untuk semua, bukan zaman 70-an yang menjadikan media sebagai alat propaganda semata-mata, agar dapat menang undi pilihanraya, maka jadilah media pengampu pembesar negara, kalau tidak pun jadi tukang basuh berak beberapa orang 'raja' kalau tidak ikut nanti dikata derhaka pada bapa, *last-last* sebagai pro Sdr. Anwar yang anti pemerintah negara, dua orang kuat media dikira sudah derhaka, apa hukuman pada oranag yang derhaka pada raja, kalau dahulu dihukum bunuh seisi keluarga, tapi sekarang ditamatkan perkhidmatan serta-merta, tiada lagi soal bicara, kalau nak bagi rasuah, itu belakang kira, yang penting orang derhaka mesti terima balasannya, padan muka hangpa. Tanyalah Johan dan Nazri, apa kesudahan mereka.

Apabila isu pemecatan Sdr. Anwar makin panas, segelintir rakyat pun makin panas kerana lain yang dilihat, lain yang dibaca, jiwa meronta kerana tidak puas hati dengan apa yang dibaca, ada penulis yang pandai buat berita, ada juga yang pandai buat-buat cerita, konon bagi meningkatkan jualan akhbar mereka, tapi rakyat sudah murka, maklumat banyak yang direka tidak diambil dari sumber yang nyata, apabila pembaca tidak puas hati dengan dua buah akhbar utama, media alternatiflah jadi pilihannya, tiba-tiba sahaja akhbar parti pembangkang melonjak jualannya, dari puluhan ribu menjadi ratusan ribu naskah, pembaca pula tidak kira bangsa, yang peliknya Cina dan India pun baca juga, hai buang tabiat ka atau sengaja saja-saja nak tukar selera setelah jemu membaca majalah *HAI* dan *Mangga* yang ceritanya isu sensasi dan seks sematalah, buatlah apa yang patut asalkan bahagia, orang lain peduli apa, nak kata, kata la.

Che Det pernah menyatakan kebimbangan mengenai kecenderungan segelintir masyarakat mengguna internet dan mempercayai berita yang disiarkan oleh media asing, lebih-lebih lagi dalam isu pemecatan Sdr. Anwar. Kalau benar pembaca akhbar utama negara sudah beralih selera membaca berita dari internet dan media asing, itu bukan salah mereka. Mereka hanya mahukan kepastian tentang apa yang sebenarnya berlaku. Media utama tidak memainkan peranan ke arah itu. Lantas berita internet dan media asing menjadi sasaran utama. Tapi Che Det cepat melatah dan mengatakan mereka yang membaca berita dari sumber internet sudah terpengaruh dengan media asing dan orang asing yang sengaja mahu mewujudkan suasana tidak aman dalam negara ini. Kenapa cepat sangat membuat tuduhan melulu?

Kegagalan media utama memainkan peranan (menyiarkan berita secara pro dan kontra) menyebabkan pembaca media utama beralih kepada berita dari sumber internet. Dulu, Che Det juga yang suruh rakyat guna internet kerana zaman akan datang adalah zaman teknologi maklumat (IT). Tetapi apabila segelintir masyarakat mula ketagih dengan internet, mereka didakwa terpengaruh dengan media asing yang kita sifatkan sebagai 'kurang ajar' dan cuba menjaga tepi kain orang lain. Kita kata pada dia orang *shut up your mouth, keep your opinion for yourself.* Dulu, Che Det juga yang mahukan negara ini terkenal dan popular di seluruh dunia ekoran ekonomi yang mantap dan perpaduan rakyat berbilang kaum. Nah, sekarang Malaysia sudah cukup popular. Kalau tidak masakan pemberita dan jurugambar asing sibuk dan pura-pura sibuk merakam peristiwa di sekitar ibu kota dan mengikuti kes perbicaraan Sdr. Anwar. Kalau mereka begitu *interested* untuk mengikuti kes perbicaraan Sdr. Anwar, itu bukan salah mereka. Dasar orang asing, memanglah macam tu. Dasar penyangak. Yang jadi masalahnya ialah kita sendiri. Salah satu perkara yang paling sukar dilakukan oleh setiap individu ialah mengaku kebodohan sendiri. Dan hasrat Perdana Menteri agar Malaysia terkenal di seluruh dunia sudah menjadi kenyataan.

Jika negara kita sudah terkenal, tak perlulah bersusah payah membuat promosi itu dan ini bagi menarik perhatian pelabur datang ke negara ini. Tapi yang sedihnya, penasihat *Multimedia Super Coridor* (MSC), Alvin Toffler pun mengkritik Che Det. Apa ni. Kurang ajar punya orang. Dia ingat dia *terror* sangat. Ramai yang terlibat dengan projek MSC sedih dengan tindakan Toffler. Yang lebih sedih ialah Che Det sebab MSC projek Che Det, bukan projek orang kampung. Orang

kampung bukannya ambil tahu sangat hal MSC tu. Dapat hidup dengan aman, tak ada kacau bilau sudahlah. Buat apa pening kepala memikirkan masalah negara. Bukannya dapat apa pun. Tapi jika tidak ambil tahu masalah negara, nanti dikata tidak patriotik pula. Susahlah macam ni....

Media utama banyak *twist the story* terutama dalam isu pemecatan Sdr. Anwar. Media perlu bertanggungjawab kepada pemerintah, tetapi media juga perlu bertanggungjawab kepada pembaca. Jika media hanya bertanggungjawab kepada pemerintah, apa jadi pada pembaca. Tanpa pembaca, siapalah media. Haruskah pembaca disalahkan kerana mencari media alternatif selain media utama. Kenapa kita terkejut apabila hampir 10 juta orang melayani *homepage* Sdr. Anwar sejak beliau dipecat sebagai TPM dan Menteri Kewangan. Che Det sendiri yang mengakui keadaan ini. Pembaca suka pada berita yang sensasi dan gosip walaupun ada yang tidak masuk akal. Tapi yang tidak masuk akal itulah yang jadi rebutan.

Pembaca tidak begitu berminat dengan berita mengenai prosedur dan perjalanan perbicaraan mahkamah, susah nak faham. Banyak bahasa teknikal dan bahasa undang-undang. Orang kampung bukannya faham sangat bahasa undang-undang. Tapi tidak semua orang kampung bangang dan bahalol. Ada orang kampung yang lebih bijak dari menteri. Ada yang pandai guna internet. Bukan orang kota saja pandai guna internet. Orang kota pun berasal dari kampung juga. Tapi mana-mana orang kota yang tidak mahu mengaku berasal dari kampung, ikut suka kau oranglah. Aku peduli apa.

Yang peliknya, banyak pula berita tentang perbicaraan Sdr. Anwar dalam mahkamah. Yang tahu bahasa undang-undang tak mengapalah. Tapi bagi yang tidak pernah mendengar perkataan *prima facie, modus operandi* dan entah apa-apa benda lagi tu, susahlah sikit. Sebab itu ada pembaca yang mengambil kesempatan memboikot media utama kerana dianggap cuba mempermainkan emosi pembaca terutama bagi mereka yang tidak mempunyai banyak sumber berita. Kesannya, jualan dua buah akhbar utama pada satu ketika merosot sedikit. Jualan Utusan Malaysia pada satu ketika merosot 40% manakala Berita Harian dan The New Straits Times merosot hampir 25%. Perlukah kita menyalahkan pembaca kerana menggunakan internet sebagai sumber berita. Atau perlukah kita dengan begitu mudah mendakwa mereka sebagai diperalatkan oleh media asing bagi mewujudkan keadaan tidak aman dalam negara. Perlukah kita

membuat dakwaan sebegitu rupa? Kenapa nak salahkan anak ketam yang berjalan mengiring?

Tapi kalau ada yang masih degil dan ketagih dengan berita internet tu, ikut suka kau oranglah. Internet satu kemudahan mendapatkan maklumat, kenapa disia-siakan. Tapi internet bukan buatan Malaysia. *Softwarenya* pun bukan hasil ciptaan rakyat Malaysia. Mahu tidak mahu, terpaksalah kita mewujudkan mekanisme pertahanan diri melindungi diri dari pengaruh anasir asing yang disifatkan sebagai kurang ajar dan biadab. Tapi sampai bila? Batu pun menjadi lekuk apabila ditimpa titisan air yang berpanjangan, inikan pula manusia, kecualilah manusia yang tinggi kemanusiaanya. Setiap manusia dinilai dari segi kemanusiaannya, hati dan perbuatannya, bukannya pakaian yang mahal dan kelihatan bersih pada zahir semata-mata. Tetapi sukarlah nak mencari manusia yang tinggi kemanusiaannya pada masa sekarang. Kalau zaman dulu, memanglah ramai. Masa sekarang mencari manusia yang tinggi kemanusiaannya umpama mencari seteguk air di Gurun Sahara. Ia amat berharga seperti permata sehinggakan ada yang menganggap manusia dan kemanusiaan itu sebagai mahkota kerohanian. Apalah nilai kita di sisi manusia. Apalah nilai kita di sisi Tuhan.

Kita sekarang bukan hidup zaman Junaid Al Baghdadi atau Abu Yazid al-Bustami ataupun Sakdun al-Majnun yang dianggap gila pada sesetengah orang, sedangkan merekalah yang mempunyai kemanusiaan yang tinggi. Majnun menjadi gila kerana kehilangan Laila. Romeo menjadi gila kerana kehilangan Juliet. Kita menjadi gila kerana tekanan perasaan dan tekanan perasaan dan tekanan suasana. Ada yang menjadi gila kerana kecewa dalam politik kerana politik adalah putar belit. Sesiapa yang tidak pandai memutar dan membelit, akan mengalami kekalahan dalam dunia politik. Peperangan dalam politik tidak semestinya melibatkan senjata dan sekumpulan tentera. Cukup dengan menggunakan jentera pentadbiran. Jentera pentadbiranlah senjata 'peperangan'. Lihat 'peperangan' antara Che Det dengan Sdr. Anwar. Siapa yang menang, siapa yang kecundang. Hang tikam aku, aku tikam hang. Orang lain peduli apa. Buat tak nampak sudahlah.

Haruskah kita menganggap kebanyakan belia yang berdemonstrasi di jalan raya sebagai kurang ajar dan tidak ada adab. Tapi itulah anggapan kebanyakan orang terhadap mereka. Mereka cuma meluahkan perasaan yang terpendam dalam dada, tidak puas hati dengan apa yang berlaku,

tidak mendapat maklumat yang menyakinkan dari media utama, tapi perlukah mereka dilayan sedemikian rupa. Adakah mereka dengan sengaja mewujudkan keadaan huru hara agar negara tidak stabil. Adakah mereka tidak redha dengan apa yang ada? Adakah mereka buta sejarah dan buta mata hati? Adakah mereka penjenayah yang perlu dihukum seberat-beratnya tanpa bicara. Kenapa kita tidak bertanya mengapa mereka membuat bantahan sedemikian rupa. Adakah mereka kurang waras atau hilang akal. Perlukah mereka dilayan seperti budak-budak hingusan? Sekarang bukan zaman 70-an. Sekarang zaman menuju alaf baru yang memungkinkan masyarakat mendapat berita dari pelbagai sumber.

Tapi kalau ada yang masih degil nak buat demonstrasi, *mendesak* Perdana Menteri meletak jawatan, ikut suka kau oranglah. Aku peduli apa. Siapa-siapa yang kena tangkap jangan rayu supaya dijamin. Tidur la dua tiga malam dalam lokap. Dapat juga pengalaman jadi tahanan polis. Tapi kalau nak buat reformasi juga, tunggulah pilihanraya. Siapa pun tak larang. Pangkahlah parti mana yang kau orang suka dan yang kita orang suka. Kita negara demokrasi, boleh guna budi bicara. Tapi siapa yang perjuangkan demokrasi dan budi bicara?

Hormat, hormat juga. Derhaka, derhaka juga. Apa salahnya sekali sekala menjadi Jebat menuntut bela sahabatnya Hang Tuah dan Tuah dihukum kerana apa? Adakah Tuah si penjenayah atau Jebat si penjenayah. Adakah ianya satu keputusan melulu apabila mengatakan Jebat adalah wira dan Tuah adalah samseng dan tali barut raja. Kalau benar raja berdaulat, kenapa menghukum budak tidak bersalah dalam peristiwa Singapura dilanggar todak. Hang Nadim yang mengemukakan pandangan agar dibuat kubu dari batang pisang menggantikan betis manusia menerima hukuman bunuh kerana didakwa bakal menjadi pesaing kepada raja. 'Raja' yang menggunakan 'budi bicara' mengarahkan agar Hang Nadim dibunuh. Orang yang menceritakan kebenaran dihukum bunuh. Orang yang menyebarkan fitnah lepas merdeka. Undang-undang apa ni? Undang-undang apa lagi kalau bukan *law of the jungle and we are the jungle people...heee...jungle people*. Dan singa pun berkata, 'aku lebih layak menjadi raja kerana aku paling kuat antara kamu semua'.

Persaingan antara Che Det dan Sdr. Anwar boleh diibaratkan sebagai pertempuran antara dua ekor singa jantan untuk menjadi 'raja' yang bakal menguasai wilayah jajahannya. Jika mengikut habitat alam terutama dalam kelompok singa, singa yang paling tua dan paling kuat

menjadi 'raja' manakala singa yang lebih muda tidak boleh mengganggu kawasan singa tua. Tetapi 'Raja Singa' yang tua terpaksa menghadapi tekanan dari singa yang lebih muda yang ingin menjadi 'raja' dan seterusnya menguasai wilayah jajahan yang sama. Justeru itu, tidak hairanlah singa muda sanggup bertarung nyawa menentang singa tua yang asalnya 'raja'. Pertarungan antara singa tua dan singa muda itulah pertarungan politik dan dalam pertarungan itu, sudah tentulah ada yang tercedera, mungkin juga cedera parah atau terus mati. Singa tua yang menghadapi tekanan, jika tidak dapat mengekalkan kuasa dalam wilayahnya, lama kelamaan akan tersisih ataupun disisihkan oleh sekelompok singa muda, berdarah muda. Dalam hal ini, singa tua terpaksa melepaskan 'jawatannya'sebagai penguasa wilayah secara sukarela tanpa melibatkan pertempuran dengan singa muda. Dia tidak perlu menanggung risiko diserang oleh singa muda jika mengambil keputusan mengundur diri secara terhormat. Jika singa tua tetap degil ingin mempertahankan *status quo*nya, maka dia terpaksa menghadapi risiko, bukan sahaja dari singa muda, tetapi juga dari penghuni belantara lain yang sudah bosan dengan kepimpinannya.

Dan pertempuran antara Che Det dan Sdr. Anwar, siapa yang menang? Singa tua atau muda. Yang penting, pertempuran antara singa tua dan singa muda tidak harus mengorbankan kepentingan penghuni belantara lain yang hidupnya kais pagi makan pagi, kais petang makan malam.

Mungkinkah *The Lion King* kekal di atas takhta dan membiarkan pesaingnya, singa muda terkulat-kulat kerana tidak sempat menjamah kerusi empuk sebagai 'raja' belantara moden. Atau mungkinkah *The Lion King* mengundurkan diri tapi mengekalkan kuasanya dalam jajahan dengan melantik anak singa sebagai 'pewaris', yang mewarisi kekayaan dan kemewahan belantara. Hidupan lain biarkan saja terpinga-pinga dan meronta-ronta kelemasan kerana belantara tempat mereka mencari mangsa dilanda kegawatan ekonomi. Dan Raja Singa pun berkata 'ah, lantak kau oranglah, aku peduli apa'. Siapa yang mahu selamat maka masuklah ke dalam kelompok Raja Singa. Siapa yang degil dan keras kepala dan menyertai singa muda melancarkan reformasi, memang nak cari nahaslah. Kalau tidak ditembak oleh pemburu, akan diperangkap oleh Jabatan Haiwan Liar dan dihantar ke zoo, jadi tontonan orang ramai. Setiap hari bolehlah tengok muka terpapar dalam media tidak kira bahasa.

Jika Raja Singa mewarisi pemerintahan belantara anaknya, maka akan wujud Dinasti Singa. Siapa pun tidak boleh mempertikaikannya. Mungkinkah akan wujud Dinasti Singa. Jika wujud Dinasti Singa, siapa yang akan jadi *The Last Emperor?* Tetapi jika jajahan Raja Singa 'dirampas' oleh singa muda yang cedera, maka akan berlaku perubahan yang agak besar dalam struktur pentadbiran belantara itu. Pemimpin jajahan kecil yang tidak sehaluan dengan singa muda dan masih mahu kekal dengan tradisi kuno, akan ditukar dan diganti dengan pemimpin dari kalangan singa muda. Sudah tentu akan berlaku pergelutan lagi antara pengikut singa tua dengan pengikut singa muda. Pergelutan politik itu tidak akan berakhir selagi adanya politik taksub kepartian yang akhirnya membawa perpecahan di kalangan hidupan kecil lain. Dan singa muda yang cedera itu ialah Sdr. Anwar.

Perpecahan akibat pergelutan politik itu hanya dapat diselamatkan dengan satu prinsip keadilan tidak kira kepada hidupan yang besar atau kecil, jerung atau bilis, yang merangkak atau yang merayap, yang terbang atau yang menjalar. Yang terbang tidak bolah mengaku ianya bijak kerana lama kelamaan ia akan letih dan akhirnya menjadi makanan kepada yang merangkak dan merayap. Mungkinkah *The Lion King* akan memakan kesemua mangsa yang mengikuti gerakan reformasi singa muda. Kalau benar begitu, adakah Sang Kelembai akan memainkan peranan sebagai badan pelindung mergas tua (badan kehakiman) melindungi kebajikan hidupan kecil yang menjadi mangsa pergelutan politik antara singa tua dan singa muda. Tunggu dan lihat.

Pokok kopi pokok koko,
Ditanam orang sepanjang jalan,
Jika takut dengan risiko,
Jangan bicara tentang perjuangan.

Jika mahu tahu betapa peritnya perjuangan, lebih-lebih lagi dalam politik, tanyalah Che Det atau Sdr. Anwar. Tentu mereka tidak keberatan menceritakan pengalaman mereka ketika bersama dan ketika mengalami krisis. Sedangkan lidah lagi tergigit, inikan pula pak menteri. Jika takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai, jika takut hilang jawatan, janganlah jadi pencacai. Soalnya, siapa jadi pencacai?

Walaupan kelihatan serias tetapi tetap tenang dalam menghadapi kemelut Politik dan ekonomi.

Anwar ceria dalam gelora. Pemecatannya mencetuskan berbagai reaksi dari masyarakat tempatan dan antarabangsa. Mampukah beliau "make a come back" dalam UMNO?

Sebahagian pengikut setia Anwar terus menggerakkan reformasi sebagai tanda simpati mereka kepada Anwar Ibrahim.

BAB 10

MASYARAKAT KALUT KERANA INTERNET

SEMBILAN BELAS sembilan puluh lapan akan diingati sebagai tahun Internet bagi Malaysia kerana penyaluran dan penyampaian maklumat yang berbagai dan melimpah ruah serta yang penting memulakan penglibatan aktifnya dalam politik negara. Ia menandakan dimensi baru dalam perjuangan politik negara iaitu komunikasi politik melalui ruang maya.

Semuanya bermula sejak isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO pada 2 September lalu berikutan dakwaan salah laku moral sebagaimana yang disebutkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tidak lama selepas itu laman web pro Anwar Ibrahim telah diwujudkan. Bahkan kecenderungan membina lebih banyak laman web oleh penyokong Anwar kelihatannya lebih memuncak apabila polis menyerbu ke rumah beliau dan mengambilnya; mereka juga memberikan amaran kepada isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail supaya tidak memberikan ucapan di tempat terbuka.

Saat itu, dengan Anwar berada di bawah tahanan ISA dan kerajaan bersikap tegas terhadap mereka yang mengadakan demontrasi pro reformasi, perjuangan reformasi yang diperjuangkan Anwar berpindah ke ruang maya.

Sejak itu laman web pro Anwar Ibrahim tumbuh bagaikan cendawan lepas hujan. Bukanlah tujuan penulisan ini untuk memihak kepada mana-mana pihak tetapi sekadar meneliti perkembangan terkini dalam dunia komunikasi Malaysia yang melalui tahap baru dalam saluran penyebaran berita dan maklumat iaitu menggunakan medium Internet sebagai wahana dan wadah perjuangan politik tanah air.

Maka tidak keterlaluan untuk dikatakan dalam suasana krisis kegawatan ekonomi dan dalam berhadapan dengan isu pemecatan Anwar Ibrahim serta tuduhan kes liwat dan rasuah yang dihadapkan di mahkamah, Internet telah muncul sebagai saluran komunikasi alternatif utama dalam

capaian dan perolehan berita dan maklumat mengenai Anwar dan perbicaraannya di mahkamah serta krisis ekonomi negara.

Walaupun akhbar alternatif terbitan parti PAS, *Harakah* didakwa mempunyai pengedaran menghampiri 300,000 naskah tetapi siaran beritanya masih terbatas kepada dua kali seminggu iaitu Jumaat dan Isnin. Berbanding laman web pro Anwar Ibrahim, berita dan maklumat terkini yang disiarkan bukan sahaja setiap hari bahkan hampir setiap jam.

Dengan alasan-alasan tertentu seperti cara pengendalian pemecatan secara tidak adil serta dakwaan perbuatan meliwat yang dikatakan sesuatu keterlaluan yang direka dan tuduhan melampau, tiba-tiba sahaja Anwar Ibrahim muncul bagaikan wira Internet, sesuatu yang dia sendiri tidak jangkakan berbanding dengan Dr Mahathir dijadikan bahan kritikan di ruang maya itu.

Walaupun Dr Mahathir merupakan orang yang mencetuskan idea kepada pembentukan Koridor Raya Mulitmedia Media dengan bandar Cyberjaya serba kecanggihan itu peliknya beliau menerima banyak kecaman di ruang maya.

Inilah ironinya tamadun maya!* Tamadun yang meletakkan Internet sebagai saluran penyebaran maklumat dan berita tanpa sempadan. Mungkin dalam penerimaan teknologi maklumat kita tidak begitu menghiraukan aspek kebebasan kerana jangkaan kita ia tidak akan menggugat keselamatan dan menimbulkan kecelaruan daripada segi penerimaan dan penyebaran maklumat sebagaimana yang dialami sekarang.

Dalam hal ini kita lebih mementingkan aspek kecanggihan yang ditawarkan teknologi maklumat dengan mengenepikan latar budaya Internet. Bahkan petanda awal kepada wajah "keliaran" Internet lahir sejak isu khabar angin mengenai rusuhan pendatang asing dari Indonesia di Chow Kit di mana empat orang iaitu tiga orang pakar komputer dan seorang pengurus bank ditahan di bawah ISA pada 7 Ogos lalu.

Tindakan tidak bertanggungjawab mereka menyebarkan khabar angin melalui Internet menyaksikan rakyat dan negara menerima padah. Pada tarikh itu, warga Kuala Lumpur menjadi panik. Premis-premis perniagaan di Chow Kit ditutup lebih awal berbanding hari biasa. Warga

kota mengelak daripada mengunjungi kawasan itu dan ramai yang pulang awal dari kerja. Kalangan ibu bapa segera menjemput anak mereka dari sekolah terutamanya berdekatan dengan Chow Kit. Pusat beli-belah dan kedai tiba-tiba menjadi tumpuan warga kota yang membeli barang runcit secara berlebihan, kononnya sebagai bekalan menghadapi rusuhan.

Berita palsu yang merebak lebih pantas pada petang tarikh berkenaan apabila warta kota membawa mulut turut menyebabkan nilai ringgit yang sedia lemah mengalami kejatuhan berikutan penjualan semalaman di London dan New York. (*Harian Metro*, 24 Ogos 1998). Pengamatan di Internet menunjukkan khabar angin itu mula merebak melalui mel elektronik (e-mail) dan Internet Relay Chat (IRC) atau newsgroup, seawal 4 Ogos.

Khabar angin secara umumnya mengatakan warga Indonesia akan merusuh akibat rasa tidak puas hati berikutan mereka akan dihantar pulang selepas permit kerja mereka tamat pada 15 Ogos. Dilaporkan Mimos (Insititut Sistem Microelekronik Malaysia) - salah sebuah syarikat pembekal perkhidmatan Internet negara - dapat mengesan satu e-mail tanpa tandatangan yang memberi amaran kononnya warga Indonesia membeli banyak parang untuk merusuh. E-mail tanpa tandatangan itu dipercayai tersebar luas beberapa menjelang tarikh bila rusuhan itu kononnya akan berlaku.

Sehubungan itu Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata kerajaan tidak pernah melakukan tapisan berita yang dihantar melalui Internet. Ia sentiasa membenarkan pengaliran bebas maklumat tetapi tindakan yang kerajaan lakukan adalah wajar. (*British Broadcasting Corporation* atau BBC, 26 September 1998, edisi elektronik).

Langkah wajar Kerajaan itu dapat dilihat daripada kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rusli Tan Sri Ghazali bahawa ini bukan persoalan main-main atau acah-acah, ini adalah persoalan keselamatan negara dan keharmonian kaum." (BBC, 10 Ogos, 1998, edisi elektronik).

Tindakan kerajaan diharapkan akan menjadikan pengajaran kepada pengguna Internet supaya lebih bertanggungjawab dalam penghantaran dan penerimaan sebarang berita supaya tidak mengedarkan tanpa usul periksa.

Selain daripada penyebaran berita mengenai khabar angin rusuhan di Chow Kit, kadang kala kesahihan berita dan maklumat yang dikemukakan dalam laman web pro Anwar masih dapat dipertikaikan seperti dalam berita mengenai perletakan jawatan Menteri Pendidikan, Datuk Najib Tun Razak dan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi. Apatah lagi kalau berita itu tidak wujud dan direka-reka kerana biasanya berita yang diperolehi daripada saluran Internet tidak diketahui sumber beritanya, oleh itu kita tidak mengetahui sejauh manakah kesahihannya.

Perkembangan yang berlaku ini menunjukkan bahawa Internet adalah medium yang boleh digunakan untuk meluahkan sebarang perkara dengan tidak mengira sama ada ia berita khabar angin, catatan `first hand experience' sebagaimana yang dilakukan Sabri Zain (sering mengisahkan mengenai peristiwa demontrasi seperti `rein of terror') dalam membuat laporan mengenai isu demontrasi di Kampung Baru, memberikan pandangan melalui mailing list, discussion group, bilik borak dan berita yang diperolehi daripada agensi berita luar negara dan berita alternatif daripada laman web-laman web alternatif yang pro Anwar dan anti Mahathir.

Bahkan sejak Anwar dipecat pada 2 September lalu sehinggalah rencana ini ditulis lebih 50 laman web pro Anwar telah diwujudkan dan semua berita, artikel, analisis, gambar real audio dan video seperti ucapan ceramah Anwar dan pemimpin lain berada dalam hampir setiap laman web tersebut. Oleh itu daripada dua isu yang berlaku iaitu khabar angin dan isu pemecatan Anwar, kerajaan dan masyarakat Malaysia berhadapan dengan realiti budaya Internet sebenar yang berasal daripada Amerika, budaya masyarakat bebas menyiarkan sebarang maklumat melalui berbagai saluran dan percetakan dan Internet lahir daripada persekitaran budaya Amerika itu.

Inilah wajah sebenarnya Internet dengan ciri globalisasi dan dunia tanpa sempadan, mungkin Dr Mahathir sendiri tidak menyangka bahawa isu pemecatan Anwar Ibrahim mencetuskan fenomena baru dalam negara, perjuangan membela Anwar dan mempertahankan keadilan yang disaksikan dengan perwujudan laman web Anwar yang begitu banyak di ruang maya.

Berdasarkan kepada perkembangan yang berlaku di negara kita akhir-akhir ini dan dari segi tertentu, hujah yang mengatakan teknologi komunikasi adalah ibarat pisau bergantung kepada penggunaan manusia sama membunuh atau menggunakan untuk tujuan kebaikan boleh disangkal. Teknologi komunikasi tidak pernah bersifat berkecuali atau `neutral'. Teknologi komunikasi massa lahir dalam persekitaran tertentu dan ia dibentuk dan dipengaruhi oleh persekitaran tersebut. Jadi apakah yang `neutral' mengenainya.

Mengapakah begitu banyak ruang yang boleh digunakan untuk penerbitan rancangan pendidikan dan bermanfaat di televisyen tetapi perkara yang menarik untuk disiarkan ialah unsur hiburan. Walaupun tidak menjalankan sebarang kajian, tinjauan rambang menunjukkan bahan hiburan memperuntukan lebih 50% daripada kandungan siri rancangan di televisyen. Tidak usah pergi di Amerika untuk menonton rancangan televisyen di sana, tonton saja rancangan televisyen di negara kita pun sudah memadai.

Begitu juga dengan perakam video, VCD (Video Compact Disc), DVD (Digital Video Disc) yang banyak dijual di pasaran ialah berunsur hiburan yang berkaitan dengan musik dan filem-filem Barat dan Hindustan. Ini kerana televisyen, perakam video, VCD atau DVD (begitu juga dengan MP3) dicipta dalam budaya dan sistem yang mementingkan aspek kebendaan, hiburan dan komersial yang terangkum dalam ideologi dan sistem kapitalisme. Tidak kira di manakah ia digunakan, jika sistem kapitalisme wujud dan diamalkan di sesuatu tempat maka fenomenanya adalah sama.

Namun kita tidak menafikan terdapat juga rancangan pendidikan tetapi ia lebih memenuhi keperluan dan kuota, jika tidak tentu ada orang yang akan berkata, "takkan semua rancangan tv diisi dengan rancangan hiburan sahaja." Lebih menarik lagi kalau kita amati pandangan mengenai teknologi baru komunikasi yang dikemukakan oleh tokoh komunikasi dan pencetus idea kampung sejagat (Global Village), Marshall McLuhan yang berkata "Kita membentuk peralatan dan kemudiannya ia membentuk kita pula." (*New Internationalist*, Disember 1996)

Maksud yang tersirat di sebalik pandangan mendalam yang dikemukakannya ialah teknologi bukan saja terdiri daripada perkakasan - sama ada ia pemukul, kapak, komputer dengan cip Pentium yang

bertenaga, Internet atau segala kecanggihan yang boleh ditawarkan kepada kita.

Membataskannya kepada aspek perkasasan atau membicarakan kehebatan teknologi maklumat di sekitar MSC seolah-olah memisahkannya daripada akar sosialnya, budaya yang merangkuminya. Kesimpulannya? Bukan perkasasan yang merupakan masalahnya, tetapi manusia itu sendiri.

Secara mudahnya teknologi baru komunikasi hadir dan membawa bersama-samanya cetakan budaya di mana ia berasal. Ia dilahirkan dalam sistem yang merupakan struktur sosial masyarakat tersebut: "Ia digabungkan ke dalamnya," jelas seorang saintis dari Kanada, Ursula Franklin dan ia boleh diperkuatkan dan dimusnahkan, biasanya dalam cara yang diramal atau dijangkakan. (*New Internationalist*, Disember 1996)

Apa yang Franklin nyatakan ialah teknologi tidak pernah bersifat berkecuali. Walaupun teknologi itu bersifat mesra dengan manusia ia boleh meninggalkan kesan sosial yang mengemparkan dan tidak dijangkakan. Dalam hal ini bagaimana kedudukan Internet di negara kita, adakah budaya Amerika itu harus kita kesampingkan dalam penggunaan Internet di negara kita. Bagaimana kita hendak melakukannya, apakah kita perlu membuat tapisan sendiri.

Apakah kes empat orang ditahan di bawah ISA yang dikatakan menyebarkan khabar angin mengenai rusuhan di Chow Kit menjadi pengajaran kepada pengguna Internet di Malaysia supaya lebih bertanggungjawab dalam menerima dan menghantar sebarang berita yang diterima melalui e-mail atau sumber lain dalam Internet. Hakikatnya berdasarkan kepada kegawatan ekonomi, khabar angin rusuhan di Chow Kit dan isu pemecatan Anwar Ibrahim, kita sudah menjadi sebuah masyarakat yang benar-benar bermaklumat (walaupun tidak seperti yang diimpikan Perdana Menteri) hinggakan kita telah tenggelam di dalam lautan maklumat dan tidak tahu mana yang sahih dan palsu.

Bahkan mereka yang menggunakan Internet sekarang sudah mampu untuk tidak membaca akhbar arus perdana dan kehadiran Internet bertindak sebagai medium alternatif bagi perolehan berita dan maklumat mutakhir mengenai negara dari serata dunia melalui berbagai rangkaian terdapat di dalamnya.

Lihat saja kepada laman web Anwar Ibrahim, ada berpuluh laman web mengenainya, kita boleh saja melihatnya sama ada kita percaya atau tidak dengan dakwaan dan keterangan di dalamnya terpulanglah kepada kita, buatlah tapisan sendiri. Kini masyarakat kita lebih bermaklumat hingga tidak tahu membeza manakah maklumat yang betul dan manakah maklumat khabar angin yang menjejaskan kredibiliti Internet.

Oleh itu kita juga harus mengetahui apa itu maklumat, bagaimana sesuatu maklumat itu sahih dan bagaimana pula membezakan maklumat palsu, direka-reka atau bersifat khabar angin. Lebih mendalam lagi masyarakat kita harus membezakan antara maklumat dan ilmu pengetahuan. Maklumat belum tentu menjadi ilmu pengetahuan. Masyarakat harus dididik dan didedahkan mengenai maksud dan pengertian maklumat dan ilmu pengetahuan.

Kalau kita merujuk kepada Al-Quran, prinsip dasar yang diletakkan bagi penerima maklumat adalah Firman-Nya:

"Janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya endengaran,penglibatan dan hati, semua itu akan diminta pertanggungjawabannya (Q.S. 17:36)

Dari sini dilihat perlunya kita membezakan maklumat antara yang penting atau tidak. Begitu juga dengan mereka yang membawa maklumat atau sumbernya haruslah diamati sama ada boleh dipercayai atau tidak atau lebih penting lagi dari mana datangnya maklumat itu. Jika sesuatu maklumat yang diterima dinilai penting haruslah diselidiki kebenarannya. Surah al-Hujuraat ayat 6 menuntut kita dengan Firman Allah: *Hai orang-orang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa naba' (berita), maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaanya, yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.*

Ayat ini menyatakan mengenai berita yang perlu diselidiki adalah yang disampaikan atau disebarkan oleh *orang fasik* (yang melakukan dosa besar dan sering melakukan pelanggaran kecil). Meskipun demikian tuntutannya, bila dalam satu masyarakat sudah sukar benar diketahui sumber pertama sesuatu berita - hingga tidak diketahui penyebarnya fasik atau tidak - atau apabila dalam masyarakat terdapat

banyak orang fasik, maka berita apa pun yang penting, tidak boleh diterima begitu saja.

Dalam konteks yang sama, Imam Ali r.a. berkata: "Apabila kebaikan meliputi satu masa bersama-sama orang-orang di dalamnya, lalu seseorang berburuk sangka terhadap orang lain yang belum pernah melakukan cela, maka sesungguhnya ia telah menzaliminya. Tapi apabila kejahatan telah meliputi pada satu masa serta banyak pula yang zalim, lalu seorang berbaik sangka terhadap orang yang belum dikenalnya, maka ia sangat tertipu."

Oleh itu yang penting apakah yang dapat Internet sumbangkan kepada kita, bukan sekadar muntahan dan lambakan maklumat kosong, sampah dan penipu yang sukar digunakan sebagai bahan ilmu pengetahuan. Memandangkan kita tidak mempunyai pengamalan kepada pendedahan maklumat sebegini banyak dan ini merupakan kejutan pertama yang dialami maysrakat Malaysia, kita mungkin harus memulakan peranan sebagai penerima maklumat kritikal, meneliti berita dan memeriksa sumber berita atau pembawa maklumat serta membuat tapisan sendiri sebagaimana yang ditunjukkan Al-Quran. Ini antara ciri untuk menjadi sebuah negara bestari.

Sekarang ini bukan Internet yang memandu kita tetapi kita yang sepatutnya menjadi jurupandunya, menghalakan Internet untuk tujuan dan kepentingan kita dan negara supaya tidak terbabas daripada pengaruh teknologi baru komunikasi.

* *Tamadun Maya* - Kehidupan di sebalik skrin komputer. Banyak kegiatan di Internet seperti MUD (Mutli User Domain), sejenis permainan lakon peranan di mana sesiapa saja boleh mewujudkan sebuah keluarga di dalamnya. Keluarga tersebut dibina daripada pengguna Internet serata dunia yang boleh menyamar sebagai lelaki atau wanita dan mereka akan bertemu setiap hari. Selain itu terdapat newsgroup, e-mail, permainan web, Usenet, Fidonet, Telnet dan talian berborak (chat lines) atau mIrc membentuk suatu kehidupan yang kini di Barat dikenali sebagai `*Virtual Civilization'* atau Tamadun Maya.

Dari kerutan akhbar Utusan Malaysia

APABILA INTERNET DISALAH GUNA

Internet dan teknologi berkaitan dengannya seperti mel elektronik (e-Niaga), chat, IRC dan sebagainya merupakan teknologi yang tidak dapat dinafikan kecanggihannya.

Internet yang pada awalnya dibangunkanuntuk kegunaan pihak berkuasa pertahanan dan universiti di Amerika Syarikat kini telah berkembang melangkaui jangkaan pencipta-pencipta awalnya kerana mencatatkan pertumbuhan yang paling pesat dalam sejarah industri dunia.

Malaysia yang merupakan negara sedang membangun dan sedang menuju matlamat menjadi negara maju menjelang tahun 2020 tidak mahu ketinggalan dalam teknologi tersebut dan dengan aktifnya memperkenalkannya kepada rakyat negara ini.

Bermula dengan sebuah agensi kerajaan iaitu MIMOS menawarkan khidmat akses Internet melalui perkhidmatan Jaring, kemudian diikuti oleh Telekom Malaysia melalui Tmnet dan kini turut ditawarkan lesen mengoperasikannya kepada lima syarikat swasta yang lain.

Kesemua langkah yang diambil oleh kerajaan dan pihak swasta ini merupakan inisiatif untuk memberikan rakyat kemudahan mendapatkan perkhidmatan akses Internet dengan mudah dan kadar yang murah.

Selain itu, sebagai membuktikan keikhlasan kerajaan untuk membolehkan rakyat negara ini menyelami 'lubuk maklumat' tersebut, kerajaan telah memaklumkan bahawa maklumat-maklumat di dalam Internet tidak akan disekat.

Akhir-akhir ini, hasil daripada usaha kerajaan dan syarikat-syarikat swasta mempromosikan Internet dan teknologinya kepada rakyat negara ini dapat dilihat perkembangannya dengan Malaysia mencatatkan lebih daripada sejuta penggunanya.

Selain itu, banyak syarikat, agensi kerjaan dan individu telah mempunyai laman-laman web tersendiri dalam Internet dan menyediakan alamat e-mel kepada kakitangan untuk membuktikan kepada dunia bahawa mereka juga tidak ketinggalan dalam dunia IT.

Teknologi yang telah mewujudkan dunia tanpa sempadan tersebut seperti yang diketahui tidak terkecuali daripada digunakan oleh pelbagai golongan, tanpa ada untuk tujuan kebaikan dan sebaliknya.

Beberapa bulan lepas, kita dikejutkan dengan khabar angin yang mengatakan terdapat pergaduhan di Jalan Chow Kit yang disebarkan secara meluas melalui e-mel walaupun sebenarnya perkara tersebut tidak berlaku.

Kemudiannya, timbul pula pelbagai tapak-tapak Internet yang menyebarkan pelbagai maklumat berkaitan isu semasa yang berlaku di negara ini yang mempunyai pelbagai tujuan (mengikut kehendak penciptanya).

Dipertikaikan

Disebabkan Malaysia mengamalkan sikap terbuka dalam teknologi Internet ini, terlalu banyak individu atau pertubuhan yang telah menggunakannya sebagai satu saluran baru untuk mereka menyatakan apa sahaja yang mereka inginkan melalui laman-laman Web atau e-mel 'layang' mereka.

Bagaimanapun, apa yang dikhuatiri ialah terlalu banyaknya laman-laman web tersebut lebih banyak menyiarkan cerita-cerita yang direka sendiri (dengan motif sendiri) yang asas kebenarannya boleh dipertikaikan.

Tetapi yang menarik ialah ramai juga pengguna-pengguna Internet di negara ini (yang kebanyakannya golongan terpelajar) mempercayai 100 peratus apa yang dilaporkan di dalam Internet ini (yang identiti penciptanya tidak diketahui) berbanding berita yang dilaporkan oleh media massa.

Presiden MIMOS Berhad, Tengku Dr. Mohd. Azzman Shrifiudeen sendiri menyatakan baru-baru ini bahawa 80 peratus khabar-khabar angin dalam Internet adalah palsu dan tidak harus dipercayai.

Apabila keadaan ini berlaku iaitu Internet menjadi pusat penyebaran maklumat 'sampah' dan bukannya sumber maklumat sahih, sekaligus telah menyebabkan Internet yang satu ketika dipandang tinggi oleh masyarakat kini dipandang sebaliknya.

Ini kerana kebebasannya telah disalahgunakan oleh golongan tertentu untuk menyebarkan maklumat-maklumat tertentu dengan tujuan tersendiri yang boleh memberikan kesan negatif dari segi pandangan masyarakat.

Sebenarnya, masih banyak kebaikan dan kelebihan yang ditawarkan oleh Internet kepada masyarakat terutama dari segi pendidikan dan berkomunikasi yang perlu diaturakan kepada masyarakat. Kerutan Akhbar Utusan Malaysia

BAB 11

PERANG MULUT DIJAGAT KOMPUTER

Perang mulut atau debat politik tidak lagi dibataskan kepada pentas, televisyen atau radio, tetapi berpindah ke jagat komputer melalui medium Internet.

Keadaan ini bersesuaian dengan pandangan yang mengatakan menguasai masyarakat adalah dengan menguasai media. Inilah juga yang dilakukan pemimpin terkini. Namun kisah yang mula dirintis secara tidak sengaja oleh John F. Kennedy dapat dijadikan panduan antara hubungan politik dan teknologi baru komunikasi dan kesan dan pengaruhnya kepada masyarakat.

Pada September 1960, dua calon presiden Amerika Syarikat, Senator John F. Kennedy dan Timbalan Presiden Richard Nixon dipertemukan dalam perdebatan politik secara langsung yang pertama melalui kaca televisyen. Nixon, lebih tua dan berpengalaman merupakan calon pilihan. Tetapi dia tidak biasa dengan TV. Oleh itu di bawah limpahan cahaya kamera studio dia berpeluh dan tergagap-gagap ketika berdebat.

Kepada pengundi yang menonton perdebatan tersebut di kaca televisyen dia kelihatan seperti seseorang yang tidak jujur. Kennedy seorang kacak dan karismatik kelihatan sebagai seorang calon sesuai untuk televisyen. Kamera sentiasa memberikan tumpuan kepada beliau. Akhirnya dia menang dalam pilihan raya presiden yang menunjukkan bagi pertama kali kuasa televisyen dalam politik.

Hampir empat dekad berlalu, seorang lagi presiden Amerika sedang bergelabah di bawah sinaran cahaya media. Sekali lagi medium komunikasi baru yang masih di peringkat kelahirannya sedang membentuk wacana dan penglibatan politiknya.

Pada pertengahan bulan September, Kongres AS memampangkan Laporan Starr lengkap mengenai hubungan Presiden Bill Clinton dengan bekas pelatih Rumah Putih dan penafiannya mempunyai hubungan di Internet, rangkaian perhubungan sejagat melalui komputer.

Oleh itu Capitol Hill menjadi gelanggang pandangan orang awam dalam cara yang tidak pernah berlaku sebelum ini – tidak ditapis oleh pertubuhan berita, peramal politik dan peguam. Usaha pihak pembangkang menggunakan teknologi untuk membuat capaian kepada laporan berita dan maklumat mengenai Clinton ternyata membawa hasil yang tidak dijangkakan di mana wujudnya serangkaian sumber mengenai laporan yang belum ditapis dan segala pembuktian mengenainya boleh diperolehi dengan begitu banyak dalam rangkaian komputer sejagat.

Ia termasuklah laporan setebal 445, di samping beberapa ribu muka surat mengenai keterangan bersumpah Clinton dan pasangan yang ditemuinya, Monica Lewinsky, tambahan lagi empat testimoni yang dirakam melalui video di hadapan juri agung.

Adakah Clinton membuat sumpah berbohong atau secara tidak sah menghalang siasatan? Mereka yang menonton tranmisi video digital dan menggunakan tetikus bagi melayari teks yang penuh keterangan dan maklumat itu tentulah dapat membuat kesimpulan sendiri dan menghantarnya pula kepada berjuta *Netizen* atau Warga Internet seluruh dunia.

Namun apa yang dipaparkan Starr merupakan fenomena terkini kepada peranan yang dimainkan rangkaian komunikasi sejagat – suatu eksperimen penyertaan demokrasi dalam skala yang besar. Isu yang berlaku dalam Internet ini sedang merubah cara masyarakat menanggapi peranan mereka dalam sistem politik.

Oleh itu kerajaan dan parti politik haruslah membuat suatu penilaian mengenai sejauh manakah orang awam akan terlibat secara langsung dalam proses politik dan perundangan, atau ia sendiri mengawasi sistem tersebut. Adakah perkembangan yang berlaku di Amerika itu ada persamaannya dengan apa yang berlaku di negara kita? Kita lihat tidak lama selepas pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 September 1998 daripada jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad banyak laman web pro Anwar dihasilkan.

Sejak itu ribuan rakyat Malaysia log masuk ke laman web pro Anwar dan kumpulan berborak (chat groups) yang mengkhususkan kepada perbincangan mengenai penyingkiran Anwar seperti *Anwar.com.my*,

laman web yang diwujudkan oleh para penyokongnya dan laman yang serupa (mirror site) yang terletak di luar negara seperti *www.anwar.cjb.net.*

Kandungan laman web pro Anwar berkisar daripada rakaman ucapan Anwar yang boleh dicapai melalui perisian Real Player sehingga kepada kritikan terhadap czar ekonomi Malaysia dan penasihat ekonomi negara, Tun Daim Zainuddin dan laporan berita yang didakwa tidak disiarkan oleh media arus perdana yang dikawal kerajaan. Namun jika kita mengamati perkembangan yang berlaku di Malaysia, ia adalah rentetan daripada perkembangan-perkembangan yang berlaku di serata dunia. Ia merupakan trend yang tidak boleh disekat dan tidak boleh diketepikan begitu saja. Ia seolah-olah membentuk suatu budaya baru perjuangan politik secara on-line atau komunikasi politik melalui maya.

Apa yang dikatakan '*War of words on the Internet*' atau 'Perang Mulut di Internet' yang berlaku di peringkat antarabangsa ialah dalam bentuk serangan siber atau `*cyber attacks'* ke atas laman web seperti laman web tentera India dan laman web pro-Kosovo yang memperlihatkan kempen-kempen ideologi dan nasionalis sempit. Pada 16 Oktober, agensi berita India PTI (Press Trust of India) melaporkan mengenai disyaki wujudnya "gerakan-gerakan perisikan pihak Pakistan " yang "merampas (hijacking)" satu-satunya laman web tentera India iaitu '*Kashmir A Paradise*' yang memberikan pandangan India mengenai Kashmir.

Buku catatan pengunjung laman web di mana pengunjung boleh meninggalkan ulasan selepas mengunjungi laman web tersebut penuh dengan kata-kata superlatif dan kata-kata mencarut," lapor PTI, yang menyifatkan serangan tersebut "sebagai sebahagian daripada perlancaran perang siber (*cyberwar*) mendahului rundingan India-Pakistan," yang bermula di Islamabad pada hari yang sama.

PTI memetik sumber pegawai tentera India yang tidak mahu dikenali sebagai berkata terdapatnya keperluan mendesak mengadakan dasar Internet untuk menentang serangan seperti itu tetapi pada bulan Ogos seorang hakim mahkamah tinggi India, Pawan Duggal memberitahun PTI bahawa India "tidak benar-benar bersedia untuk menghadapi serangan hebat jenayah siber".

Seminggu selepas serangan siber, laman web *Kashmir A Paradise*

muncul semula kata-kata amaran di atas laman web tersebut: "Penceroboh komputer (Hacker) masih mencuba bersungguh-sungguh, " 3 cubaan dalam 3 hari".

Pada 20 Oktober, 1998, Pusat Penerangan Kosovo (KIC) yang menyokong perjuangan pemimpin parti etnik Albania, Dr Ibrahim Rugova melaporkan "penceroboh komputer yang mendakwa sebagai ahli pertubuhan pengganas Serb iaitu *Cma Ruka* (*Black Hand* atau Tangan Hitam) telah memecah masuk ke dalam laman Webnya".

Penceroboh komputer itu menampalkan salinan simbol nasionalis Serb dan keterangan gambar simbol dalam bahasa Serbia dan Inggeris dengan kata-kata: "Selamat datang ke laman Web pembunuh dan penipu besar!" dan "Saudara-Saudara etnik Albania, jata ini akan berada di dalam bendera kamu selama anda hidup!"

Terjemahan dalam Bahasa Inggeris berbunyi "*Welcome to the Web page of the biggest liars and killers!", and "Brother Albanians, this coat of arms will be in your flag as long as you exist!"*

KIC berkata para pelawat ke laman tersebut "berang dengan pencerobohan komputer", pembekalnya di New York dihubungi bagi mengelakkan sebarang pencerobohannya selanjutnya. Laman itu diwujudkan semula tetapi penceroboh kembali dengan balas dendam. "Laman web itu diceroboh oleh Pasukan Penceroboh Serbia (Serbian Hackers), *Cma Ruka*. Hidup Serbia!

Di benua Afrika, puak pemberontak yang berjuang untuk menggulingkan Presiden Republik Demokratik Congo, Laurent Kabila telah mengalihkan perjuangan mereka ke Internet sebagai usaha untuk mendapatkan bantuan kewangan dan mengnebahkan perjuangan ke serata dunia.

Beberapa laman web (www.congo.co.za) di pelayan yang berpusat di Afrika Selatan memberikan keterangan yang antara lain tujuan dan idealisme Pergerakan Demokratik Congo (CDM) dan menggesa rakyat supaya berjuang secara sukarela atau menderma kepada tabung CDM.

Selain itu laman tersebut mengandungi profil pertubuhan dan gambar yang menunjukkan bukti kekejaman yang dilakukan tentera Kabila

terhadap etnik Tutsi di Republik Demokratik Congo. Laman web tersebut dikenali sebagai "laman web rasmi pejuang kebebasan". Tahun lalu, saluran televisyen Rusia melaporkan terdapat usaha-usaha oleh penceroboh komputer untuk menembusi rangkaian komputer pihak berkuasanya.

Ketua Agensi Persekutuan Komunikasi Kerajaan Rusia (FAPSI) mengingatkan bahawa penyalahgunaan teknologi moden komunikasi akan "menjejaskan psikologi negara". Akhbar harian Rusia, *Komsomolkaya Pravda* melaporkan di negara jiran Rusia, Belarus, laman web Presiden Alyaksandr Lukashenka telah berulang kali dicerobohi.

Akhbar tersebut melaporkan (bulan Julai) dengan berkata penceroboh komputer membina laman web baru dengan imej Lukashenka "yang bertukar wajah di hadapan mata anda, mula-mula menjadi Hitler, kemudian Stalin, kemudian kembali Lukashenka". Di China penceroboh komputer dari Amerika telah merosakkan laman Web yang baru dilancarkan oleh pihak berkuasa China untuk menyalurkan pandangan rasmi negara mengenai rekod hak asasinya.

Laman yang dikendalikan Persatuan China untuk Hak Asasi, kumpulan yang mewakili China dalam dialognya dengan negara asing mengenai isu hak asasi. Laman ini biasanya mengandungi pautan kepada dokumen kerajaan dan artikel-artikel daripada media kawalan kerajaan.

Namun penceroboh komputer menggantikan laman rasmi itu dengan mesej politik mereka sendiri. Mesej politik penceroboh komputer yang hanya dikenali sebagai "*Bronc Buster*" berbunyi "Saya tidak percaya dengan propaganda penuh penipuan dalam laman web ini". Segala tindakan yang dilakukan oleh penceroboh komputer tidak dapat diterima oleh rakyat Malaysia kerana ia membawa masuk budaya pencerobohan virtual ke negara kita.

Walaupun tahap perang mulut negara kita tidaklah sehingga mencomotkan laman web orang lain,- suatu tindakan yang tidak bertanggung jawab - tetapi jika diamati akhir-akhir ini penyokong kedua-dua pihak iaitu Kerajaan dan Anwar telah mempertingkatkan kempen mereka di Internet. Walaupun kandungan informasi laman web kedua-dua pihak masih boleh dipertikaikan apabila memperkatakan mengenai tahap ketepatan maklumat, namun laman web yang dibina telah mencatatkan rekod kunjungan yang tinggi.

Laman web Reformasi contohnya menduduki tempat pertama di dalam senarai 100 Top List yang dicatitkan oleh TheCounter.com.

Setelah 30 hari atau lebih lamanya, Laman Reformasi be Internet akhirnya ia telah berjaya menduduki tempat paling atas di senarai 100 Top List yang dikeluarkan oleh TheCounter.com.

Pada 5 November 1998, Laman Reformasi mendapat 131,763 hits berbanding dengan pencabar terdekat dari adult.com yang menduduki senarai kedua pada 128,354 hits. Ini adalah kejayaan pertama kali yang diraih oleh sebuah laman web yang dihasilkan seorang anak Malaysia, mahazalim yang berjaya mendapat tempat pertama di dalam senarai Top List TheCounter.com yang menyenaraikan berpuloh ribu laman web dari seluruh dunia.

Laman Reformasi yang berada di http:// members. tripod. com/ ~ mahazalim telah dibina lebih sebulan lalu iaitu pada 4 Oktober 1998. alam masa tidak sampai sebulan pendaftaran di TheCounter.com, Laman reformasi telah menerima sejumlah 2 juta pengunjung.

Pada 4 November, satu rancangan berita dari stesen televisyen Australia iaitu SBS telah menayangkan laman web Laman Reformasi. Kejayaan memberangsangkan ini telah mendorong *mahazalim* terus berusaha menyajikan berita-berita terbaru dan memberikan ulasan-ulasan terkini terhadap perkembangan kes Anwar. Laman Reformasi dikategorikan di bawah "Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)" yang telah mengetuai kategori tersebut sejak ia dilancarkan.(Sila rujuk The Counter. com/ stats /toplists / 24.0.htm1).

Selain dari laman web Laman Reformasi penghasilan *mahazalim*, secara keseluruhannya laman web HARAKAH telah mendapat tempat ke-11 dan tempat ketiga di kategori `NGO' dengan 9.317 hits. Laman web *Reformasi Malaysia* di alamat http: //members. tripod.com/ ~ REFORMASI _MALAYSIA/ masih kekal ditangga ke 26 dengan 8300 pengunjung dan mengetuai kategori "persatuan (society)".

Walaupun kita melihat para penyokong Anwar yang menggunakan wahana ruang maya sebagai wadah perjuangan membela beliau setelah dipecat daripada kerajaan dan parti UMNO, wujud juga laman web anti

kerajaan itu.

Internet adalah wadah bebas sesiapapun boleh menghasilkan laman web dan mengemukakan pandangannya sama ada memihak kepada Kerajaan, Anwar atau parti-parti pembangkang.

Laman web paling terkenal ialah *AnwarGate - Conspiracy by a Man Possessed to Become the Next Prime Minister* (Konspirasi oleh seorang yang akan menjadi Perdana Menteri) dengan sub tajuk *Rebuttal Facts* (Fakta-Fakta Penafian) dan pandangan-pandangan perbandingan yang lain. Ia boleh dilihat pada http://wwwgeocities. com/SoHo/ 5945/ Anwar/conspire.htm. Kandungannya termasuk penulisan mengenai diri Anwar yang tidak diketahui, sejarah politiknya dan kegagalannya semasa menjadi menteri kewangan.

Laman web yang lain iaitu *AnwarTruth* pada http://members.xoom.com/anwartruth/whatisnew.html, *The Real Anwar Ibrahim* pada http://meltingpot.fortunecity.com/georgia/6/.

Kebanyakan kandungannya mengenai keratan akhbar dan salinan affidavid oleh Peguam Negara, Ketua Pengarah Penjara Malaysia dan pihak polis, kesemuanya berkaitan dengan kes mahkamah Anwar.

Bahkan buku yang paling dicari bertajuk 50 dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM juga terdapat di Internet untuk dibeban ke bawah (down load). Ia boleh diperoleh pada http:// members. xoom. com / boneka/ dan versi bab ke bab boleh didapati di homepej *AnwarTruth*.

Laman web penyokong kerajaan seperti *Welcome to Malaysia - Malaysia Unofficial News Centre* (Selamat Datang ke Malaysia - Pusat Berita Tidak Resmi Malaysia. Antara kandungan ialah mengenai kegawatan ekonomi, Mahathir Infopage, Search Malaysia Web dan Conribute Your Thought. Ia boleh dicapai pada www.geocities.com/Street/Exchange/4431.

Selain itu terdapat laman web dalam bentuk mesej seperti `bulletin board' atau papan buletin yang dihantar kepada web master dengan bentuk pengutaraan pandangan oleh orang ramai yang boleh dicapai pada www.geocities.com/WallStreet/Exchange/9433/mailto/.htm.

Terdapat laman web *Anti Reformasi* (boleh dicapai pada http://members.tripod.com/~antireformasi/) dan laman web *AnwarConda* dengan kata-kata `*Say No To Violence, We Love Malaysia, Our Home and Our Country*' (Kata tidak kepada keganasan, Kami Cintakan Malaysia, Rumah Kita dan Negara Kita) yang boleh dicapai pada http://anaconda.freesavers.com/egi-bin/framed/2428/pengenalan.html.

Tidak dinafikan laman web pro Anwar memang bercambah di Internet. Selain daripada laman web *mahazalim* terdapat laman web pro-Anwar yang pertama dan rasmi dihasilkan sejak Anwar dipecat iaitu Anwar Online yang dicapai pada http://members.tripod.com/Anwar—Ibrahim, yang mengandungi berita dan artikel dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris.

Laman web lain termasuklah Anwaribrahim.org pada http://www.anwaribrahim.org, Anwar Obrahim One (http://anwaribrahim1.com), Justice for Anwar dan Reformasi pada http://members.tripod.com/Anwarite dan laman web terbaru *Anwar Dot Reformasi*. Kandungannya banyak berkisar mengenai dakwaan ketidakadilan terhadap Anwar dan tuduhan keganasan polis terhadap mereka yang mengadakan demontrasi.

Selain itu terdapat juga bilik berborak (chat rooms) yang membincangkan isu politik semasa, kebanyakannya dikuasai oleh penyumbang-penyumbang pro-Anwar, termasuk *Malaysia Chat Room* pada http://www.siam.net/malaysia/index.shtml.

Oleh itu berikutan perang Internet yang berlaku selepas pemecatan Anwar, kempen pilihan raya menggunakan teknologi maklumat dijangka meluas pada pilihan raya umum akan datang. Perkara ini telah disebutkan oleh Presiden Parti Gerakan Datuk Seri Lim Dr. Lim Kheng Yaik.

Sehubungan itu katanya pengunaan Internet sebagai senjata politik yang tidak pernah berlaku sebelum ini telah mencetuskan suasana `perang Internet'. "Perang Internet juga boleh disifatkan sebagai permulaan kepada kempen pilihan raya umum dan Barisan Nasional harus mengambil iktibar daripada perkembangan ini", katanya (*Utusan Malaysia*, 23 November 1998).

Dr Lim mungkin sudah menjangkakan peranan dan pengaruh

teknolopgi maklumat ke atas rakyat dan tidak ingin rakyat diasingkan daripada perkembangan terkini. Oleh itu Barisan Nasional harus mempersiapkan diri berhadapan dengan `perang kempen politik' di jagat maya (cyberspace).

Bahkan Perdana Menteri berkata jika parti pembangkang menggunakan Internet dalam kempen pilihan raya dan untuk tujuan jahat, kerajaan juga akan menggunakan saluran itu supaya rakyat boleh menilai kebenaran sebenar. Cuma, tegas Dr Mahathir, penggunaan Internet untuk perkara yang kotor dan jahat amat menyedihkan dan mengecewakan kerana Internet sebenarnya satu alat yang amat berguna untuk menyebarkan ilmu yang baik.

Sudah tentu menjelang pilihan raya ini, kehebatan kempen antara parti kerajaan dan pembangkang tentulah akan berpindah ke jagat komputer. Adalah menarik untuk kita saksikan perkembangan ini kerana menandakan era baru dalam pilihan raya negara yang diadakan lima tahun sekali. Persoalannya sejauh manakah pengaruh Internet terhadap pengundi dalam membuat undian untuk menyokong Kerajaan yang ada sekarang dan mengundi parti pembangkang.

Di Amerika dalam pilihan raya baru-baru ini Internet dan e-mail menjadi saluran bagi ahli politik dari Demokrat dan Republikan untuk berkempen. Apa yang penting ialah pilihan dan keputusan rakyat. Walau banyak mana laman web Anwar dihasilkan di Internet sebagai penyaluran maklumat tetapi kalau rakyat menolaknya tidak ada gunanya juga. Segala keputusan terletak di rakyat, sama-samalah kita lihat nanti. Seperti yang diperkatakan Perdana Menteri kekuatan negara di tangan rakyat!



Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika melancarkan produk eksklusif penghasilan Cosmopoint Sdn. Bhd. CD-ROM Multimedia Interaktif bertajuk Windows to Malaysia tidak lama dulu.

Pertemuan dua minda.... Salah seorang ahli panel antarabangsa (IAP) MSC, futuris terkenal Alvin Toffler, mengunjungi Dr. Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri semasa beliau melawat Malaysia pada tahun ini.

Seorang Imam di Bosnia mengetuai upacara pengebumian semula mayat penduduk Islam yang ditemui dibunuh di pinggir Srebrenica - semua angkara ini didalangi oleh Amerika Syarikat -Gambar dari Berita Harian.

Mahathir sewaktu mengadakan persidangan akhbar bersama Perdana Menteri Turki, Tansu Ciller di Ankara (27 September 1994). (Gambar ini diambil dari buku Potret Mahathir)

Sebahagian rakyat menurun tandatangan dalam kempen "Sokong Malaysia" di PWTC di Kuala Lumpur baru-baru ini.

BAB 12

MUSUH BARU DR MAHATHIR

Koridor Raya Multimedia

Segala-galanya bermula daripada projek Koridor Raya Multimedia, ciptaan dan ilham Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Dr. Mahathir melihat salah satu cara untuk 'berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah' dengan negara-negara maju ialah dengan menguasai selok belok ilmu teknologi maklumat.

Menyedari hakikat ini, tanpa menoleh ke belakang, dalam sejarah Dr. Mahathir, belum pernah projek yang dirangka, dirancang terbengkalai begitu sahaja. Sejarah membuktikan, bahawa Dr. Mahathir merupakan prmimpin yang mengotakan apa yang dijanjikan. Projek kereta nasional, Protcn dan pesawat ringan, Engle, sekadar dua contoh yang boleh menceritakan kejayaan Dr. Mahathir itu.

Koridor Raya Multimedia, projek nasional terus menjadi sebutan umum. Sebelum ini, tidak ramai yang berminat bercerita mngenai Koridor Raya Multimedia terus menjadi sebutan dari bibir ke bibir. Dr. Mahathir menunjukkan keseriusannya apabila berjaya menambat hati beberapa pencipta nama di bidang itu seperti, Bill Gates.

Salah satu daripada kejayaan projek Koridor Raya Multimedia ialah memperkenalkan Internet. Melalui Internet, dunia di hujung jari anda. Apa sahaja maklumat yang anda perlukan, hanya perlu tekan butang komputer. Seperti kata bijak pandai, hanya orang yang menguasai ilmu maklumat, akan menguasai dunia pada masa akan datang.

Itulah yang cuba dilakukan oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir anak Kedah itu. Cuma apa yang paling ditakuti ialah unsur-unsur kebudayaan kuning yang terdapat pada Internet sekiranya penggunanya menyalahgunakan kemudahan canggih pada abad ke-20 itu.

Reformasi

Pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti sudah menjadi sejarah. Peristiwa 2 September menyaksikan Anwar disingkir daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Manakala pada 3 September pula, Anwar diterajang dariapda UMNO. Anwar kehilangan bukan sahaja jawatan Timbalan Presiden UMNO, tetapi juga keahlian UMNO. Anwar dibelasah kiri kanan oleh semua pemimpin dan media massa. Kalau mengikut sejarah Datuk Musa Hitam dan Datuk (sekarang Tun) Ghafar Baba, riwayat Anwar pasti lebih awal ditamatkan.

Itu sangkaan banyak pihak. Memang ramai dah menduga, Anwar yang sejak awal berdamping rapat dengan media asing pasti mendapat layanan yang istimewa daripada media asing. Lebih-lebih lagi Anwar yang diharapkan menjadi ayam tambatan mereka tiba-tiba disingkir pula daripada kerajaan dan parti. Lebih menaikkan darah mereka pula ialah apabila yang menyingkir Anwar ialah musuh media asing, Dr. Mahathir.

Anwar tidak mempunyai cara lain untuk menyuarakan pembelaannya hanya melalui gerakan apa yang dikenali sebagai Reformasi. Walaupun reformasi itu bukan perkara baru, malah merupakan perjuangan sebati UMNO sejak Anwar belum menjadi ahli UMNO lagi. Dan ketika pilihan raya umum lalu, DAP sendiri pernah melancarkan manifesto pilihan raya yang seakan-akan berbunyi reformasi iaitu CHANGE.

Akibatnya, DAP tersungkur lagi, kempunan impiannya untuk merampas Pulau Pinang. Kini giliran Anwar pula meniupkan suara reformasi untuk membangkitkan perasaan rakyat untuk bangkit menentang kerajaan dengan bermotokan keadilan.

Internet

Tiada siapa yang pernah menduga bahawa akhirnya Internet digunakan oleh para penyokong Anwar untuk menentang maklumat yang disebarkan oleh kerajaan. Mulanya tiada siapa yang peduli. Mulanya tiada siapa yang ambil pusing. Apa ada pada Internet. Berapa kerat

rakyat Malaysia yang mempunyai akses keapda Internet. Sangkaan itu ternyata meleset. Rupanya senjata makan tuan, setakat ini nampaknya. Bagai empang pecah, pelbagai laman atau web menyokong gerakan reformasi dilancarkan. Tiada yang dapat menahan kemaraannya. Yang menarik, hampir kebanyakan mula mempercayai kebenaran apa jua yang disampaikan dalam Internet tanpa banyak soal.

Keadaan menjadi sebaliknya apabila orang ramai kebanyakkannya mempertikaikan kesahihan maklumat dalam akhbar yang kononnya banyak dilakukan suntingan sehingga melahirkan berita yang tidak asli. Tetapi berita dalam Internet tidak ditapis, disunting malah disajikan dalam bentuk asal.

Begitulah hebatnya kekuatan Internet. Secara tiba-tiba Internet menjadi bahan sajian banyak pihak. Sebagaimana berbuih mulut menceritakan soal Internet. Apa saja maklumat yang disampaikan oleh pemimpin dalam media tempatan, ada saja jawapan daripada web Anwar. Malahan warkah dan wawancara Anwar sendiri dibuat secara lengkap dan disajikan dalam Internet. Antara yang termasyur ialah Surat dari penjara yang bersiri-siri. Yang peliknya, orang percaya. Akibatnya bukan sahaja pe yokong Anwar mendapati Internet sumber utama memancing minda rakyat tetapi juga pembangkang. DAP, PAS, PRM, Gerak dan Abim, misalnya semuanya mempunyai laman sendiri dan berwarna-warni pula lengkap dengan maklumat terkini. Maklumat mengupas apa jua kenyataan daripada pemimpin negara oleh 'penulis upahan' reformasi akan didapati dalam Internet dalam masa yang singkat. Malah, Internet bagi sebahagian besar rakyat merupakan antara bahan bacaan wajib. Bagi membuktikan betapa berpengaruhnya Internet, lihat sambutan orang ramai mengenai ajakan mengadakan perhimpunan haram saban Sabtu oleh penulis tanpa nama.

Pening polis dibuatnya. Kemuncak kepada isu ini ialah sokongan Naib Presiden, Amerika Syarikat, Al Gore, ketika menghadiri jamuan makan malam Majlis Perniagaan Ekonomi Apec. Gore menyifatkan tindakan perusuh itu sebagai 'rakyat Malaysia yang berani.'

Penggunaan Internet

Melihat kepada kesannya Internet, pemimpin Parti Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Kheng Yaik merasakan sudah sampainya parti komponen BN

menggunakan peralatan canggih itu menghadapi pilihan raya umum. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri merasakan 'perang Internet' akan melanda pilihan raya umum akhir abad ke-20. Pelbagai parti komponen mula menyedari peranan Internet, sebab itu laman BN perlu diperkemaskinikan setiap masa dan setiap hari. Ia bertujuan memberi maklumat terkini kepada peminat Internet selain menangis serangan pembangkang yang juga menggunakan Internet. Nampaknya jika tidak bijak menggunakan kemudahan Internet, ia boleh menyusahkan BN di belakang hari. Internet boleh menjadi seperti 'senjata makan tuan.' Seperti kata Dr. Mahathir, Internet itu boleh diibaratkan sebagai pisau. Jika tidak bijak, ia boleh 'meluka'atau 'membunuh' begitulah sebaliknya jika cekap menggunakannya.

Musuh BN

Kalau kisah Anwar dijadikan contoh, tidak dapat tidak, peranan Internet telah banyak membantu 'menyukarkan' kerajaan dalam memberikan maklumat tepat dan padu kepada kerajaan. Itu satu hakikat yang tidak dapat dinafikan.

Satu perkara yang tidak boleh ditolak mentah-mentah mengenai betapa Internet telah berjaya mempengaruhi sentimen kebanyakan rakyat untuk menentang Dr. Mahathir.

Rakyat yang dahagakan maklumat itu terus percaya dan termakan dengan segala dakyah yang dilemparkan oleh penulis tidak bernama dalam laman-laman Anwar. Kalau sejarah pilihan raya umum dijadikan kajian, Internet kini muncul sebagai musuh baru BN. Dulu BN menghadapi PAS, DAP, PBS, Angkatan Perpaduan Ummah, Gagasan kini berdepan pula dengan Internet. Badan pemikir (think tank) kerajaan sudah pasti berhempas pulas mencari jalan bagaimana untuk memastikan Internet tidak akan dapat memesongkan pandangan dan minda kebanyakan rakyat. Bayangkan apa akan berlaku sekiranya semua rakyat akur dan percaya kepada laporan Internet, meskipun berita di dalamnya belum lagi dapat dipastikan kesahihannya. Kalau kes Anwar dijadikan contoh sekali lagi, rakyat kebanykan terutamanya penyokong gerakan reformasi menganggap laporan dalam Internet benar, tepat dan tidak diselewengkan untuk tujuan dan kepentingan mana-mana pihak. Jika inilah berlaku, bermakna BN menghadapi laluan yang cukup sukar dan getir. Tetapi ini tidak bermakna, PM tidak dapat menankis serangan Internet.

Sebahagian penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang terbabit dalam perhimpunan reformasi di Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, baru-baru ini.

1,000 pelajar universiti adakan demonstrasi

Kira-kira 1,000 orang yang kebanyakkannya pelajar pusat pengajian tinggi menyertai demonstrasi berasingan di Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Masjid Universiti Malaya (UM) selepas solat Jumaat pada 27 November lalu.

Demonstrasi itu bermula sejurus selepas mereka selesai menunaikan sembahyang Jumaat pada kira-kira jam 2 petang.

Kira-kira 700 daripada mereka berkumpul di Masjid Ar-Rahman UM sebelum berarak menuju ke tepi Lebuhraya Persekutuan berhampiran pintu gerbang Darul Ehsan.

Kumpulan tersebut yang membawa kain rentang dan sepanduk melaung-laungkan slogan antikerajaan.

Bagaimanapun, mereka bersurai sebaik sahaja anggota polis tiba lima minit kemudian.

Menurut jurucakap polis, sebahagian besar penunjuk perasaan itu menutup muka dengan kain.

"Perhimpunan yang diadakan kali ini dilihat sebagai satu lagi usaha mereka untuk cuba menarik perhatian para jemaah yang menunaikan solat Jumaat walaupun tidak mendapat sambutan," katanya semasa dihubungi.

Sementara itu di masjid UPM Serdang pula, perhimpuna haram itu dikatakan bermula dengan kira-kira 50 orang sambil membawa sepanduk dan kain rentang antikerajaan.

Kumpulan itu yang turut melaungkan takbir kemudiannya menarik perhatian kira-kira 250 pelajar yang hadir di masjid itu, bagaimanapun mereka tidak menyertai kumpulan tersebut.

MAHASISWA Indonesia membakar bendera parti yang memerintah, Golkar dan gambar bekas Presiden, Suharto dalam satu tunjuk perasaan yang diadakan di Jakarta pusat semalam. Beratus-ratus mahasiswa mendesak agar semua sekutu Suharto, dibicarakan atas kesalahan pencabulan hak asasi manusia dan rasuah – Gambar dari Reuters

Duta Amerika Syarikat ke Amerika ke Malaysia, John Malott meninggalkan wisma Putra selepas duta itu dipanggil oleh Kementerian Luar berikutan ucapan Naib Presidennya, Al-Gore's menyokong tindakan reformasi semasa berucap di sidang APEC di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Ucapan Al-Gore itu telah menimbulkan kemarahan dan bantahan dari seluruh rakyat Malaysia.

BAB 13

SIAPA AGEN CIA ?

Negara digemparkan dengan berita berhubung penglibatan pemimpin besar negara terlibat dengan agen negara asing. Heboh diperkatakan tentang gejala pengkhianatan terhadap negara oleh pemimpin tertentu.

Persoalannya, siapakah pemimpin tersebut? Sejauh manakah penglibatannya dengan agen negara asing? Apakah jenis maklumat yang dikatakan diberikan kepada pihak asing? Apakah implikasi dari perbuatan tersebut? Apakah sudah terdapat bukti jelas berhubung dengan perbuatan tersebut? Kenapa isu pengkhianatan negara ini dihebohkan tanpa dibuktikan terlebih dahulu? Dan beberapa persoalan lain yang berkaitan.

Pada awal tahun 80'an negara dikejutkan dengan penglibatan sdr Siddiq Ghouse (Setiausaha Politik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri pada ketika itu) sebagai agen KGB (agen perisikan Soviet Union). Tindakan tegas telah diambil oleh kerajaan dibawah kepimpinan Almarhum Tun Hussien Onn terhadap pengkhianat tersebut. Datuk Harun Idris juga pernah menulis sebuah buku berhubung dengan gerakan Free Mason tajaan Yahudi Zionis dengan mengemukakan beberapa nama pertubuhan dan individu tertentu yang turut terlibat dengan gerakan ini. Berdasarkan kepada beberapa peristiwa dan catitan ini jelas kepada kita bahawa negara kita tidak terlepas dari terjebak dengan kegiatan yang mengkhianati negara.

Bila kita membicarakan siapa sebenarnya agen kepada agensi-agensi khas ini sama ada CIA atau KGB atau Mossad dan sebagainya ianya amat sukar. Ini kerana setiap individu yang terlibat kadang-kadang tidak menyedari tentang penglibatan mereka. Agen-agen ini bergerak dan bertindak tanpa sedar atau disedari oleh orang disekeliling mereka.

Agen tidak mengenali antara satu dengan yang lain. Mereka bergerak secara cukup halus dan meyakinkan. Kekadang orang yang paling kita sanjung dan rapat dengan kita itu adalah agen kepada agensi-agensi ini. Mereka mungkin pemimpin politik, tokoh masyarakat, pemimpin koperat, pegawai kanan kerajaan, pegawai tertinggi dalam pasukan keselamatan seperti polis dan tentera atau pertubuhan-pertubuhan bukan

kerajaan (NGO). Kita sedia maklum bahawa di dunia ini berlaku suatu pertembungan hebat antara timur dan barat atau dengan bahasa mudahnya ialah pertembungan antara Islam dan musuh-musuhnya (barat).

Kejayaan revolusi Islam di Iran cukup membimbangkan mereka. Iran dibawah pimpinan Khomeini telah dilihat sebagai faktor kepada suatu kebangkitan baru umat Islam walaupun berbeza mazhab. Dalam merangka strategi jahat untuk menghancurkan kebangkitan Islam pihak CIA telah menggunakan Saddam Hussien untuk melumpuhkan kekuatan Iran. Strategi ini tidak berjaya apabila Iran terus kukuh dan dalam masa yang sama politik Iraq bergelora dengan kebangkitan baru dari kalangan 60% populasi Iraq yang bermazhab Syiah. CIA merencanakan supaya perang Iran-Iraq ditamatkan bagi membolehkan Saddam mengawal keadaan dalam negara dan megembalikan sokongan rakyat kepada beliau disamping melumpuhkan kebangkitan Islam di Iraq. Dalam masa yang sama CIA mengarahkan Kuwait untuk bertindak mendesak Iraq melangsaikan hutangnya dengan kadar segera. Keadaan ini telah memaksa Iraq untuk menyerang Kuwait yang akhirnya menyaksikan kejayaan CIA yang terbesar dalam usaha untuk menghancurkan kekuatan umat Islam di rantau Teluk Parsi dan Semenanjung Arab.

CIA terus menjalankan perancangan jahat mereka dengan menggunakan PBB untuk memaksa serangan tentera ke atas Iraq dan dalam masa yang sama menasihati Saddam supaya menyerang Israel bagi meraih simpati negara-negara Islam lain. CIA terus berperanan menasihati Iraq untuk mengugut Arab Saudi bagi mengalih perhatian negara Islam terkaya dan paling berpengaruh untuk menyokong operasi "Desert Storm" tajaan CIA. Akhirnya Arab Saudi dibawah pimpinan kerajaan boneka Amerika ini bersetuju untuk menyokong operasi ketenteraan ini dengan membenarkan tentera bersekutu beroperasi dari dalam negara Arab Saudi dan sanggup membiayai keseluruhan kos perang Teluk. Diakhir episod ini kita menyaksikan kehancuran Iraq, Kuwait, Arab Saudi (berhutang dengan Bank Dunia melebihi 7 billion untuk membiayai kos perang), Palestine dan perpaduan umat Islam sedunia.

Sehingga hari ini Saddam terus menunjukan sikap keras dan tegasnya terhadap barat. Menentang barat secara terbuka, mengkritik barat terutamanya Amerika Syarikat. Kesan dari itu rakyat terus menyokong Saddam disamping terus menderita dengan tekanan antarabangsa. Saddam dilihat sebagai pejuang bangsa dan agamanya. Hakikatnya Saddam adalah

pengkhianat Agama dan Bangsanya sendiri. Apakah barat atau CIA tidak boleh membunuh Saddam sebagaimana mereka lakukan terhadap pejuang-pejuang Islam di Algeria, Mesir, Tunisia dan beberapa negara umat Islam lain. Jawabannya ialah kerana Saddam adalah aset utama mereka dalam menghancurkan umat Islam dan kebangkitan Islam di rantau itu. Justeru itu pemimpin yang kuat menghentam barat tidak semestinya bermusuh dengan barat bahkan mereka adalah agen barat dengan meraih simpati rakyat yang rata-ratanya anti kepada barat. Kesan dari tindakan 'berani' pemimpin ini rakyat terpaksa menderita.

Satu lagi agen yang dibela oleh CIA adalah Kolenal Muammar Gaddafi di Liby[a]. Kenapa Libya menjadi sasaran CIA selain Iraq?. Libya dikenali sebagai antara nagara penyumbang utama kepada pembangunan masyarakat Islam minoriti di seluruh dunia. Jutawan-jutawan Libya menyumbang kepada pembinaan sekolah-sekolah agama rakyat, badan-badan da'wah, pembiayaan pelajaran dan sebagainya kepada masyarakat Islam terutamanya di negara-negara bukan Arab seperti di Asia Tenggara (Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Myanmar, Cambodia dan Vietnam). Kegiatan ini amat tidak disenangi oleh CIA, maka mereka telah menaja Kolenal Gaddafi untuk menggulingkan kerajaan sedia ada melalui rampasan kuasa oleh tentera.

Rampasan kuasa ini tidak didokong oleh rakyat kebanyakan. Oleh yang demikian kedudukan Gaddafi goyah dan lemah. Pendekatan yang hampir serupa digunakan oleh CIA dalam menasihati Gaddafi iaitu tentang barat, dapatkan sokongan rakyat dan hancurkan negara melalui serangan dan tindak balas barat yang menggunakan PBB. Peristiwa letupan pesawat Pan Am di Lockerbee yang mengaitkan 2 warganegara Libya (tanpa bukti hingga kini) hanyalah lakonan dan mainan pihak CIA. Kejadiaan ini telah dijadikan alasan kukuh untuk menghukum rakyat Libya dengan mengenakan sekatan udara, ekonomi dan sebagainya. Tidak cukup dengan itu Amerika bertindak sendirian dengan menyerang Libya yang turut mengorbankan salah seorang anak Gaddafi sendiri. Dalam masa yang sama CIA terus menasihati Gaddafi supaya jangan menyerah 2 warga negaranya untuk diadili dengan harapan tindakan terus boleh diambil terhadap Libya dan rakyatnya.

Gaddafi terus dinasihati oleh CIA untuk bertegas dan menghentam barat disamping meraih simpati rakyat dan beberapa negara yang terus buta dengan lakonan CIA ini. Hasilnya Gaddafi terus berkuasa dan rakyat

terus menderita dan tamatlah episod bantuan Libya kepada umat Islam di seluruh dunia.

Persolan yang timbul kini, apakah CIA tidak boleh menghapuskan Gaddafi dari bumi Libya jika beliau yang menjadi kepala pengganas. Hakikatnya Gaddafi adalah terlalu penting bagi CIA untuk terus menghancurkan kebangkitan Islam di Libya. Ya, Gaddafi menentang barat, menjadi juara dan hero kepada rakyat tetapi apa untungnya kepada perjuangan Islam dan sumbangan kepada kebangkitan Islam. Gaddafi sebenarnya adalah pengkhianat agama dan bangsanya.

Demikian juga halnya di Malaysia negara kita yang tercinta. Dengan jatuhnya Suharto, diktator yang didokong oleh agen asing dan naiknya Habibie yang tidak berapa digemari CIA benar-benar mengancam perancangan mereka dirantau ini.

Kekosongan kuasa tertinggi Indonesia yang sebagaimana diharapkan oleh CIA (untuk kembali dikuasai oleh ABRI) tidak berlaku ketika peralihan kuasa. Kuasa Allah telah menentukan segala-galanya. Hati suharto berubah disaat akhir untuk tidak terus menjadi pengkhianat kepada bangsanya dengan melantik Habibie sebaik sahaja melepaskan jawatan tersebut. Kesan dari tindakan tersebut IMF terus menahan bantuan terhadap Indonesia.

Kebimbangan terhadap kebangkitan Islam di Malaysia yang amat berpengaruh di rantau ini amat digeruni. Jika pengaruh Islam dokongan Habibie terus utuh di negara yang mempunyai penduduk Islam teramai di dunia disokong oleh kebangkitan Islam di Malaysia ianya akan menjadi ancaman besar kepada CIA dan barat. Pengaruh dan suara Islam di Malaysia semakin hari semakin kuat dan bertenaga. Fenomena ini lebih dirasai dengan kejayaan proses Islamisasi yang dipelopori oleh sdr Anwar Ibrahim. Masyarakat Islam di Malaysia mula merasai nikmat hidup beragama melalui proses ini yang berlaku secara teratur dan terancang. Pengaruh Islam sudah mula melatari di setiap pelusuk dan sanubari rakyat.

Islam sudah dipandang tinggi dan mulia dalam masyarakat. Dokongan rakyat semakin padu terhadap kerajaan hasil kebangkitan ini. Inilah tujuan Dr Mahathir memasukkan sdr Anwar kedalam kerajaan. Dr Mahathir sedar bahawa rata-rata pendokong dan pemimpin UMNO tidak membawa imej 'reformer' atau perobah yang mampu mencorakan negara

sebagaimana kemampuan yang dimiliki sdr Anwar. Imej ustaz atau guru agama dalam UMNO gagal benar-benar merobah rupa bentuk masyarakat dan meraih simpati rakyat yang mencintai Islam (termasuk Dr Mahathir sendiri). Dr Mahathir sedar akan kelemahan ini, justeri itu Anwar diperlukan.

Keupayaan dan kemampuan sdr Anwar rupa-rupanya sudah melebihi apa yang disangkakan. Beliau terus berjuang menempatkan diri disamping membantu mengukuhkan kedudukan Dr Mahathir. Ini dapat disaksikan melalui jatuh dan tumpasnya satu persatu musuh-musuh politik Mahathir. Dr Mahathir semakin dilihat sebagai pejuang Islam dan pendokong kuat Islam sama ada di dalam mahu pun di luar negara hasil dari pengaruh program Islamisasi dokongan Anwar. Dalam masa yang sama cengkaman Anwar makin mendalam dan kuat dalam kerajaan dan parti. UMNO yang dahulunya dikenali sebagai parti 'Assabiyah Melayu' sudah mula bertukar wajah kepada Islam. Masyarakat sudah mula menerima kebangkitan Islam ala Malaysia yang berpandukan Al-Quran dan Sunnah.

Rupa-rupanya fenomena ini amat tidak disenangi oleh CIA dan agen-agennya termasuk yang menjadi agen secara sedar atau tidak. Bagi mereka Islam tidak boleh dibiarkan bangkit di rantau ini, apatah lagi dengan kegagalan mereka di Indonesia. Keadaan di Malaysia harus dikawal sebaik mungkin dan mereka telah mempersiapkannya terlebih dahulu dengan memastikan kepemimpinan tertinggi negara iaitu Perdana Menteri harus akur mengikut rentak mereka. Kaedah dan nasihatnya adalah sama sebagaimana yang mereka lakukan terhadap Saddam dan Gaddafi. Mereka menasihati Dr Mahathir supaya terus lantang mengkritik barat dan menunjukkan permusuhan dengan barat. Dengan cara ini simpati dan sokongan rakyat akan terus kukuh kepada beliau. CIA juga mengarahkan beberapa negara Islam yang berada dibawah telunjuk mereka untuk terus mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh Dr Mahathir dalam membela negara dunia ketiga. Ini manambahkan lagi keyakinan rakyat terhadap kehebatan dan ketokohan Dr Mahathir.

Dalam masa yang sama CIA terus menggunakan media luar negara Malaysia bagi menonjol dan menyokong Anwar. Anwar terus diberi pengikhtirafan di barat. Disambut dengan permaidani merah dan tembakan meriam ketika berkunjung ke Amerika Syarikat. Ditatang oleh barat agar menimbulkan syak dan wasangka terhadap Anwar dikalangan rakyat.

Dimasa yang sama Dr Mahathir terus menghentam barat dan sekutunya sehingga terlihat seolah-olah Anwar bersama barat dan Dr Mahathir bersama rakyat. CIA telah mengkaji psikologi masyarakat Malaysia terutamanya Melayu, bahawa mereka terlalu bencikan penjajah barat. Berbaik dan bersekongkol dengan barat secara terang-terangan adalah suatu pengkhianatan besar terhadap negara. Masyarakat melihat keadaan ini tetapi hakikatnya adalah sebaliknya. Persekongkolan secara senyap dan tersembunyi itu lebih bahaya dan merupakan pengkhianat yang tidak boleh diampun. Berlakon dihadapan rakyat memusuhi barat tetapi patuh kepada telunjuk barat di belakang rakyat.

CIA juga menggunakan Singapura sebagai sasaran kecamanan kerangan oleh Dr Mahathir dalam usaha untuk meraih sokongan rakyat termasuk pihak pembangkang. Isu demi isu ditimbulkan oleh Dr Mahathir berhubung dengan Singapura. Sejak isu Tanjung Pagar dipanaskan pula dengan isu air kemudiaannya isu keselamatan ruang udara dan pelbagai lagi isu yang akan terus dimainkan oleh Dr Mahathir mengikut rentak nasihat oleh CIA. Rakyat dapat merasai fenomena ini setiap kali menghampiri pilihanraya atau pemilihan parti. Rakyat juga jangan terkejut sekiranya sampai kepada satu peringkat dimana Dr Mahathir akan mengistiharkan perang terhadap Singapura dan mengarahkan seluruh rakyat untuk memberikan sokongan padu bagi melancarkan serangan ketenteraan terhadap Singapura tanpa sebab yang jelas.

Kemunkinan kearah itu semakin jelas apabila Malaysia mengistiharkan untuk memutuskan hubungan ketenteraan dengan Singapura. Dr Mahathir akan melakukan apa sahaja mengikut telunjuk penasihat-penasihat politik beliau sebagaimana Saddam melancarkan perang terhadap Kuwait. Akhirnya kita akan menyaksikan satu lagi rantau yang segar dengan kehijauan Islamnya hancur ditangan umatnya sendiri hasil telunjuk musuh-musuh Islam.

Apa yang penting dalam percaturan politik CIA ialah Islam tidak boleh dibenarkan bangkit di rantau ini. Oleh yang demikian, Dr Mahathir mesti terus berkuasa dan CIA akan memastikan hal ini berlaku sebagaimana mereka lakukan terhadap Saddam dan Gaddafi. Anwar tidak oleh dibiarkan terlepas sebagaimana Habibie. Anwar harus dibunuh politiknya sebelum ia bangkit menjadi barah yang sukar dikawal oleh CIA.

Tidak mustahil jika mereka gagal membunuh politik Anwar, mereka akan membunuh secara fizikal. Bagi mereka biar negara tergadai kepada Solomon, Smith & Barney (syarikat pelaburan Amerika milik penuh yahudi), biar rakyat menderita dan sengsara akibat pergaduhan dan peperangan, kerana apa yang penting Dr Mahathir akan terus berkuasa dan memerintah sehingga mereka menemui agen baru yang mampu menggantikan beliau (Dr Mahathir). Bagi CIA yang penting adalah untuk memastikan Islam berkubur di bumi Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Persoalannya sekarang siapakah sebenarnya agen negara asing dan pengkhianat negara?.

Kedua-dua pemimpin ini nampak mesra semacam antara mereka tidak ada apa-apa keretakan berlaku. Tetapi, tiba-tiba seperti halilintar memecah bumi, Anwar secara mengejut dilucutkan jawatan TPM dan UMNO oleh Dr. Mahathir. Seluruh dunia gah dengan pemecatan tersebut.

Rakaman kemesraan dan ketawa orang Anwar dan Dr. Mahathir ini diambil dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-52 di PWTC pada 20 Jun 1998.

Bekas Presiden Indonesia Suharto menandatangani dokumen perjanjian pinjaman dari tabung IMF dengan diperhatikan oleh pengarah IMF, Michael "Camdessus. Perjanjian itu dibuat sebelum Suharto meletakkan jawatan.

Disiasat...seorang penjual buku China menoleh ke arah poster Clinton yang mempromosikan buku skandal seks pemimpin Amerika itu di pesta buku Beijing baru-baru ini.

TERIMA KASIH SOKONG REFORMASI
KAMI SOKONG CLINTON
KAMI SOKONG AL GORE
KAMI SOKONG ALBRIGHT
CLINTON tangkap MAHATHIR
AS PEJUANG HAK ASASI
Apa kami mahu?

Oleh ZOY

SOKONG AS BANTU ISRAEL DITEBING BARAT
RESTUI KAMI BULI IRAQ!
ZOY

BAB 14

SEKAM DARI LUAR

Di sebalik kebanggaan menjadi tuanrumah Apec, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terus dibebani dengan pelbagai kontroversi.

Malah, sebelum bermula Apec, bermacam cerita ``pahit'' dikaitkan dengan sikap tegas Dr. Mahathir ketika berdepan dengan rakan sejawatannya dari Indonesia dan Filipina yang dilihat sebagai terlalu kuat menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tindakan Presiden Filipina, Joseph Estrada dan Presiden Indonesia, B.J Habibie menyokong Anwar jelas mengeruhkan sedikit hubungan dengan Dr. Mahathir walaupun ketiga-tiga pemimpin berkenaan tidak secara terang-terang bermusuhan. Khususnya, Estrada yang pada mulannya dikatakan tidak mahu menghadiri persidangan Apec tetapi akhirnya memutuskan untuk turut serta memberikan gambaran tentang hubungan luar dengan Dr. Mahathir.

Keengganan Estrada untuk menghadiri Apec bukan sekadar dilihat sebagai ransangan untuk menyatakan sokongan padu ke atas Anwar, malah rasa tidak puas hatinya terhadap tindakan Malaysia itu yang secara langsung ditujukan kepada Mahathir. Walaupun Estrada menyatakan tidak campur tangan dalam urusan Malaysia serta bersetuju menyertai Apec, tindakan awalnya itu sudah cukup membayangkan kerenggangan antara Manila dan Kuala Lumpur.

Campurtangan tidak langsung Estrada membayangkan betapa Presiden yang baru ``menapak'' itu seolah-olah mempunyai maksud tersendiri ke atas Malaysia yang dipimpin oleh Dr. Mahathir. Kenapa perlu Manila memberikan komen berhubung kenyataan Anwar sedangkan Filipina sedang bergolak dengan krisis ekonomi yang jauh lebih buruk daripada Malaysia. Ini mencetuskan persoalan baru?

Estrada mencampuri urusan Malaysia bersandarkan alasan Anwar sebagai teman yang cukup rapat. Apakah atas alasan tersebut, pemimpin

berkenaan boleh menyatakan pandangannya secara berlebihan atau ``ada udang di sebalik batu.''

Sememangnya tidak dinafikan bahawa Habibie dan Estrada adalah kawan Anwar tetapi campurtangan luar biasa sehingga menyentuh perasaan Malaysia jelas menampakkan sedikit kelainan. Ramai beranggapan, tindakan kedua-dua pemimpin berkenaan adalah disebabkan Dr. Mahathir. Masyarakat negara ini berpandangan jauh. Mereka nampak, selepas Apec berakhir, setelah tersiar gambar Dr. Mahathir dan Estrada mesra berjabat tangan, hubungan antara pemimpin kedua-dua negara tidak seperti digambarkan. Presiden baru, dasarnya juga baru dalam perhubungan dua hala.

Secara psikologi, Dr. Mahathir sudah mula diserang dari luar sewaktu kekecohan berlaku dalam negaranya sendiri. Entah kenapa atau mempunyai sebarang kaitan di sebaliknya, setiap kontroversi yang timbul mempunyai susulan. Pelik, tetapi itulah hakikatnya. Biarpun reda isu Habibie dan Estrada, timbul isu lebih besar sehingga membangkitkan kemarahan hampir keseluruhan warga Malaysia termasuk parti pembangkang yang sebelum ini mengecam Dr. Mahathir.

Semuanya berlaku di Apec, kejutan terbaru apabila Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore secara terang-terang melahirkan sokongannya kepada kumpulan reformasi di depan Dr. Mahathir dalam satu jamuan bersempena persidangan itu. Kebiadaban Amerika Syarikat terancang rapi untuk menyerang Dr. Mahathir.

Majlis jamuan yang seharusnya berjalan secara sopan di rosakkan Al Gore, ``pecacai'' bosnya Presiden Bill Clinton yang seolah-olah ``membaling batu sembunyi tangan'' ke atas Malaysia. Keengganan Clinton menghadiri Apec atas alasan sibuk tidak menampakkan rasionanya melainkan kesibukan Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq.

Atau, Clinton mempunyai alasan yang agak ``sopan'' mengikut kamus Amerika Syarikat dalam usaha mengelakkan kritikan ke atas dirinya yang sudah diaibkan oleh skandal seks dengan Monica Lewinsky jika bertindak secara terang- terangan membidas Malaysia. Oleh itu, jalan paling selamat menghantar ``kadamnya'' Al Gore untuk menghentam Malaysia di depan pemimpin nombor satunya Dr. Mahathir. Dengan kebiadaban secara terbuka oleh Amerika Syarikat itu, secara tidak

langsung tersenarai satu lagi ``musuh'' Dr. Mahathir tetapi kali ini di kalangan negara barat.

Perbezaan pendapat antara Habibie dan Estrada dengan Dr. Mahathir boleh diibaratkan sebagai persengketaan kecil jika dibandingkan Amerika Syarikat. Malah, Habibie dan Estrada masih mempunyai tata susila untuk melahirkan pendapat dengan cara lebih ``lembut'' sekalipun tidak begitu digemari. Tapi, campur tangan Amerika Syarikat seperti bom atom yang meletup di Hiroshima. Al Gore seperti bom atom, ledakannya menghiris hati jutaan rakyat Malaysia. Kenapa Amerika Syarikat biadap sebegitu rupa. Apakah Al Gore akan bertindak demikian jika pemimpin negara lain di Asia menghadapi situasi seperti di Malaysia.

Apakah ``pecacai'' Clinton itu akan membuka mulut untuk mengkritik Manila atau Jakarta yang turut menghadapi rusuhan, malah lebih hebat lagi. Ramai yang percaya Al Gore tidak akan menghentam pemimpin lain. Hanya Dr. Mahathir satu-satunya pemimpin yang menjadi kecamannya kerana kelantangan anak Melayu ini menyuarakan bantahan terhadap barat termasuk mengenepikan pandangan mereka dalam banyak hal.

Amerika Syarikat menyimpan dendam apabila Dr. Mahathir menolak bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi memulihkan ekonomi. Berbanding negara lain seperti Indonesia yang menerima IMF, Malaysia mempunyai kaedah tersendiri bagi memulihkan kegawatan ekonominya. Adalah memalukan apabila pemimpin Asia seperti Dr. Mahathir yang dianggap ``kerdil'' oleh negara ``gergasi'' seperti Amerika Syarikat menolak sumbangan yang disokong barat. Lebih menimbulkan kemarahan barat apabila Dr. Mahathir membandingkan Malaysia dengan negara-negara yang menerima IMF tetapi jauh lebih mundur selepas menerima bantuan itu.

Sebelum itu, Dr. Mahathir turut menghentam habis-habisan negara barat yang sering mencengkam negara dunia ketiga termasuk Malaysia. Lebih berani, pedagang mata wang George Soros dikecam hebat oleh Dr. Mahathir sebagai ``penyangak spekulasi'' kerana menjadi punca kemerosotan ekonomi. Hampir kesemua yang dibidas Dr. Mahathir disokong oleh Amerika Syarikat. Mereka tidak boleh diusik, jika diusik tentulah menimbulkan kemarahan Amerika Syarikat. Dendam yang

tersimpan lama menyebabkan Amerika Syarikat mencuri kesempatan untuk membidas Malaysia dalam Apec, perkara yang tidak seharusnya berlaku.

Amerika Syarikat menjalin persengketaan dalam Apec. Kenapa di Apec? Apec merupakan tempat paling ``strategik'' bagi Amerika Syarikat. Menghentam Dr. Mahathir di depan tetamu sememangnya menjadi cita-cita Amerika Syarikat, biar pemimpin negara lain menanamkan kebencian kepada Dr. Mahathir supaya lebih ramai tersenarai sebagai ``musuh baru Mahathir.'' Berbanding masa lalu, Dr. Mahathir dilihat sebagai tidak lagi seakrab dahulu dengan pemimpin di kalangan negara Asia Tenggara. Habibie, Estrada dan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong tidak sealiran pendapat dengan Dr. Mahathir.

Isu Pusat Pemeriksaan Kuarantin di Tanjung Pagar Singapura terlebih dahulu mengeruhkan perhubungan antara republik itu dengan Malaysia. Ditambah dengan pencerobohan ruang udara oleh tentera udara Singapura seolah-olah mahu menguji tahap kesabaran Malaysia. Kesemua ini merupakan cabaran terbaru Dr. Mahathir.

Kekecohan antara pemimpin negara luar dengan Dr. Mahathir dikeruhkan lagi oleh media asing. Peranan media asing kini bukan lagi sebagai pelapor tentang kebenaran, malah lebih kepada ``batu api.'' Tujuan mereka tidak lain, melaga-lagakan pemimpin berkenaan dengan Perdana Menteri Malaysia. Lebih menimbul kemarahan rakyat negara ini ialah apabila pelbagai cerita buruk mengenai Malaysia dilaporkan oleh media asing, malah penulis atau wartawannya sering menokok tambah dalam beberapa hal. Dr. Mahathir dalam satu temuramah ketika ditanya tentang Cinton memberitahu bahawa ketidakhadiran pemimpin Amerika Syarikat itu dalam Apec tidak memberi gambaran sebenar tentang keadaan terkini Malaysia.

Kata Dr. Mahathir, jika Clinton hadir, beliau sudah pasti dapat memperbetulkan tulisan dalam akhbar ``Herald Tribune'' yang sering memberi gambaran buruk mengenai Malaysia. Sudah pasti, ada sahaja cerita buruk yang dilaporkan oleh `Herald Tribune,'' jika tidak masakan Dr. Mahathir memberi jawapan sinis. Entah kenapa, Dr. Mahathir sering menjadi mangsa serangan media asing. Walaupun tidak pernah gentar dengan ancaman media asing, sikap buruk media asing tetap diteruskan untuk menenggelamkan popularity Dr. Mahathir. Bagaimanapun, Dr. Mahathir mendapat sokongan padu rakyat di bawah kepimpinannya

termasuk parti politik UMNO dan rakan dalam komponen Barisan Nasional (BN).

Setiap kali beliau dikecam, setiap kali itu UMNO menerusi sama ada Majlis Tertinggi (MT), Pergerakan Pemuda atau Wanitanya akan bangkit membidas sesiapa sahaja yang menentang Perdana Menteri. Begitu juga dengan parti komponen seperti MCA, Gerakan dan MIC yang turut berdiri teguh di belakang Dr. Mahathir setiap kali beliau diserang media asing atau pemimpin negara luar.

Agenda memburuk-burukkan negara oleh media asing perlu diberi perhatian serius oleh rakyat Malaysia. Dr. Mahathir sendiri seharusnya lebih bersedia untuk menghadapi serangan lebih teruk lagi kerana media asing terutama barat sentiasa mempunyai pelbagai cara untuk melemahkan pemikiran rakyat Malaysia. Serangan dari luar ini lebih berbahaya untuk dihadapi Malaysia. Media asing terutama barat akan melakukan apa sahaja untuk memburukkan Malaysia iaitu secara terang- terangan ke atas Dr. Mahathir.

Sebelum ini, isu jerebu sering diperbesar-besarkan oleh media asing untuk menampakkan Malaysia begitu teruk. Malah, selepas jerebu terhindar, laporan negatif tentang Malaysia tetapi disiarkan oleh media asing. Tindakan tersebut menjejaskan industri pelancongan di Malaysia kerana pelancong tidak akan datang ke Malaysia. Inilah sebenarnya tujuan media asing supaya apa sahaja perniagaan Malaysia terjejas atau menghalang kemasukan pelabur asing.

Ternyata, serangan oleh media asing sudah begitu lama. Cuma, selepas timbul kes Anwar, media asing mula ``menangguk di air keruh'' untuk mengeruhkan lagi suasana. Selain media asing, turut berkongsi idea untuk terus membidas Malaysia ialah beberapa pertubuhan bukan kerajaan NGO). Paling terbaru, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang secara terbuka menyokong Anwar disebabkan Timbalan Perdana Menteri itu pernah menjadi pelopornya, kini dilihat sebagai tidak bersetuju dengan beberapa langkah diputuskan Dr. Mahathir.

Semangat setia kawan ASEAN terserlah antara Dr. Mahathir dengan Presiden Filipina, Joseph Estrada semasa Presiden itu berada di Malaysia kerana menghadiri sidang APEC di Kuala Lumpur November lalu.

Dr. Mahathir bersama pemimpin-pemimpin negara dunia yang hadir dalam persidangan APEC di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Serius... Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (kiri) berbincang dengan rakan sejawatannya dari Indonesia, Ali Alatas di majlis perasmian sidang Apec, baru-baru ini.

Soros tuntut Mahathir disingkir, Anwar dibebas

Spekulator-George Soros semalam menuntut supaya Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad disingkirkan dan bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan.

Soros berkata, rakyat Malaysia patut menentang Mahathir kerana dasar-dasar beliau bertujuan mengekalkan kedudukannya dan memanfaatkan sekutu-sekutu politiknya.

"Beliau sebenarnya melakukan tindakan yang betul untuk dirinya sendiri kerana dia mahu mengekalkan kuasanya dan dia meletakkan dirinya dalam kedudukan untuk menyelamatkan kroninya yang mengalami masalah kewangan termasuk anak lelakinya.

"Jadi saya fikir, apa yang perlu berlaku ialah beliau perlu disingkirkan," kata Soros di hadapan hadirin yang memenuhi dewan di Universiti Johns Hopkins di Washington.

Soros, pengerusi Soros Fund Management dan penasihat kepada Quantum Fund, berpendapat bahawa kawalan modal yang dikenakan oleh Malaysia akan memburukkan lagi krisis kewangan negara ini.

Mahathir telah menuduh Soros dan spekulator asing lainnya menyerang ringgit dan mencetuskan kejatuhan ekonomi terburuk negara dalam tempoh puluhan tahun.

Bagaimanapun, Soros berkata, Mahathir memilih beliau untuk dipersalahkan atas sebab politik.

"Saya tidak berapa kenal namanya," kata Soros mengenai Mahathir. "Dia benar-benar mencipta saya (untuk dipersalahkan). Dia memerlukan saya untuk tujuan politiknya, jadi saya adalah cetusan imaginasinya."

"Saya berharap Anwar akan dibebaskan. Kalau dia dipenjarakan, rakyat akan menentang Mahathir," kata Soros apabila ditanya siapa yang patut menggantikan Dr. Mahathir.

Soros dijemput berucap di Universiti Johns Hopkins mengenai buku barunya, The Crisis of Global Capatilism tetapi beliau diminta mengulas mengenai keadaan ekonomi di serata dunia.

Soros mempertahankan peranannya sebagai tokoh kewangan global dan penggerakan pasaran

"Pasaran tidak bermoral, dan saya bukan orang yang berdosa," kata "Soros, walaupun spekulasi beliau telah menyumbangkan kearah kejatuhan mata wang pound Britain paa September 1992.

Selain Malaysia, Soros mengkritik kerajaan baru Rusia, dengan memberi amaran bahawa situasi di negara itu "tidak terkawal lagi" dan tidak banyak yang dapat dilakukan oleh dunia luar.

Beliau turut menuduh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) menjadi sebahagian daripada masalah yang melanda sistem kewangan dunia.

Dengan nada lebih optimis, Soros berkata, pemulihan pasaran kewangan baru-baru ini telah mengurangkan kemungkinan berlakunya kemelesetan di seluruh dunia. - Petikan dari Reuters

BAB 15

UCAPAN AL-GORE: BENARKAH MEDIA TERSALAH LAPOR?

Rakyat Malaysia dikejutkan dengan pembohongan dalam media tempatan yang telah mencapai kemuncaknya. Banyak fakta yang telah dipalsukan dan tidak boleh diterima langsung. Kenyataan-kenyataan akhbar juga terus diputarbelitkan. Dalam pada itu media-media tempatan ini telah berjaya menimbulkan perasaan marah yang teramat di kalangan rakyat dengan menghasut rakyat dengan berita yang tidak betul.

Kita hanya mendengar bahawa Al Gore telah mencampuri urusan dalaman Malaysia dan menggalakkan rusuhan dengan menyokong perusuh reformasi. Sehinggakan TV3 dalam beritanya menyatakan hanya pengganas sahaja yang mengenali pengganas. Adakah media melabelkan penyokong reformasi sebagai perusuh dan pengganas? Menurut media juga kesemua ahli APEC menyuarakan rasa tidak puashati dengan ucapan Al Gore. Semua ini adalah pembohongan. Kami sebenarnya tidak membela Amerika tetapi kecewa dan marah dengan berita media tempatan yang memalsukan kenyataan. Lagipun Al Gore hanya menyatakan sokongan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim dan penyokongnya. Adakah ianya satu kesalahan besar, seperti yang dimomok-momokkan oleh media dan pemimpin tempatan. Sekarang sudah ada pula teori dari media bahawa Amerika sebenarnya ingin menjajah semula Malaysia.

1) Al Gore dalam ucapannya telah mengumumkan tambahan sebanyak AS$ 10 billion oleh Amerika dan Jepun untuk membantu dalam meningkatkan ekonomi Asia. Ucapannya adalah lebih kepada memuji usaha-usaha Asia dalam menangani krisis tersebut. Pakej yang disarankan ini mengandungi AS$ 5 billion oleh Amerika sendiri dan AS$ 5 Billion lagi dari Amerika, Jepun, Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia. Menurul Gore antara yang akan menerima yang tersebut adalah Indonesia, Thailand, Korea Selatan dan tiga buah negara lagi yang paling teruk dilanda krisis ekonomi yang masing-masing akan menerima AS$ 1 billion. Jumlah yang selebihnya akan digunakan sebagai jaminan untuk mendapatkan pinjaman melalui Overseas Private Investment Corp., untuk membantu perniagaan sektor swasta. Fakta ini tidak pula di kemukakan.

2) Al Gore hanya memuji sedikit pejuang -pejuang reformasi sebagai berani menyuarakan ketidakadilan. Menurut beliau lagi kebebasan bersuara adalah sangat penting lebih-lebih lagi kita akan melangkah ke alaf baru. Rakyat Malaysia memang tidak meminta campur tangan Amerika, tetapi rasanya tidak salah bagi menyatakan sokongan mereka.

3) Tajuk utama Utusan Malaysia, 18 Nov - "Al Gore pemimpir biadab - Menghina Malaysia dengan ucapan menyokong perus reformasi". Tajuk utama ini terang-terang menyatakan penyoko reformasi sebagai perusuh. Kalau ucapan Al Gore menyokong reformas. maka dengan itu beliau telah menghina Malaysia. Adakah kenyataan ini dianggap sebagai menghina Malaysia ? Apakah ertinya perkataan hina ini?

Menurut lapuran tersebut Al Gore dinyatakan sebagai biadap, angkuh, lidah bercabang, kurang sopan, kurang ajar dan banyak lagi kerana menyokong rusuhan. Kami tidak kisah kalau media mengecam Al Gore tapi jangan sekali-kali memutarbelitkan cerita dengan menyatakan Al Gore menyokong rusuhan oleh para penyokong reformasi.

4) Kenyataan Lim Kit Siang yang di tayangkan di TV3 adalah satu pembohongan besar. Kami menyarankan Lim Kit Siang supaya menyaman TV3 kerana memalsukan kenyataan beliau. Menurut Lim Kit Siang, adalah tidak wajar untuk pemimpin Amerika itu mencampuri urusan dalaman tetapi menurutnya lagi jangan sampai pemimpin negara lain yang menegur kita. Pemimpin kita harus bertindak sewajarnya dengan mengambil kira pandangan rakyat.

5) Kenyataan media bahawa kesemua anggota APEC menyurakan rasa kesal adalah tidak betul. Hanya presiden Singapura dan New Zealand yang menyuarakan rasatidak puas hati mengenai ucapan Al Gore. APEC terdiri dari Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam. Ini bermakna hanya 2 negara dari 21 negara yang menyuarakan rasa tidak puas hati. Presiden Filipina, Joseph Estrada menyatakan bahawa beliau sebagai presiden negara yang mengamalkan demokrasi menyokongan penuh kenyataan Gore.

Kisah Rafidah, Albright, Al Gore sempena APEC

Amerika telah menjelaskan berulangkali bahawa Anwar Ibrahim adalah seorang tokoh yang amat dihormati," kata Albright. "Dia berhak untuk mendapatkan proses yang betul dan perbicaraan yang adil. Rafidah memberi jaminan kepada Albright bahawa "Amerika tidak perlu khuatir kerana mahkamah kita sememangnya adil. Untuk memudahkan perbicaraan Anwar, Dr Mahathir telah memastikan bahwa Ketua Polis Negara, Peguam Negara dan Hakim kes semuanya datang dari negeri Melaka. Tugas hakim agak mudah kerana beliau cuma perlu mengesahkan keputusan muktamad yang telah dibuat oleh Perdana Menteri."

Kemudian Rafidah menyatakan hasratnya untuk menemui Pendakwaraya Bebas, Kenneth Starr." "Tetapi dia tidak dipenjarakan di Sungai Buloh," jawab Albright.

"Untuk melihat apa yang beliau lakukan di sana," Rafidah membalas. Apabila dihubungi di pejabatnya, Kenneth Starr memberitahu wartawan bahawa Rafidah tidak perlu datang ke Amerika. "Saya akan datang ke Malaysia nanti untuk memulakan pendakwaan terhadap Dr Mahathir, Ketua Hakim Negara,Peguam Negara dan Ketua Polis Negara di atas tuduhan rasuah, menghina mahkamah dan membelakangkan prinsip2 keadilan," jawab Kenneth."Saya dengar Rafidah juga terlibat dengan salahguna kuasa dalam pemberian saham," sambung Kenneth.

Manakala Monica Lewinsky pula menyatakan kekagumannya akan mulut Rafidah yang besar. "Sayang dia tidak menggunakan kelebihan itu untuk memberikan kepuasan kepada Dr Mahathir," ujar Monica sambil memandang kepada sekeping gambar Ummi Hafilda yang diautograph oleh Megat Junid.

Amerika melancarkan serangan tajam ke atas Malaysia apabila Timbalan Presidennya Al Gore memberitahu pemimpin APEC bahawa Washington mendengar seruan "berani" untuk demokrasi dan reformasi.

"Rakyat yang mendapat demokrasi juga mendapat peluang dan tanggungjawab untuk menghapuskan rasuah dan kronism, menyokong peraturan yang adil yang melindungi pengguna dan perniagaan; menekankan kepadanan pembangunan yang melindungi alam sekitar; hak

untuk mendapatkan pendidikan dan jagaan kesihatan; menjunjung tinggi keadilan dan peraturan undang-undang," kata Gore.

Mengulas ucapan tersebut Rafidah melahirkan kekesalannya mengenai "kebiadapan" Naib Presiden itu. "Ucapannya betul-betul menyinggung perasaan Perdana Menteri dan menteri-menteri kabinet Malaysia termasuk diri saya sendiri. Tak patutlah dia cakap macam tu. Memanglah pimpinan negara ini banyak mengamalkan rasuah dan kronism tetapi sebagai tetamu dia kenalah hormati tuan rumah." kata Rafidah. Seterusnya beliau menambah, "Kita amalkan rasuah dan kronism dengan niat yang baik. Kalau kita tak tolong kroni kita, macam mana mereka nak cari makan, nak jadi multi-millionaire. Menantu saya pun susah nak hidup kalau saya tak tolong luluskan pemberian saham. Saya kena ingat kebajikan anak dan cucu saya."

Bila ditanya berkenaan dakwaan rasuah, Rafidah menjawab, "Kerajaan pimpinan Dr Mahathir tak ada terima apa-apa ganjaran dari sesiapa. Lagipun mana ada "rasuah" di Malaysia? Dalam kes Datuk Seri Anwar, rasuah hanyalah kalau seseorang tu menyalahgunakan kedudukannya untuk memaksa orang lain membuat perakuan sumpah palsu. Jadi kalau ikut definasi rasuah ini, tidak salah kalau kita terima "duit kopi"."

Keesokan hari Utusan Malaysia memaparkan di muka depannya tajuk, "Tidak Salah Kalau Kita Terima "Duit Kopi" - Rafidah". Artikel muka depan Utusan ditulis khas oleh Zainudin Maidin @ Zam @ Awang Selamat.

Al-Gore, aku nak ingat dekat hang, kalau ada di negeri aku pandai-pandailah hang jaga diri dan jangan cuba nak jadi hero reformasi di sini.

Rafidah Aziz seolah-olah menunding jari kepada setiausaha negara Amerika Syarikat, Mendelin Albright semacam mengingatkan Albright jangan cuba campur tangan kes Anwar Ibrahim semasa setiausaha negara itu hadir di sidang APEC di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Petikan kartun dari Utusan Malaysia.

The ***Sunday*** November 22, 1998

Disgusting!

"It's the most disgusting speech I have ever heard in my life. I hope I never live to hear another one from anyone likethat."

International Trade and Industry Minister Datuk Seri Rafidah Aziz's reaction to US vice-president Al Gore's speech at the Apec Business Summit dinner lauding protesters calling for reformasi (reformation), the rallying cry of supporters of sacked deputy prime minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, as "brave people".



Kurang sopan nampaknya Mat Salleh ni, mai negeri orang nak tunjuk besaq kepala dia. Kalaupun hang nak sokong reformasi, lantak hang seoranglah jangan dok hasut orang lain pula. Apa hang nak jadi Robinhood Malaysiakah? Boleh belah da.....

MUSUH BARU MAHATHIR

1998- Tahun Internet Bagi Malaysia

"Harakah" didakwa mempunyai pengedaran menghampiri 300,000 naskah tetapi siaran beritanya masih terbatas iaitu dua kali seminggu berbanding laman web Anwar Ibrahim yang mana berita dan maklumat terkini disiar bukan sahaja setiap hari bahkan hampir setiap jam. Sejak Anwar dipecat pada 2 September lalu sehinggalah rencana ini ditulis lebih 50 laman web pro Anwar telah diwujudkan.Dengan tiba-tiba sahaja Anwar muncul bagaikan **"Wira Internet".**

Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri merasakan *"Perang Internet"* akan melanda pilihanraya umum akhir abad ke 20.

Satu perkara yang tidak boleh di tolak mentah-mentah mengenai betapa Internet berjaya mempengaruhi sentimen kebanyakkan rakyat untuk menentang Dr. Mahathir. Rakyat yang dahagakan maklumat itu terus percaya dan termakan dengan segala tohmahan yang dilemparkan oleh penulis tidak bernama dalam laman-laman web Anwar tersebut.

Surah Al-Hujuraat ayat 6 menuntut kita dengan Firman Allah: ***Hai orang-orang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa naba"(berita), maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya, yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.***

Email : andaman@tm.net.my

ARUS ANDAMAN S/B
ISBN 983-40001-1-1

RM 8.90